

ISU KONTEMPORARI KESENIAN ISLAM

**Siti Norlina Muhamad
Nur Najwa Hanani Abd Rahman
Abdul Basit Samat @ Darawi**

**ISU KONTEMPORARI
KESENIAN
ISLAM**

2022

ISU KONTEMPORARI KESENIAN ISLAM

SITI NORLINA MUHAMAD
NUR NAJWA HANANI ABD RAHMAN
ABDUL BASIT SAMAT @ DARAWI

2022

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Isu Kontemporari Kesenian Islam

Cetakan Pertama November 2022

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Penyunting:

ISU KONTEMPORARI KESENIAN ISLAM

Penyunting:

Siti Norlina Muhamad, Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Abdul Basit Samat @ Darawi.

ISBN 978-967-19733-9-4

1. Islamic art.
 2. Islamic calligraphy in art.
 3. Government publications--Malaysia.
- I. Siti Norlina Muhamad, Dr.
II. Nur Najwa Hanani Abd. Rahman, Dr.
III. Abdul Basit Samat@Darawi, Dr.

297.267

Susunan:

Arabic: Traditional Arabic, 16

Malay/English: Tahoma, 12

Saiz Buku: 178 muka surat, 10" x 7".

Diterbitkan oleh:


Akademi Tamadun Islam

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Teknologi Malaysia

81310 Skudai

Johor Darul Takzim



PENGHARGAAN

Ihamdulillah, segala puji-pujian kepada Allah SWT di atas segala limpahan nikmat-Nya. Selawat serta salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW pembawa rahmat sekalian alam. Salam dan sejahtera buat *Ahlul Bayt* dan *Ashab* Baginda SAW yang sentiasa berada di bawah naungan rahmat Allah SWT.

Berkat ‘*inayah* Allah SWT, buku ini dapat dipersembahkan kepada khalayak. Penghasilan buku “**Isu Kontemporari Keseniaan Islam**” sesuai dan tepat pada masanya ketika mana minat dan kecenderungan masyarakat Islam terhadap ilmu semakin meningkat.

Mengambil roh semangat sempena program Seminar Seni Khat dan Jawi UTM 2022 yang berlangsung pada 22 Mac 2022 yang lalu, penghargaan ditujukan kepada Yang Dihormati YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Bin Ismail, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia selaku perasmian kepada keseluruhan program, YBrs Prof. Dr. Ts. Zaidatun binti Tasir, Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dan YBrs. Prof. Madya Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad, Pengerusi Akademi Tamadun Islam, tetamu jemputan yang diundang Puan Nor Asikin Binti Mohamad, Ketua Pustakawan UTM, Puan Zanita Binti Anuar, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Ustaz Jainal Bin Sakiban, Pengerusi Persatuan Seni Khat Johor merangkap Ketua Juri Pertandingan Khat dan Jawi UTM 2022, wakil-wakil daripada Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand, panel forum bicara seni, pembentang-pembentang kertas kerja dan sidang pembaca yang

dirahmati Allah sekalian.

Mengimbau kembali objektif diadakan seni Khat dan Jawi UTM 2022 bagi memperkenalkan kepada masyarakat bahawa kesenian adalah sebahagian daripada Islam, bahkan dalam Kesenian Islam tidak dapat dipisahkan dengan kesenian dan perubahan global dalam memperlihatkan bahawa Islam menghargai hasil seni dan karya namun perlu dipandu dengan garis panduan syarak.

Penciptaan jagat raya mengungkap keserasian dan keindahan seni ciptaan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah Qaf 50: 6.

أَفَمَنْ يَنْظُرُونَ إِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ بَنَيْنَا وَزَيَّنَا وَمَا لَهَا مِنْ فُرُوجٍ

Maksudnya: “*Maka apakah mereka tidak melihat akan langit yang ada di atas mereka, bagaimana Kami meninggikannya dan menghiasinya dan langit itu tidak mempunyai retak-retak sedikit pun?.*”

Isu kesenian dalam Islam perlu diketengahkan kepada masyarakat agar masyarakat melihat bahawa seni termasuk dalam Islam, dan betapa Islam memerlukan kaedah yang berseni dalam menyampaikan mesej kepada setiap insan yang melihat, merenung, mempelajarinya.

Seminar Seni Khat dan Jawi UTM 2022 anjuran Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah berjaya mengumpulkan para cendekiawan dan pelbagai pihak yang berkepakaran dalam bidang seni khat dan jawi daripada dalam dan luar negara.

Sebagai hasil sumbangan ilmu yang berpanjangan, buku yang diberi judul “**Isu Kontemporari Kesenian Islam**”

memuatkan sebanyak enam artikel terpilih yang telah dibentangkan dalam sesi pembentangan selari yang telah disertai oleh hampir 30 orang ahli akademik dari dalam dan luar negara.

Sebagai penutup, diharapkan kajian ini dapat memberi pendedahan kepada umat Islam di Malaysia mengenai segenap lapangan kajian berasaskan kesenian dalam Islam. Semoga usaha kerdil ini menjadi sebahagian daripada sumbangan kepada umat Islam dari sudut perkembangan ilmu pengetahuan.

Akhirul kalam, kami memohon taufik dan hidayah Allah SWT dan berlindung kepada-Nya daripada segala kekurangan dan kelemahan diri. Apa yang baik, datangnya daripada Allah SWT. Manakala apa yang buruk, datangnya daripada kelemahan diri kami.

Wallahu A`lam wa Ahkam.

Sidang penyunting

17 November 2022 bersamaan 22 Rabiul Akhir 1444 H

SENARAI KERTAS KERJA

Penghargaan Senarai Kandungan	iii vii
Seni Kaligrafi Arab di Masjid Negeri Sabah: Analisis Kedudukan Ayat Al-Quran <i>Saini Ag. Damit</i>	1
Praktek Terapi Spiritual Ahli Sunnah Waljama'ah Kajian Kitab "Mujarrabāt al-Shaikh al-Sanusi" <i>Harapandi Dahri</i>	20
Seni Kaligrafi Islam Sebagai Pencetus Tamadun Melayu Islam Malaysia <i>Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Binti Tengku Kasim</i>	31
Memperkasa Seni sebagai Medium Dakwah <i>Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Mohammad Naqib Hamdan, Akmaliza Abdullah</i>	48
Isu, Cabaran Dan Pendekatan Dakwah Melalui Nasyid <i>Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Aziedatul Izzati Binti Zahari, Nurul Izzah Binti Norkhisham, Salmi Faizun Binti Mohamad Saupi, Siti Nor Umairah Binti Ishak, Siti Zhuhharrina Binti Sulaiman</i>	69

**Catan Seni Khat Kontemporari: Satu Tinjauan
Kekeliruan Pengkarya Seni Dalam Memahami Batas
Syariat.**

*Ainun Jariah Yaacob, Mohd. Dani Muhammad, Abd.
Rahman Hamzah, SaifulAkram Che Cob*

90

BAB 1

Seni Kaligrafi Arab di Masjid Negeri Sabah: Analisis Kedudukan Ayat Al-Quran

Saini Ag. Damit1

1.1	Pendahuluan	2
1.2	Permasalahan Kajian	3
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Metodologi Kajian	4
1.5	Kajian Literatur	4
1.6	Hasil Kajian	6
1.7	Kesimpulan	9
1.8	Senarai Ayat al-Quran	9
1.9	Rujukan	16

Abstrak

Seni kaligrafi Arab atau seni khat adalah khazanah tertua di dunia yang dimiliki oleh umat Islam. Sejarah telah membuktikan perkembangannya seiring dengan perkembangan tamadun Islam yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia berikutan hubung kaitnya dengan ayat al-Quran. Seni kaligrafi Arab mempunyai keunikan bentuknya yang tersendiri yang sukar untuk difahami mahupun dibaca khususnya bagi mereka yang tidak mempunyai kemahiran yang tinggi dalam seni khat. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti ayat-ayat al-Quran yang menghiasi Masjid Negeri Sabah yang ditulis dalam bentuk khat thuluth/thuluth jaliy. Kajian lapangan dijalankan dengan mengunjungi Masjid Negeri Sabah dan mengambil gambar seni kaligrafi Arab menggunakan kamera yang kemudiannya dianalisis secara kualitatif. Hasil kajian mendapat sebanyak 32 ayat al-Quran daripada surah al-Baqarah, Āli ‘Imrān, al-Nisā’, al-Furqān, Yāsīn dan Ghāfir yang dipilih dalam penulisan seni khat dan terdapat

beberapa ayat yang berulang. Dapatan kajian ini memberikan pengetahuan dan kefahaman kepada masyarakat Islam khasnya di Sabah tentang pemilihan ayat-ayat al-Quran dalam bentuk seni kaligrafi Arab yang tersergam indah menghiasi Masjid Negeri Sabah.

KATA KUNCI: Seni, Kaligrafi, Arab, Ayat Al-Quran, Masjid Negeri Sabah

1.1 PENDAHULUAN

Seni kaligrafi merupakan salah satu daripada kesenian yang cantik yang lahir dan berkembang dalam penulisan Arab dan terkandung dalam ruang lingkup peradaban Islam. Setelah kelahiran Islam, penulisan Arab telah memasuki tahap perkembangan yang begitu cepat. Sekitar abad pertama dan kedua selepas hijrah Rasulullah SAW, khat merupakan ciri untuk memperindahkan sesuatu penulisan. Melalui khat, sesuatu maksud bahasa dapat diungkapkan. Khat juga turut menjadi unsur asas daripada cabang-cabang kesenian yang masih terpelihara hingga ke hari ini bagi meneruskan keunikannya sebagai suatu warisan kesenian Islam. Boleh dikatakan bahawa, seni kaligrafi Arab atau khat ini juga merupakan satu bidang yang paling tinggi pencapaian dalam kesenian Islam, sejak turunnya wahyu yang pertama kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan kepentingan seni kaligrafi khat semakin jelas kelihatan dalam kehidupan umat Islam.

Seni kaligrafi khat dapat diuraikan pengertiannya dalam dua huraian, iaitu secara etimologi (bahasa) dan juga secara terminologi (istilah). Menurut pengertian secara etimologi, kata khat lebih popular dan dikenal dengan seni kaligrafi Islam yang berasal daripada bahasa Yunani iaitu *kaligraphia* atau *kaligraphos*. Perkataan ini merupakan gabungan dua perkataan “*Kallos*” yang bermaksud indah dan “*grapho*” pula bermaksud tulisan. Berdasarkan gabungan dua perkataan ini, dapat dilihat bahawa kaligrafi mempunyai dua unsur utama iaitu tulisan (aksara) dan juga

unsur keindahan (nilai estetik). Menurut Kamus Dewan dalam Makmur dan Buchari, kaligrafi didefinisikan sebagai “seni menulis dengan indah, tulisan tangan yang menghasilkan huruf atau tulisan indah sebagai suatu seni; khat”. Selain itu, ianya juga disebut sebagai Fann al-khat yang membawa maksud memperhalus tulisan atau memperbaiki coretan.

Menurut pengertian secara terminologi atau dari segi istilah pula, seni kaligrafi diertikan sebagai sesuatu yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia, apakah ia merupakan hasil ciptaan Allah SWT ataupun yang dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imaginasi, dan perbuatan seorang manusia. Selain itu, Ibnu Khaldun dalam bukunya al-Muqaddimah mentakrifkan kaligrafi adalah lukisan dan bentuk harfiyah (huruf) yang menunjukkan kepada kalimat atau perkataan yang mengisyaratkan apa yang ada terbuku di dalam jiwa. Menurut Ibrahīm ibn Muhammad al-Shaybāni pula, beliau mengatakan bahawa khat adalah lidah kepada tangan, kecantikan rasa, penggerak akal, penasihat fikiran, senjata pengetahuan, perekat persaudaraan ketika bertikai dan pembincang ketika berjauhan, pencegah segala keburukan dan khazanah pelbagai masalah kehidupan.

Seni kaligrafi atau seni khat mempunyai pelbagai gaya yang cantik dan berbeza mengikut jenisnya. Ibnu Muqlah telah mengklasifikasikan seni kaligrafi Arab kepada enam jenis tulisan utama seni khat yang berkembang dalam Islam. Seni khat yang utama disebut sebagai al-Aqlām al-Sittah yang terdiri daripada Khat Nasakh, Khat Thuluth, Khat Riq‘ah/Ruq‘ah, Khat Diwani, Khat Kufi dan Khat Farisi atau disebut juga sebagai Khat Nasta‘liq.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Tidak dinafikan, Masjid Negeri Sabah kaya dengan seni kaligrafi Arab yang menghiasi ruang solat dan lingkaran kubah yang tersergam indah dengan jenis tulisan khat Thuluth/Thuluth Jaly yang sungguh menawan dan menarik. Tidak semua masyarakat Islam khususnya di Sabah dapat memahami maupun membaca seni

kaligrafi Islam yang tersergam indah melainkan bagi mereka yang mempunyai kemahiran tinggi dalam seni khat. Justeru penjelasan tentang kedudukan ayat-ayat al-Quran amat tepat bagi setiap bentuk tulisan seni kaligrafi Islam. Seni kaligrafi Islam bukannya dilihat keindahannya semata-mata, tetapi dapat dibaca bentuk tulisannya dengan sempurna.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti ayat-ayat al-Quran yang menghiasi ruang solat dan lingkaran kubah Masjid Negeri Sabah yang ditulis dalam bentuk khat Thuluth/Thuluth Jaliy yang tersergam indah dengan tujuan untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat Islam khasnya di Sabah.

1.4 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui kajian lapangan yang dijalankan dengan mengunjungi Masjid Negeri Sabah, untuk melihat sendiri seni kaligrafi Arab yang terdapat di masjid tersebut. Kamera digunakan sebagai alat untuk mengambil gambar seni kaligrafi Arab untuk dijadikan bahan dan data kajian. Data kajian dianalisis dengan meneliti ayat-ayat al-Quran yang ditulis dalam bentuk seni kaligrafi Arab menggunakan al-Mu‘jam al-Mufahras li al-Fāz al-Qur’ān al-Karīm dan al-Quran in Word. Melalui analisis secara kualitatif, dapat mengenal pasti surah dan ayat al-Quran yang digunakan

1.5 KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan di Alam Melayu dalam bidang seni kaligrafi Arab/Islam, seperti Mohd. Bakhir Hj. Abdullah dalam kertas kerja beliau yang bertajuk “Sumbangan Kaligrafi Arab Dalam Kesenian Islam: Suatu Kajian Sejarah”. Abd Rahman Hamzah dalam bukunya yang bertajuk “Khat & Jawi

Mutiara Kesenian Islam Sejagat". Buku ini ditulis untuk menyingkap keagungan seni khat dan tulisan Jawi dalam Alam Melayu. Mohd Bakhir menulis tentang sumbangan kaligrafi Arab dalam kesenian Islam. Beliau memulakan penulisan dengan menerangkan tentang sejarah kaligrafi Arab, keunikannya dan sumbangannya dalam kesenian Islam. Abdul Rahman Hj. Chik Tajuddin dalam bukunya yang bertajuk "Khat dan Pena". Buku ini membincangkan tentang seni khat Islam di Malaysia dan hal-hal yang berkaitan dengannya.

Makmur et al. menulis tentang Kaedah Pengajaran Seni Khat dan Jawi di Universiti: Sistem Pengajaran Khat Nasakh Dalam Unit Kajian Jawi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Mohd Adzman Omar et al. menulis tentang Kaligrafi Islam Dalam Cetak Kontemporari di Malaysia dalam (Norarfah et. All.) "Membongkar Rahsia Pendidikan Islam". Makmur Haji Harun dan Buchari Katutu menulis tentang Pengajaran Seni Khat dan Tulisan Jawi Dalam Pendidikan Islam: Peluang, Cabaran dan Harapan. Mursyidah Zainal Abidin et al. menulis tentang penggunaan seni kaligrafi Islam di dalam karya seni visual di Malaysia. Ridzuan Hussin et al. membuat kajian tentang penilaian ke atas setiap khat mihrab masjid-masjid negeri di Malaysia. Kajian ke atas 12 buah masjid-masjid negeri di Malaysia menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bertujuan untuk mengenal pasti seni khat, menganalisis proses penghasilan khat dan hubung kaitnya dengan Seni Visual.

Nik Yusri Musa et al. mengkaji tentang kaligrafi Arab yang mana ianya adalah satu seni penulisan yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Seni khat juga sebagai satu seni tulisan dalam aksara Arab berkembang maju sejajar dengan perkembangan Tamadun Islam itu sendiri. Manakala Khairiah Mohamad, Khazri Osman dan Anuar Puteh menulis tentang Sejarah Perkembangan Seni Khat Dalam Kesenian Islam di Nusantara. Ridzuan Hussin et al. mengkaji tentang "Penilaian Ke Atas Setiap Khat Mihrab Masjid-Masjid Negeri di Malaysia".

Walau bagaimanapun, semua kajian tersebut bersifat umum dan hanya sedikit sahaja yang menyentuh seni kaligrafi Arab di Sabah khususnya yang menyentuh tentang pemilihan ayat al-Quran yang ditulis dalam bentuk seni kaligrafi Arab seperti kajian yang dijalankan oleh Saini Ag. Damit et al. berkaitan dengan Jenis-Jenis Seni Kaligrafi Arab Sebagai Hiasan di Masjid-Masjid Daerah di Sabah. Oleh itu, diharap kajian ini dapat menjawab persoalan berkaitan pemilihan ayat al-Quran yang menghiasi ruang solat dan lingkaran kubah Masjid Negeri Sabah yang ditulis dalam bentuk khat Thuluth/*Thuluth Jaliy* yang tersergam indah.

1.6 HASIL KAJIAN

Masjid Negeri Sabah terletak di Jalan Tunku Abdul Rahman, Sembulan, Kota Kinabalu. Ia berada di bawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). Dirasmikan pada 28 Jun 1977. Masjid ini dihiasi dengan seni kaligrafi Arab yang indah dan menarik dengan kesesuaian tempat letaknya yang menjadikannya lebih menawan hati setiap pengunjung dan jemaah masjid. Pemilihan khat *thuluth/thuluth jaliy* lebih menampakkan keindahannya. Menurut Mustafa Ughur Darman, seni *khat thuluth* ditulis dengan perlahan berbanding dengan seni khat yang lain menyebabkan *khat thuluth* lebih utama penggunaannya dalam penghasilan karya seni berbanding khat yang lain.

Melalui kajian yang dijalankan mendapati sebanyak 32 ayat al-Quran daripada surah *al-Baqarah*, *Āli ‘Imrān*, *al-Nisā’*, *al-Furqān*, *Yāsīn* dan *Ghāfir* yang dipilih dalam penulisan seni khat dan terdapat 16 ayat yang berulang yang ditulis pada 21 tempat di Masjid Negeri Sabah.

Jadual 1: Kedudukan Ayat Al-Quran

BIL.	SURAH	AYAT	LETAK AYAT
1.	<i>Al-Baqarah</i>	144	Atas Mihrab
2.	<i>Āli 'Imrān</i>	37	Ruang Dalam Mihrab
3.	<i>Āli 'Imrān</i>	190-198	Keliling Ruang Solat Utama (Peringkat 1)
4.	<i>Āli 'Imrān</i>	156-163	Keliling Ruang Solat Utama (Peringkat 2)
5.	<i>Al-Baqarah</i>	43	Dalam Kubah Utama
6.	<i>Al-Baqarah</i>	284	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (1)
7.	<i>Al-Baqarah</i>	285-286	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (2)
8.	<i>Al-Baqarah</i>	286	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (3)
9.	<i>Āli 'Imrān</i>	16-17	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (4)
10.	<i>Al-Nisā'</i>	58-60	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (5)
11.	<i>Al-Baqarah</i>	284	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (6)
12.	<i>Al-Baqarah</i>	285-286	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (7)
13.	<i>Al-Baqarah</i>	286	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (8)
14.	<i>Āli 'Imrān</i>	16-17	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (9)
15.	<i>Al-Nisā'</i>	58-60	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (10)
16.	<i>Al-Furqān</i>	63-66	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (11)

17.	<i>Yāsīn</i>	54	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (12)
18.	<i>Gāfir</i>	60-61	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (13)
19.	<i>Al-Furqān</i>	63-66	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (14)
20.	<i>Yāsīn</i>	54	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (15)
21.	<i>Gāfir</i>	60-61	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (16)

Jadual 1 di atas menjelaskan kedudukan ayat al-Quran yang ditulis dalam bentuk *khat thuluth/thuluth jaliy*. Hadapan atas mihrab masjid ditulis ayat 144 surah *al-Baqarah* manakala dalam ruang mihrab masjid ditulis ayat 37 surah *Āli ‘Imrān*. Bagi keliling ruang solat utama pula, terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama ditulis dengan ayat 190 hingga 198 surah *Āli ‘Imrān*. Manakala keliling ruang solat peringkat kedua ditulis dengan ayat 156 hingga 163 surah *Āli ‘Imrān*. Bagi dalam ruang kubah utama pula ditulis dengan ayat 43 surah *al-Baqarah*.

Masjid Negeri Sabah mempunyai 16 buah kubah kecil selain daripada kubah utama yang terletak di keliling masjid. Setiap kubah ditulis di keliling tiang luarannya dengan ayat al-Quran menggunakan *khat thuluth jaliy* berwarna emas. Untuk memudahkan penulis bagi menentukan permulaan penulisan ayat al-Quran di 16 buah kubah kecil, penulis menentukan permulaan kubah daripada penulisan ayat al-Quran yang bermula dengan *Basmalah* iaitu terletak di bahagian hadapan sebelah kanan masjid mengikut pusingan jam, kerana tidak ada tanda yang menunjukkan dari mana bermulanya kubah tersebut. Dari sinilah bermula penulisan ayat al-Quran di keliling luaran tiang kubah kecil (1) ayat 284 surah *al-Baqarah*. Keliling luaran tiang kubah kecil (2) ditulis dengan ayat 285-286 surah *al-Baqarah*. Keliling luaran tiang kubah kecil (3) ditulis dengan ayat 286 surah *al-Baqarah*. Keliling luaran tiang kubah kecil (4) ditulis dengan ayat 16-17 surah *Āli ‘Imrān* dan

Keliling luaran tiang kubah kecil (5) ditulis dengan ayat 58-60 surah *al-Nisā'*.

Manakala Keliling luaran tiang kubah kecil (6), (7), (8), (9) dan (10) adalah ulangan ayat al-Quran iaitu ayat 284 surah *al-Baqarah*, ayat 285-286 surah *al-Baqarah*, ayat 286 surah *al-Baqarah*, ayat 16-17 surah *Āli 'Imrān* dan ayat 58-60 surah *al-Nisā'*. Bagi keliling luaran tiang kubah kecil (11) ditulis dengan ayat 63-66 surah *al-Furqān*. Keliling luaran bawah kubah kecil (12) ditulis dengan ayat 54 surah *Yāsīn* dan keliling luaran tiang kubah kecil (13) ditulis dengan ayat 60-61 surah *Gāfir*. Manakala Keliling luaran tiang kubah kecil (14), (15) dan (16) merupakan ulangan ayat 63-66 surah *al-Furqān*, ayat 54 surah *Yāsīn* dan ayat 60-61 surah *Gāfir*. Untuk menerangkan lagi dengan terperinci kedudukan ayat-ayat al-Quran, boleh dirujuk di bawah dalam senarai ayat al-Quran dan tempat letaknya.

1.7 KESIMPULAN

Kekangan yang dihadapi oleh masyarakat awam dalam mengenali dan memahami ayat-ayat al-Quran yang tersergam indah menjadi hiasan Masjid Negeri Sabah yang ditulis dalam bentuk khat thuluth/thuluth jaliy dapat dirungkaikan melalui hasil kajian ini yang dapat memberikan pengetahuan dan kefahaman kepada masyarakat Islam khasnya di Sabah tentang kedudukan ayat-ayat al-Quran dalam bentuk seni kaligrafi Arab yang tersergam indah dan menjadi kebanggaan masyarakat Islam di Sabah Khasnya. Adalah dicadangkan setiap masjid negeri atau masjid daerah mempunyai galeri khas dalam memberi panduan dan penerangan tentang jenis-jenis seni kaligrafi Arab serta penerangan ayat-ayat al-Quran yang dipilih untuk memudahkan pengunjung dan para jemaah dapat membaca dan memahami penulisan seni khat tersebut dengan sempurna.

1.8 SENARAI AYAT AL-QURAN DAN TEMPAT LETAKNYA

BIL.	AYAT AL-QURAN	SURAH/AYAT	LETAK AYAT
1.	﴿... فَلَنُوَلِّيْنَكَ قِبْلَةً تَرْضِيْهَا ... ﴾١٤٤	Al-Baqarah: 144	Atas Mihrab
2.	﴿... كُلُّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكْرِيَا الْمَحْرَابَ وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا ... ﴾٣٧	Āli 'Imrān: 37	Ruang Dalam Mihrab
3.	﴿! إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَفِ الْأَيَّلِ وَالنَّهَارِ لَذِيْنَ لَأُولَى الْأَلْبَابِ ١٩٠ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قَيْمَاً وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ١٩١ رَبَّنَا إِنَّكَ مَنْ تُدْخِلُ الْأَتَارَ فَقَدْ أَخْرَيْتَهُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ١٩٢ رَبَّنَا إِنَّا سَمِعْنَا مُنَادِيًّا يُنَادِي لِلْإِيمَنِ أَنَّ إِمْنَوْا بِرِبِّكُمْ فَإِمَّا رَبَّنَا فَأَعْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفَرْ عَنَا سَيِّاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ ١٩٣ رَبَّنَا وَءَاهَنَا مَا وَعَدْنَا عَلَى رُسُلِكَ وَلَا تُحِزْنَا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ ١٩٤ فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَيْ لَا أَضِيعُ عَمَلَ عَمِيلَ مَنْكُمْ مَنْ ذَكَرَ أَوْ أَنْتَ بَعْصُكُمْ مَنْ بَعْضَ قَالَدِينَ هَاجَرُوا وَأَخْرُجُوا مِنْ دِيْرِهِمْ وَأَوْدُوا فِي سَيِّلِي وَقَتَّلُوا وَقَتَّلُوا لَا كُفَّرُونَ عَنْهُمْ سَيِّاتِهِمْ وَلَا دُخَلَّنَهُمْ جَنَّتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنَهَرُ تَوَابًا مَنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الشَّوَّابِ ١٩٥ لَا يَعْرَنَكَ تَقْلُبُ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي الْبَلَدِ ١٩٦ مَتَّعْ قَلِيلٌ ثُمَّ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمِهَادُ ١٩٧	Āli 'Imrān: 190-198	Keliling Ruang Solat Utama (Peringkat 1)

	لَكُنَ الَّذِينَ أَنْقُوا رَبِّهِمْ لَهُمْ جَنَّتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ خَلِيلِهِنَّ فِيهَا نُرُّلًا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ لِلْأَبْرَارِ ١٩٨ (٤)		
4.	إِيَّاهُنَّا الَّذِينَ أَمَنُوا لَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ كَفَرُوا وَقَالُوا لِإِخْرَوْنَهُمْ إِذَا صَرَّوْا فِي الْأَرْضِ أَوْ كَانُوا عُزْرَى لَوْ كَانُوا عِنْدَنَا مَا مَاتُوا وَمَا قُتِلُوا لِيَجْعَلَ اللَّهُ ذَلِكَ حَسْرَةً فِي قُلُوبِهِمْ وَاللَّهُ يُحِبُّ وَيُمِيتُ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ١٥٦ وَلَئِنْ قُتِلُوكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ مُمْتَمِّنِ لِمَغْفِرَةٍ مِنْ اللَّهِ وَرَحْمَةٍ خَيْرٌ مَمَّا يَجْمَعُونَ ١٥٧ وَلَئِنْ مُمْتَمِّنْ أَوْ قُتِلُوكُمْ لِإِلَى اللَّهِ تُحْسِرُونَ ١٥٨ فِيمَا رَحْمَةٌ مِنْ اللَّهِ لِنَتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًا غَلِيظًا لِلْقَلْبِ لَأَنْفَاصُوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَارِهِمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَرَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ١٥٩ إِنْ يَنْصُرُكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبٌ لَكُمْ وَإِنْ يَحْدُلُكُمْ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُمْ مِنْ بَعْدِهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلَيَتَوَكَّلِي الْمُؤْمِنُونَ ١٦٠ وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَعْلَمَ وَمَنْ يَعْلَمْ يَأْتِ بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَمَةِ ثُمَّ تُوَفَّ كُلُّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ١٦١ أَفَمَنْ أَتَبَعَ رِضْوَانَ اللَّهِ كَمْنَ بَاءَ بِسَخْطٍ مِنْ اللَّهِ وَمَأْوَيْهِ جَهَنَّمُ وَبَيْنَ الْمَصِيرَيْ هُمْ دَرَجَتْ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا يَعْمَلُونَ ١٦٣ (٤)	Āli 'Imrān: 156-163 Keliling Ruang Solat Utama (Peringkat 2)	
5.	وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَأَتُوا الْزَكُوَةَ وَأَرْكَعُوا مَعَ الْرَّكِيعَيْ ٤٣	Al-Baqarah: 43 Dalam Kubah Utama	

6.	<p>﴿إِنَّ اللَّهَ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبْدِوا مَا فِي أَنفُسِكُمْ أَوْ تُخْفِوهُ يُحَاسِبُكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَعْلَمُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعِذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾ ٢٨٤</p>	Al-Baqarah: 284	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (1)
7.	<p>﴿إِنَّمَا آلَرَسُولُ بِمَا أُنزَلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ إِنَّمَا يَأْمَنُ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكَتُبَتِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُرَقِّ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا عُفْرَانَكَ رَبِّنَا وَالَّذِي أَنْهَا الْمَصِيرُ ٢٨٥ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وَسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ ...﴾ ٢٨٦</p>	Al-Baqarah: 285-286	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (2)
8.	<p>﴿... رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِيَّنَا أَوْ أَخْطَأَنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الْأَذْيَنِ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَأَعْفُ عَنَّا وَأَغْفِرْ لَنَا وَأَرْحَمْنَا إِنْتَ مَوْلَنَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ﴾ ٢٨٦</p>	Al-Baqarah: 286	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (3)
9.	<p>﴿الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّا إِنَّا آمَنَّا فَأَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ ١٦ الْصَّدِيرِينَ وَالصَّدِيقِينَ وَالْقَنِيَّينَ وَالْمُنْفِقِينَ وَالْمُسْتَغْفِرِينَ بِالْأَسْحَارِ ١٧ شَهَدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَأَلْمَلِكِيَّةُ وَأَوْلُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ أَعْزِيزُ الْحَكِيمِ ١٨﴾</p>	Āli 'Imrān: 16-17	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (4)
10.	<p>﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدِوا الْأَمْرَاتِ إِلَيَّ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ يُعِظُّمُ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ٥٨ يَأْتِيهَا الَّذِينَ عَامَنُوا أَطِيعُو اللَّهَ وَأَطِيعُو الرَّسُولَ وَأَوْلَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ ...﴾ ٦٠</p>	Al-Nisā': 58-60	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (5)


11.	<p>﴿إِنَّ اللَّهَ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبَدِّلُ مَا فِي أَنفُسِكُمْ أَوْ تُحْفُوهُ يُحَاسِبُكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَعْقِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعِذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾ ٢٨٤</p>	Al-Baqarah: 284 (Ulangan)	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (6)
12.	<p>﴿إِنَّمَا أَنْزَلْنَا رَسُولًا عَلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ أَمَنَ بِاللَّهِ وَمَلِئَتْهُ وَكُتُبَهُ وَرَسُولُهُ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِنَا وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا عُفْرَانَ رَبِّنَا وَاللَّهُ أَكْمَلَهُ ٢٨٥ لَا يُكْفُرُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسِّعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ ...﴾ ٢٨٦</p>	Al-Baqarah: 285-286 (Ulangan)	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (7)
13.	<p>﴿... رَبَّنَا لَا تُوَاهِدْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَلْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا أَصْرًا كَمَا حَمَلْنَاهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَأَعْفُ عَنَّا وَأَغْفِرْ لَنَا وَأَرْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكُفَّارِ﴾ ٢٨٦</p>	Al-Baqarah: 286 (Ulangan)	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (8)
14.	<p>﴿الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّا ءَامَنَّا فَأَعْفِرْ لَنَا ذُنوبَنَا وَقَنَا عَذَابَ الْنَّارِ ١٦ الْصَّدِيرِينَ وَالصَّدِيقِينَ وَالْقَدِيرِينَ وَالْمُنْفَقِينَ وَالْمُسْتَغْرِفِينَ بِالْأَسْحَارِ ١٧ شَهَدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأَوْلُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ﴾ ١٨</p>	Āli 'Imrān: 16-17 (Ulangan)	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (9)
15.	<p>﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدِوَا الْأَمْنَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعَمَا تَعْظُمُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ٥٨ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا رَسُولَ اللَّهِ وَأُولَئِكُمْ أَلَّا مِنْكُمْ ...﴾ ٦٠</p>	Al-Nisā': 58-60 (Ulangan)	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (10)

16.	<p>﴿ وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْسُوْنَ عَلَى الْأَرْضِ هُوَنَا وَادًا خَاطِبُهُمُ الْجَهَلُونَ قَالُوا سَلَّمًا ٦٣ وَالَّذِينَ يَبِيُّونَ لِرَبِّهِمْ سُجَّدًا وَقَيْمًا ٦٤ وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبِّنَا أَصْرَفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا ٦٥ إِنَّهَا سَاءَتْ مُسْتَقْرًًا وَمُقَاماً ﴾٦٦</p>	Al-Furqān: 63-66	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (11)
17.	<p>﴿ فَإِنَّهُمْ لَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَلَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ٥٤ إِنَّ أَصْحَابَ الْجَنَّةِ الَّيْوَمَ فِي شُغْلٍ فَكِهُونَ ٥٥ هُمْ وَأَرْوَجُهُمْ فِي ظُلْلٍ عَلَى الْأَرْأَىكِ مُتَكَبُّونَ ٥٦ لَهُمْ فِيهَا فَكَاهَةٌ وَآهُمْ مَا يَدْعُونَ ٥٧ سَلَمٌ قَوْلًا مِّنْ رَّبِّ رَّحِيمٍ ٥٨﴾</p>	Yāsīn: 54	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (12)
18.	<p>﴿ وَقَالَ رَبُّكُمْ آدُعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ٦٠ أَللَّهُ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ أَلَيْلَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَاللَّهَارُ مُبَصِّرًا إِنَّ اللَّهَ لَدُو فَضْلٌ عَلَى النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ٦١﴾</p>	Gāfir: 60-61	Keliling Luaran Kubah Kecil (13)
19.	<p>﴿ وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْسُوْنَ عَلَى الْأَرْضِ هُوَنَا وَادًا خَاطِبُهُمُ الْجَهَلُونَ قَالُوا سَلَّمًا ٦٣ وَالَّذِينَ يَبِيُّونَ لِرَبِّهِمْ سُجَّدًا وَقَيْمًا ٦٤ وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبِّنَا أَصْرَفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا ٦٥ إِنَّهَا سَاءَتْ مُسْتَقْرًًا وَمُقَاماً ﴾٦٦</p>	Al-Furqān: 63-66 (Ulangan)	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (14)
20.	<p>﴿ فَإِنَّهُمْ لَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَلَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ٥٤ إِنَّ أَصْحَابَ الْجَنَّةِ الَّيْوَمَ فِي شُغْلٍ فَكِهُونَ ٥٥ هُمْ﴾</p>	Yāsīn: 54 (Ulangan)	Keliling Luaran Tiang

	وَأَرْوَجُهُمْ فِي ظَلَلٍ عَلَى الْأَرَائِكِ مُتَكَبِّرُونَ ۝ ۵۶ لَهُمْ فِيهَا فَكِهَةٌ وَلَهُمْ مَا ^{۱۵} يَدَعُونَ ۝ ۵۷ سَلَمَ قَوْلًا مِنْ رَبِّ رَحِيمٍ ۴۵۸		Kubah Kecil (15)
21.	﴿وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ۖ ۶۰۰ اللَّهُ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَلَيْلَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَالنَّهَارُ مُبْصِرًا إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ۶۱﴾	Gāfir: 60-61 (Ulangan)	Keliling Luaran Tiang Kubah Kecil (16)

CONTOH SENI KALIGRAFI ARAB DI MASJID NEGERI SABAH





1.9 RUJUKAN

Abdullah, M.B., (2006). Sumbangan Kaligrafi Arab Dalam Kesenian Islam: Suatu Kajian Sejarah, kertas kerja Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian, anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.

- Abdullah, M.B. (2007). Sumbangan Kaligrafi Arab dalam Kesenian Islam: Suatu Kajian Sejarah, Jurnal Usuluddin (Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, UM).
- Abd Al-Salām. (2002). *Mawsū‘at al-khat al-‘Arabī*. Dār al-Amah.
- Chik Tajuddin, A.R. (2011). Khat dan Pena. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Fitriani, L. (2012). Seni kaligrafi: Peran dan Kontribusinya terhadap Peradaban Islam. *El Harakah*, 13(1), 1-12.
- Girling, D.A., (1978). Eryman's encyclopedia.London: JM. Dent & Sons Ltd.
- Hamzah, A.R. (2008). Khat & Jawi Mutiara Kesenian Islam Sejagat. Universiti Teknologi Mara
- Harun, Makmur & Katutu, Buchari. (2015). Pengajaran Seni Khat dan Tulisan Jawi Dalam Pendidikan Islam: Peluang, Cabaran dan Harapan. 10.13140/RG.2.1.4026.3129.
- Hussin,R., Mokhtar,A., Abdul Jabbar,A.R.(2017). Seni Kaligrafi (Khat) di mihrab masjid-masjid negeri Malaysia dan hubungannya dengan seni visual, KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni, UPSI.
- Ibn Khaldun. (1928). *al-Muqaddimah*. Beirut: Maktabah al Ma`arif, h.25.
- Ilham Khoiri. (1999). *al-Quran dan kaligrafi Arab*. Jakarta: Logos.
- Kamus Dewan. (1989). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad, K. &, Osman, K. (2018). Sejarah Perkembangan Seni Khat Dalam Kesenian Islam di Nusantara, Jurnal Fikiran

Masyarakat, Vol. 6, No. 1, 2018, Penerbit Kemala Indonesia.

M. Ugur Derman, Fann al-Khatt. (2000). Terjemahan Romzi Omar dan Fauzi Muztafa, Seni Khat Warisan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Tohir Abd al-Qadir al-Kurdīy al-Makkiy al-Khattat. (1939). Tarikh Khat al-A'rabiy Wa Adabihi. Hijjaz: Mathba'ah al-Tijariyah al-Hadithiyah.

Muhammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. (1987). al-Mu'jam al-Mufahras li al-Fāz al-Qur'ān al-Karīm. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.

Musa, N. Y., Daud, I. C., Muslim, N., & Alias, J. (2017). Sejarah Perkembangan Seni Khat dan Pengaruhnya Terhadap Tulisan Jawi di Nusantara. *Jurnal Malim*.

Mustafa Ughur Darman. (1999). Amshaq al-Khatṭat Muḥammad Shawqī fī al-Thuluth wa al-Nasakh. Istanbul: International Commission For The Preservation Of Islamic Cultural Heritage.

Musa, N.Y., Che Daud,I., Muslim,N., Alias,J. (2017). Sejarah Perkembangan Seni Khat dan Pengaruhnya Terhadap Tulisan Jawi di Nusantara, *MALIM Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, Bangi: Penerbit UKM.

Omar, M.A. et al. (2012). Kaligrafi Islam Dalam Seni Cetak Kontemporari di Malaysia, Dalam Noararfan Zainal at al. Membongkar Rahsia Pendidikan Islam (Bandar Seri Begawan: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Samsudin, A.G. et al. (2001). Seni dalam Islam. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.

Saini Ag. Damit et al, (2021). Jenis-Jenis Seni Kaligrafi Arab Sebagai Hiasan di Masjid-Masjid Daerah di Sabah, Jurnal Gendang Alam, Journal of Arts, Universiti Malaysia Sabah, Jilid 11 (2).

Zainal Abidin,M. et al.,(2016). Penggunaan Seni Kaligrafi Islam di Dalam Karya Seni Visual di Malaysia, dalam Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-9 Banjarmasin, Indonesia: Lambung Mangkurat University Press.

BAB 2

Praktek Terapi Spiritual Ahli Sunnah Waljama'ah Kajian Kitab “Mujarrabât al-Shaikh al-Sanusi”

Harapandi Dahri

2.1 Pendahuluan	21
2.2 Kajian Literatur	23
2.2.1 Mengenal Penulis Kitab	23
2.2.2 Mengenal Kitab Mujarrabât al-Shaikh al-Sanusi	24
2.2.3 Isi Kandungan Kitab	25
2.3 Rujukan	29

Abstrak

Al-Shaikh al-Sanusi adalah salah seorang ulama’ teologi (Aqidah), karya-karya beliau lebih banyak dalam masalah Aqidah, seperti Matn Umm al-Barâhîn dekenal sebagai matan Sanusiyyah. Walaupun demikian beliau juga menulis sebuah kitab Mujarrabât yang berkaitan dengan amalan-amalan bagi setiap insan yang ingin mendapatkan fadhilat dalam kehidupannya. Kitab Mujarrabât ini dikenali sebagai “Mujarrabât al-Shaikh al-Sanusi”. Melihat latar belakang Imam dalam pelbagai karya beliau berbicara seputar aqidah, maka ketika menjumpai kitab “Mujarrabât al-Shaikh al-Sanusi”, menjadi penting untuk dikaji secara mendalam dengan menggunakan metode “telaah teks” lalu mengkombinasikan dengan keperluan semasa “konteks”. Kitab ini berisi 26 halaman, dan selesai ditulis pada bulan Rajab tahun 1398H, diterbitkan oleh Penerbit Muhammadi Bombai. Setelah dilakukan telaah awal, didapati isi kitab ini terbahagi menjadi (1) bahagian bacaan (amalan) agar hidup menjadi mudah dan segala hajat dikabulkan Allah, (2) tips bacaan agar seseorang dapat bertemu dengan orang yang

terkasih baik ia sudah meninggal mahupun masih hidup, (3) amalan-amalan yang dibaca agar sembuh dari sakit. Pengambilan bacaan-bacaan ini al-Shaikh mengambil dari teks Al-Quran al-Sunnah dan Af'al (Praktek) para ulama salaf dan juga bacaan-bacaan yang diajarkan oleh mereka.

KATA KUNCI: Praktek, Terapi, Spiritual, Ahli Sunnah, Wal Jama'ah, dan al-Mujarrabat

2.1 PENDAHULUAN

Islam telah tiba di Nusantara sejak abad terawal kedatangan Islam di tanah Arab lagi. Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah (ASWJ) merupakan kefahaman yang terawal tiba di Nusantara serentak dengan kemunculan Islam di kawasan itu. Kefahaman berkaitan ilmu akidah adalah sangat penting bagi setiap Muslim kerana ia merupakan kefahaman asas yang harus diyakini dan sudah menjadi pegangan umat Islam di Nusantara terutamanya di Negara Brunei Darussalam (NBD) seawal abad ke-10M (Ibrahim, 1997).

Ajaran ASWJ tersebar di rantau ini menurut pendekatan kefahaman Islam yang telah dirumus oleh Imam Abu Hasan al-Ash'ari (324H) dan Imam Abu Mansur al-Maturidi (333H). Kedua-dua tokoh ini bukanlah pengasas sebenar kefahaman ASWJ kerana kefahaman ini telah ada semenjak zaman Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan para sahabat Baginda dan seterusnya para tabi' dan tabi'tabi'in. Kedua-dua tokoh ini merupakan tokoh yang masyhur dalam merumus metodologi dan membina pendekatan akidah Islam mengikut kefahaman ASWJ.

Berdasarkan kepentingan ilmu akidah, maka ramai di kalangan ulama Islam berusaha dalam mengembangkannya kepada masyarakat umum, terutama sekali melalui bidang penulisan karya. Antara kitab yang menjadi rujukan terawal dalam pengajian ilmu akidah di Nusantara ini ialah kitab Umm al-Bara'in atau Aqidah Ahli Tauhid dan syarahnya yang bertajuk Umdat Ahl al-Tawfiq wa al-Tasdiq karya Imam as-Sanusi (895H) dan kitab al-Aqa'id al-

Nasafiyyah karya Imam Najmuddin al-Nasafiy (537H) (Syamsul Bahri, 2015).

Perbahasan akidah yang sering dibincangkan di Nusantara ialah mengenai Sifat 20. Perbahasan ini dipopularkan oleh Imam al-Sanusi melalui karyanya Umm al-Barahin dengan tujuan membersihkan konsep ketuhanan daripada fahaman ahli falsafah yang menyeleweng (Faizuri & Hazim, 2018). Karya tersebut mendapat tempat di hati ulama Melayu sehingga mereka menterjemahkan karya tersebut dan ada sebagiannya menjadikan sebagai asas penulisan karya akidah mereka.

Karya ulama Melayu yang digunakan dalam mengembangkan ilmu agama dikenali sebagai Kitab Jawi. Melalui kitab Jawi ini banyak karya-karya tentang akidah yang dihasilkan para ulama Melayu yang ditulis dalam bahasa Melayu tulisan Jawi. Di antara karya yang menggunakan pendekatan kitab Umm al-Barahin ialah kitab Bidayah al-Hidayah karya Syeikh Muhammad Zayn bin al-Faqih Jalal al-Din al-‘Asyi,, al-Durr al-Thamin karya Syeikh Daud al-Fatani, Siraj al-Huda karya Syeikh Muhammad Zayn al-Din bin Muhammad Badawi al-Sambawi, Zahrah al-Murid fi ‘Aqa’id al-Tawhid karya Muhammad ‘Ali bin ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-Ghafur Kutani al-Kalantani, ‘Aqidah al-Najin karya Syeikh Zainul‘Abidin al-Fatani dan lain-lain (Syamsul Bahri, 2015). Melalui kitab-kitab Jawi tersebut, jelaslah kefahaman akidah di Nusantara menggunakan pendekatan ASWJ yang dimasyhurkan oleh Imam al-Sanusi melalui kitab Umm al-Barahin dan dikembangkan oleh ulama Melayu melalui karya mereka kitab Jawi dan mengajarkannya kepada masyarakat Melayu Islam. Kitab Jawi ini menjadi asas pengajaran di institusi-institusi ilmu agama di Nusantara seperti negeri Malaysia, Thailand, Indonesia dan Aceh.

Selain daripada pengetahuan terhadap konsep-konsep Aqidah Ahli Sunnah Waljama’ah tersebut imam al-Sanusi juga memberikan guidance terhadap amalan-amalan dalam perobatan zohir dan batin agar tidak terkeluar dari praktek Ahli Sunnah

Waljama'ah, beliau menulis sebuah kitab bertajuk Mujarrabât al-Shaikh al-Sanusi.

Kitab-kitab semacam ini banyak dijumpai di tengah-tengah masyarakat, seperti kitab Mujarrabat al- Dairabial- Kabir karya Imam al- Syaikh Ahmad al- Dairabi al- Kabir al- Syafi'i. Di dalam kitab Mujarrabat ini terdapat kitab lain namun di batasi dengan garis horizontal yang ditulis oleh Syaikh al- Alim al- Wali Abu Abdillah Muhammad Yusuf al-Sanusi dimana isinya tidak jauh berbeda dengan kitab Mujarrabat al-Dairabi al- Kabir ini.

2.2 Kajian Literatur

2.2.1 Mengenal Penulis Kitab

Nama lengkap as-Sanusi adalah Imam Muhammad bin Yusuf bin Umar bin Syu'aib as-Sanusi. As-Sanusi merupakan nisbat terhadap suatu kabilah tepatnya daerah Maroko. Beliau juga sering dipanggil al-Hasani, karena penisbatan terhadap al-Hasan bin Ali bin Abi Thalib dari jalur ibunya. Imam as-Sanusi juga bernisbat pada daerah Tilmisan. Imam as-Sanusi merupakan ulama terkemuka dengan keilmuan multidisipliner (pakar Ilmu Hadis, Ilmu Kalam, Ilmu Qiraah, Ilmu Mantiq, dan lain sebagainya), pribadi yang ahli ibadah, muhaqqiq yang khusyuk, serta memiliki laqob Abu Ya'qub Yusuf. Imam as-Sanusi termasuk ulama produktif dengan meninggalkan sejumlah karangan, terutama dalam bidang teologi, sebagaimana penjelasan al-Mahalli, antara lain 'Aqîdatu Ahlit-Tauhîd, al-'Aqidah al-Kubra, Syarhu Ummil-Barahîn dan lain-lain. Dalam bidang hadis Imam as-Sanusi menulis kitab Mukammal Ikmâlîl-Ikmal fi Syarhi Shahîhil-Muslim dan kitab Syarhu Shahîhil-Bukhâri, bahkan beliau juga menulis satu karya mengenai ilmu-ilmu hikmah yang bertajuk Mujarrabât al-Shaikh al-Sanusi.

Menurut Ahmad Baba al-Tubuki dalam kitab Nâhilul-Ibtihâj bit-Tâthrîz al-Dibâj, dari sekian banyaknya karya Imam as-Sanusi,

kitab Ummul-Barahin adalah karya terpopuler dan menjadi materi kajian para pelajar Suni dunia hingga dewasa ini.

2.2.2 Mengenal Kitab Mujarrabât al-Shaikh al-Sanusi

Kitab Mujarrabât al-Shaikh al-Sanusi (t.t). Mujarrabât adalah nama kitab yang di ambil dari shigat Fiil Mâdli “Jarraba” dan memakai bentuk Jamak Muannath al-Sâlim memberikan makna latihan dan uji coba. kitab ini merupakan kitab spiritual karya Imam al- Shaikh Al-Shaikh al-Sanusi. Sebuah kitab yang berisi tentang ilmu hikmah, rajah, amalan, jimat dan lain-lain.

Kitab yang menjadi rujukan dalam pengkajian ini ialah kitab Mujarrabât al-Shaikh al-Sanusi vesri PDF. Pada halaman Cover depan kitab ini berisikan tulisan tajuk, penulis, penerbit dan tempat terbit. Dan pada halaman muqaddimah terdapat bacaan basmalah dan perkataan dari al-Shaikh Sanusi.

Telah berkata al-Shaikh Imam al-‘Alim al-‘Allâmah al-Wâlî al-Shâlih Abu ‘Abdillah Muhammad ibn Yusuf al-Sanusî al-Hasani rahimahullah ta’ala wa radhiya anhu, semoga kita dapat mengambil manfaat dari ilmu beliau, amin.

Setelah itu, menuliskan hamdaloh sebagai kata pembuka dan diteruskan dengan solawat kepada baginda Rasul sebagai makhluk termulia yang ditugaskan kepada seluruh manusia arah maupun bukan arab.

Al-Shaikh menyatakan bahawa beliau menuliskan dalam karya ini pelbagai manfaat yang utama dan rahsia tersembunyi sebagai amalan yang dibenarkan oleh Allah dan juga baginda rasulullah. Dan hanya kepada Allah jualah aku (al-Shaikh) berlindung. Ketahuilah bahawa sesiapa yang memiliki hajat daripada Allah Azza Wajalla, maka hendaklah ia melakukan beberapa perkara.

Perkara-perkara itulah yang akan disajikan dalam artikel ini agar dapat menjadi amalan-amalan harian yang tiada bertentangan dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

2.2.3 Isi Kandungan Kitab

Kitab Mujarrabât al-Shaikh al-Sanusi (t.t) adalah kitab kuning yang di dalamnya membahas tentang fadlilat suatu amalan baik itu dari ayat al-Qur'an, al-Hadits, maupun dari Qaul 'Ulama salaf.

1. Bangun pada Jaufillail (tengah malam), mengambil air sembahyang dengan sempurna, lalu sembahyang 2 rakaat, selepas salam menghadap qiblat dan membaca:

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَحْلِيَّةً لِّلَّا عَقْدِيْتَ، وَتَفَرَّجْ بِهَا كُرْبَتِيْ، وَتَعْوِيْزْ بِهَا خَطِيْبَتِيْ،
وَتَقْضِيْ بِهَا حَاجَتِيْ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَأَنْزِلْهُ الْمُقْرَبَ مِثْكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Kalimat ini dibaca dan diulangi sebanyak seratus kali (100 x), maka Allah akan mengangkat segala kepayahan hidupnya.

2. Orang yang berhajat untuk bertemu dengan sahabat, kerabat dan kekasihnya baik masih hidup mahupun sudah mati dalam tidurnya, maka hendaklah ia lakukan (1) Menggunakan pakaian dan tempat tidur yang bersih, (2) memakai pakaian putih, (3) berasingan dengan ahli keluarganya, (4) melakukan solat dua rakaat, pada rakaat pertama setelah al-Fatihah ia membaca surat al-Syamsy 7 kali dan pada rakaat kedua setelah al-fatihah ia membaca surat al-Lail, (5) selepas salam ia membaca selawat kepada Nabi semampunya, (6) menuliskan rajah berikut dan diletakkan dibawah bantalnya, maka ia akan bertemu dengan orang yang ia inginkan.

3. Amalan berikutnya seperti mana dijelaskan al-Shaikh pada muka surat 03. Sesiapa yang ingin berjumpa dengan orang hilang (ghaib) apakah ia masih hidup ataukah telah mati, maka hendaklah: (1) berwudhu sebelum tidur, (2) menggunakan pakaian yang bersih,

(3) tidur di atas katil yang bersih menghadap qiblat mengarah sisi kanan, (4) membaca surat al-Syam 7 kali, al-Lail 7 kali, al-Thin 7 kali dan al-Ikhlas 11 kali dan (5) membaca doa. (ms. 02)

اللَّهُمَّ أَرِنِي فِي مَنَابِي كَذَا وَكَذَا وَاجْعُلْ لِي مِنْ أَمْرِي فَرْجًا وَخُرْجًا وَأَرِنِي فِي مَنَابِي وَاسْتَدِلْ بِهِ عَلَى
...إِجَابَةِ دُعْيَتِي

Jika tidak dapat melihatnya pada malam pertama, maka ia akan melihatnya pada malam kedua hingga malam ketujuh, namun jika sampai malam ketujuh belum melihat sebarang tanda, perhatikan amalan yang engkau lakukan ada yang belum sempurna. (ms.03)

4. Sesungguhnya sesiapa yang membaca firman Allah dalam surat at-taubah/9:128. Ia tidak akan mati atau terbunuh pada hari itu.

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْأَوْمَانِ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Tafsirnya: Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman”.

Sesiapa yang membacanya sebanyak tujuh kali setiap hari, baik ia dalam dengan hadir hati mahupun tidak, maka Allah akan memudahkan kehidupan dunia dan akhirat. (ms.04).

5. Sesiapa yang membaca surat Yâsin/36, surat al-Shâfât/37 dan surat Quraisy/106, maka ia akan aman dari segala gangguan, mara bahaya, baik ketika berdiam atau tinggal (dalam negeri) mahupun saat ia musafir (safar) ke luar negara. (ms. 05). Dalam hadith baginda rasul yang diriwayatkan al-Tirmidzi dan al-Dailamy, rasulullah bersabda yang bermaksud:sesungguhnya segala sesuatu memiliki hati dan sesungguhnya dalam Al-Quran adalah surat Yasin, sesiapa yang membacanya, maka seakan-akan ia membaca seluruh Al-Quran”.

Keutamaan Surah Yasin juga dijelaskan dalam tafsir Imam Ibnu Katsir. Bahwa dari Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda, "Siapa yang membaca Surah Yasin di malam hari, maka pada keesokan harinya ia diampuni. Siapa yang membaca Ha Mim yang di dalamnya disebutkan Dukhan (Surah Ad-Dukhan), maka di pagi harinya (dosanya) diampuni."

Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi wasallam bersabda: "Barangsiapa yang membaca surat Ash-Shaffat, ia akan dikaruniai pahala sepuluh kebaikan dengan sejumlah setiap jin dan setan, dijauhkan dari godaan setan, diselamatkan dari kemosyrikan, dan pada hari kiamat dua malaikat penjaganya akan bersaksi bahwa ia mempercayai semua rasul."

Dalam Kitab "Kaifa Takunu Ghaniyyan" dijelaskan bahwa Al-Habib Sa'ad Muhammad Bin Alawi Al-Aydrus RA berkata: "Barang siapa yang membaca Surah Al-Quraisy, maka akan hilang kesusahan dan rasa-wasnya. Dan barang siapa yang membacanya pada makanan, maka Allah Ta'ala akan menghilangkan mudharatnya (pada tubuh)".

6. Amalan berikutnya, agar seseorang mendapatkan keamanan dari segala musibah dan pencurian, maka hendaklah membaca 7 kali lalu memberikan isyarat keempat arah. Adapaun bacaan yang dimaksudkan adalah kalimat (ms.07)

الله حفيظ لطيف قدیم ازلي حی قیوم لا ینام

7. Amalan seterusnya ialah, sesiapa yang ingin dipertemukan dengan siapapa dan apapun yang telah hilang daripadanya, maka hendaklah ia membaca dengan hati yang tulus kerana Allah semata-mata dan yakin bahawa Allah dapat menghadirkan siapa dan apa yang telah pergi dari sisinya. Adapun bacaan tersebut ialah kalimat (doa) (ms. 07)

اللهم يا جامع الناس ليوم لا ريب فيه إن الله لا يخلف الميعاد اجمعين بینی ولين کندا وکنا

8. Dan orang yang ingin melihat baginda Rasul dalam tidurnya, maka hendaklah ia sembahyang sunnat dua rakaat, pada setiap rakaat ia membaca surat al-Fatiyah lalu diteruskan dengan membaca surat al-Ikhlas 100 kali. Kemudian setelah salam ia membaca sebanyak 3 kali kalimat berikut;

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
يَا مُحَمَّدُ يَا مُفْضِلٍ إِرْبَنِي وَجْهَ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maka, ia akan dipertemukan Allah Azza Wajalla dalam mimpinya dengan baginda Rasul.

9. Sesiapa yang ingin bertemu dengan Rasulullah dalam mimpinya, maka hendaklah ia mandi dan sembahyang dua rakaat sebelum tidur. Setelah selesia sembahyang ia membaca basmalah:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ لِكَ الْحَمْدُ عَلَى عَظَمَتِكَ وَعَلَى مَلَكَ وَمَنْتَبِي الرَّحْمَةِ وَرَضْوَانِكَ اللَّهُمَّ لِكَ الْحَمْدُ عَلَى مَدَوِّمَةِ احْسَانِكَ وَحَسْنِ عِبَادَتِكَ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِالْقَرَاعَنِ الْعَظِيمِ وَبِنُورِ وَجْهِكَ الْكَرِيمِ
الَّذِي أَشْرَقْتَ بِهِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ أَسْأَلُكَ بِاسْمِكَ الَّذِي تَنْزَلُ بِهِ الْمَطْرُ وَالرَّحْمَةُ عَلَى مَنْ يَشَاءُ مِنْ
عِبَادِكَ اللَّهُمَّ انتَ الْهَنَاءُ وَانتَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ أَسْأَلُكَ اللَّهُمَّ بِحَقِّ مَا دَعَوْتَكَ بِهِ انْ تَرَانِي فِي
مَنَابِي هَذَا سَيِّدُنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَعَلَى آهٰ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ عَدْ خَلْقَهِ وَرَضَّ نَفْسَهِ
وَزُونَةَ عَرْشِهِ وَمَدَادَ كَلَمَاتِ...

10. Diriwayatkan daripada Sayyidina Anan ibn Malik radhiyallahu anhu, telah bersabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam sesiapa yang membaca ayat al-Kursi 3 kali dan 3 kali ayat dalam surat al-a’raf iaitu

﴿إِنَّ رَبَّكُمْ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ أَسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ يُعْيِشُ يَوْمَ الْآتِيَّ
النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَيْثُّا وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ وَالشَّجَوْمُ مُسْخَرُونَ بِأَمْرِهِ لَا لَهُ الْخُلْقُ وَلَا أَمْرٌ
تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ۝ ۵۵ أَدْعُوكُمْ تَضَرُّعًا وَخُلُقًا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ۝ ۵۶ وَلَا نَسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ
إِصْلَاحِهَا وَأَدْعُوكُمْ حَوْفًا وَطَفْعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ۝ ۵۷﴾

Lalu membaca ayat 1-11 pada surat al-Shafat.

﴿وَالصَّافَتْ صَفَا١ فَلَأَرَجِزْتَ رَجْزًا٢ فَلَكَلِيلَاتٍ ذَكَرَا٣ إِنَّ اللَّهَمَّ لَوْاحدَعَ رَبُّ الْسَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَمَا يَنْهَا وَرَبُّ الْمُشْرِقِ ٥ إِنَّا رَبَّنَا السَّمَاءَ الْأَدُنِيَا بِرَبِّيَّةِ الْكَوَاكِبِ ٦ وَحَفَظَا مِنْ كُلِّ شَيْطَنٍ مَارِد٧
لَا يَسْعَونَ إِلَى الْمَلَأِ الْأَعْلَى وَيَقْدُفُونَ مِنْ كُلِّ جَانِبٍ ٨ دُخُورًا وَلَهُمْ عَذَابٌ وَاحِدٌ ٩ إِلَّا مَنْ
خَطَفَ الْحَاطَفَةَ فَاتَّبَعَهُ شَهَابٌ ثَاقِبٌ ١٠ فَاسْتَقْبِلُهُمْ أَهْمَّ أَشَدُ خَلَقًا ١١ مِنْ حَلْقَتَنَا إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِنْ طِينٍ
لَازِبٌ ١١﴾

Lalu membaca ayat 31-35 dalam surat al-Rahman:

﴿سَتَغْرِي لَكُمْ أَيُّهُ الْتَّقَلَانِ ٣١ فَإِيَّى إِلَاءِ رِسْكُمَا تُكَذِّبَانِ ٣٢ يَمْعَشُرَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ إِنْ أَسْتَطَعْتُمْ أَنْ
تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ الْسَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَنٍ ٣٣ فَإِيَّى إِلَاءِ رِسْكُمَا
تُكَذِّبَانِ ٣٤ يُرِسِّلُ عَلَيْكُمَا شُوَاظٌ مِنْ تَارٍ وَنُحَاسٌ فَلَا تَنْتِصَرَانِ ٣٥﴾

Ia akan aman dari gangguan setan yang terkutuk, aman dari gangguan ahli sihir, aman daripada perbuatan orang-orang zolim dan juga selamat daripada pencuri dan selamat daripada binatang-binatang buas.

Sesiapa yang membaca selawat setiap hari 105 kali, ia akan tetap dalam berkecukupan, tidak mengalami kefakiran, dosa-dosanya akan terhapus, doa-doanya diampuni Allah.

Inilah sebahagian isi daripada kitab Mujarrabât al-Shaikh al-Sanusi. Amalan-amalan yang terdapat di dalam kitab ini, jika diamalkan sesuai dengan tata-cara yang telah dijelaskan, inya Allah dapat merasakan manfaatnya dalam membina kehidupan kita sebagai insan yang dhoif.

Kitab selesai ditulis di Mombai pada tahun 1372/1394H bulan Rajab.

RUJUKAN

‘Abd al-Ghani Yahya & ‘Umar Yusuf. (t.t). Risalah al-Tawhid. Patani: Matba‘ah Bin Halabi.

Abd. Latif, F., & Mohd Azhar, M. H. (2018). Pengaruh Umm al-Barahin Karya al-Sanusi Terhadap Bakurah al-Amani Karya Wan Ismail al-Fatani Dalam Perbahasan Sifat 20: The Influence of al-Sanusi's Umm al-Barahin to Wan Ismail al-Fatani's Bakurah al-Amani in the Discussion of 20 Attributes of Allah. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 20(2), 93–126.
<https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no2.3>

Abdul Rahman Abdullah. (1990). *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Abdul Kadir Munshi. (1970). *Hikayat Abdullah*, terj. A.H. Hill. Kuala Lumpur dan Singapura.

Al-Fatani, Wan Isma'il bin Abdul Qadir. (2013). *Ini Syarah Bakurah al-Amani*, terj. Noraine Abu. Selangor: AlHidayah House of Publishers.

Al-Fatani, Zayn al-'Abidin bin Muhammad. (t.t). *'Aqidah al-Najin fi 'Ilm Usul al-Din*. Pulau Pinang: Percetakan al-Ma'arif Sdn. Bhd.

Al-Sanusi, Muhammad Yusuf. (t.t). *Matan Umm alBarahin*. Patani: Matba'ah bin Halabi.

Bahri, Syamsul. (2015). Konsep Nafkah Dalam Hukum Islam. *Kanun Jurnal Ilmu Hukum*, 17.

Ibrahim Abu Shah. (1997). *Kecemerlangan Tamadun Islam Dalam Menghadapi Cabaran Abad ke 15H/21M*. Kuala Lumpur: Percetakan Smart Print Sdn. Bhd.

Mohd Fauzi Hamat. (2004). *Sumbangan Pengajian Akidah dalam Membangun Minda Melayu: Suatu Sorotan Ringkas*, *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam (AFKAR)*, 5.

Wan Muhammad Saghir Abdullah. (1999). *Penyebaran Islam dan Salsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah.

BAB 3

SENI KALIGRAFI ISLAM SEBAGAI PENCETUS TAMADUN MELAYU ISLAM MALAYSIA

Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Binti Tengku Kasim

3.1 Pendahuluan	32
3.2 Permasalahan Kajian	33
3.3 Metodologi Kajian	34
3.4 Kajian Literatur	35
3.5 Hasil Kajian	36
3.5.1.Batu Bersurat Terengganu	36
3.5.2.Manuskrip	37
3.5.3.Masjid	38
3.5.4.Batu Nisan	39
3.5.5.Matawang	40
3.5.6.Tekstil dan Pakaian	41
3.5.7.Ukiran Kayu	42
3.5.8.Senjata	42
3.5.9.Tembikar	42
3.5.10. Barang-Barang Perhiasan	43
3.5.11. Papan Tanda	44
3.6 Kesimpulan	45
3.7 Rujukan	45

Abstrak

Tamadun Melayu adalah warisan kesinambungan tamadun Islam yang muncul sejak kelahiran Islam pada abad ke-7 Masihi. Kedatangan Islam telah merancakkan perkembangan ilmiah dalam tamadun Melayu melalui bahasa Melayu dan tulisan jawi. Perkembangan dan penyebaran bahasa Melayu dan tulisan jawi berjaya merakamkan khazanah ilmu dan menghasilkan koleksi

tulisan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan, khususnya seni kaligrafi. Justeru, kertas kerja konsep ini memfokuskan gambaran umum perkembangan kesenian kaligrafi Islam yang berjaya mencetuskan sebuah elemen ketamadunan Melayu Islam di Malaysia. Tinggalan sejarah membuktikan bahawa kesenian kaligrafi Islam telah disesuaikan dan diberikan jiwa Islam melalui penggunaan motif-motif flora dan geometri yang melambangkan kepatuhan kepada Allah S.W.T.

KATA KUNCI: Perkembangan, kesenian, kaligrafi Islam, tamadun Melayu, Malaysia

3.1 PENDAHULUAN

Sejarah perkembangan seni kaligrafi Islam di Malaysia mempunyai perkaitan yang rapat dengan kedatangan agama Islam ke Alam Melayu. Kedatangan agama Islam ke Alam Melayu pada abad ke-7 hingga abad ke-13 M telah menuntut perkembangan keintelektualan melalui seni tulisan yang mencerminkan satu peradaban Islam yang tinggi di rantau ini. Perkembangan keintelektualan yang dipengaruhi oleh unsur-unsur murni agama Islam ini berjaya memancarkan sinarnya di Malaysia, khususnya melalui aktiviti tulisan Arab dan tulisan Jawi yang dimanifestasikan dalam seni kaligrafi Islam.

Seni kaligrafi Islam atau lebih dikenali sebagai seni khat merupakan salah satu di antara bidang kesenian Islam yang sangat dihargai oleh umat Islam. Perkataan khat atau dalam bahasa Inggeris ditulis sebagai Calligraphy biasa juga disebut Kalligraphia, adalah berasal daripada bahasa Latin, iaitu ‘kalios’ yang bererti indah dan ‘graphia’ ertinya coretan atau tulisan (Husain 1971, 8). Seni menulis huruf Arab ini dalam bahasa Arab dikenali sebagai khat yang bererti garisan atau tulisan yang indah, iaitu disebut sebagai tahsin al-khutut (Engku Ibrahim dan Abdul Ghani Shamsuddin 1992, 55). Manakala orang yang mahir dalam menulis huruf Arab ini digelar sebagai Calligrapher atau dalam bahasa Arabnya ialah al-khattath (C.Israr 1985, 137).

Khat juga bermaksud ilmu yang memperkenalkan bentuk-bentuk huruf tunggal, letaknya, dan cara merangkainya menjadi satu tulisan yang tersusun atau apa sahaja yang ditulis di atas garisan-garisan dan bagaimana cara menulisnya serta menentukan mana yang tidak perlu, mengubah ejaan yang perlu diubah dan menentukan bagaimana untuk mengubahnya (Engku Ibrahim dan Abdul Ghani Shamsuddin 1992, 55). Seni khat dapat ditafsirkan sebagai kehalusan atau kepandaian menulis dan menyusun huruf-huruf Arab. Ia juga merupakan tulisan indah yang diwarisi oleh masyarakat Islam, terutamanya dalam penulisan mashaf-mashaf al-Quran dan petikan kata daripada bahasa Arab sebagai media komunikasi dakwah Islamiah sejak zaman Rasulullah S.A.W. lagi. Kesan perkembangan dan pengaruh Islam pada bahasa dan tulisan secara realitinya menyatakan daya budi dan akal yang merangkumi pemikiran rasional. Kenyataan ini dapat diperolehi melalui lakaran dan dekorasi seni kaligrafi Islam yang pelbagai bagi menyatakan mesej tertentu. Penggunaan seni kaligrafi Islam menjadi semakin meluas dan digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia sehingga hari ini.

3.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Wujudnya tulisan di Alam Melayu adalah seiring dengan proses Islamisasi di seluruh rantau ini. Sebelum kedatangan Islam, masyarakat di Alam Melayu tergolong dalam kategori buta huruf. Walaupun pada masa itu telah wujud sistem tulisan, namun penggunaannya adalah amat terhad sekali, iaitu meliputi tulisan Sanskrit dan tulisan Jawa Kuno, yang hanya dapat difahami oleh segelintir sami Hindu dan golongan bangsawan sahaja.

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu disertai dengan seni budaya Islam, iaitu seni tulisan Arab yang telah menggantikan tulisan kuno Hindu. Tulisan Arab ini kemudiannya dimaktubkan menjadi tulisan Jawi, iaitu asas kepada seni kaligrafi Islam. Tulisan Arab yang terawal di Tanah Melayu terbukti dengan terjumpanya Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 702 H bersamaan dengan

1303 M yang telah ditemui di Sungai Teresat, Kuala Berang, Hulu Terengganu.

Tulisan Jawi kemudiannya telah menjadi warisan bangsa dan negara yang sarat dengan khazanah tradisi kebudayaan, kesusasteraan, kepercayaan dan falsafah bangsa turun temurun. Tulisan Jawi juga merupakan unsur kebudayaan peribumi dan kebudayaan kebangsaan yang dapat dimanfaatkan untuk perpaduan dan persefahaman seluruh warga negara dan memupuk perasaan kesetianegaraan (Buku Cenderamata 1984, 3)

Jelas bahawa seni seni kaligrafi mempunyai hubungan yang rapat dengan tulisan Arab dan Jawi. Tulisan Arab telah digunakan oleh kebanyakan masyarakat Islam di seluruh dunia sebagai bahasa ilmu dan komunikasi yang mencerminkan suatu ketamadunan Islam yang besar ertinya kepada umat Islam. Hal ini amat relevan dengan pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas (al-Attas 1960, 19) iaitu, “Arabic is the language of Islam and no language of any Muslim people, whether or not it has achieved a lofty rank in civilization is without the profound influence of Arabic.”

Keindahan dan keistimewaan seni kaligrafi Islam telah mendominasi banyak aspek kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia sejak awal kemunculannya hingga ke-21 ini. Masyarakat Melayu di Malaysia telah lama didedahkan dengan keindahan seni ini. Ini membuktikan kepada umum bahawa seni khat, sebagai salah satu seni rupa Islam yang terunggul, telah mendapat tempat yang tertinggi di mata masyarakat.

3.3 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini secara umumnya adalah merupakan kajian kualitatif yang bersifat teoritikal dan praktikal serta deskriptif analisis bagi menggambarkan secara tepat sifat-sifat suatu individu, keadaan atau gejala-gejala tertentu dan hubungan antara gejala tersebut (Koentjaraningrat 1991, 29). Kajian ini menggunakan metod

historis bagi mendapatkan data-data yang bersifat sejarah dan dokumen yang berkaitan dengan kajian seperti mendapatkan maklumat tentang pensejarahan, latar belakang dan perkembangan seni kaligrafi Islam di Malaysia. Kajian ini juga melibatkan pengamatan pada tempat-tempat tertentu yang dapat memberikan maklumat berhubung dengan kajian yang dilakukan. (Marican 2006, 151). Seterusnya data-data menggunakan kaedah analisis kandungan dengan membahagikan data-data tersebut kepada tema-tema tertentu mengikut kesesuaian dengan perkembangan kaligrafi Islam dalam mencetuskan elemen ketamadunan Melayu Islam di Malaysia.

3.4 KAJIAN LITERATUR

Mustafa Haji Daud yang telah yang telah mengutarakan pendapat yang dipetik daripada Ismail Hamid, menegaskan bahawa masyarakat di Alam Melayu berkesempatan mengenali tulisan setelah datangnya Islam ke rantau ini (Daud 1994, 99). Islam telah membawa bersamanya tulisan Arab yang kemudiannya dijadikan sebagai tulisan Melayu, dikenali sebagai tulisan Jawi, yang mempunyai beberapa tambahan huruf istimewa menjadikannya berjumlah 29 huruf. Jelaslah bahawa tulisan Jawi ini telah mengikat perpaduan satu bahasa meliputi seluruh golongan bangsa Melayu (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1972:43).

Hal ini ditegaskan oleh Nik Yusri Musa et al bahawa seni khat sebagai satu seni tulisan dalam aksara Arab telah berkembang sejajar dengan perkembangan Tamadun Islam itu sendiri. Perkembangan seni khat secara evolusi menjadi semakin cantic selepas kedatangan Islam sehingga melahirkan pelbagai gaya yang disebut sebagai aqlam al-Sittah iaitu merangkumi gaya seni Khat Nasakh, Khat Thulus, Khat Riq'ah, Khat Farisi atau Khat Nesta'liq, Khat Kufi, dan Khat Diwani. (Nik Yusri Musa, Ilham Che Daud @ Zakaria, Nazri Muslim dan Jamsari Alias 2018, 30-42)

Seni khat adalah salah satu daripada seni rupa Islam, iaitu satu bentuk kesenian yang dihasilkan untuk dijadikan sebagai bahan artifak atau bahan untuk dinikmati oleh semua masyarakat. Seni khat tergolong dalam seni tradisi Melayu, iaitu seni tulis dan berkembang bersama seni-seni yang lain, misalnya seni ukir, seni tenun, seni anyaman, seni tembikar dan seni lukis. Tradisi seni Melayu, atau dalam konteks yang lebih luas, budaya ekspresif Melayu, mengungkapkan tradisi budaya Melayu melalui bentuk-bentuk dan jenis seni rupa tradisi Melayu (Rahmah Bujang dan Wan Abdul Kadir Wan Yusuf 1997, 128-129).

3.5 HASIL KAJIAN

Perkembangan seni kaligrafi Islam adalah seiring dengan kehadiran masyarakat Melayu dan penggunaannya dapat disaksikan di mana-mana sahaja, iaitu pada batu bersurat, batu-batu nisan, alat-alat senjata, barang-barang logam, barang-barang tembikar, pinggan mangkuk, pakaian dan tekstil, serta sebagai dekorasi di masjid-masjid, rumah-rumah dan bangunan-bangunan utama. Seni kaligrafi Islam juga turut digunakan pada logo-logo, lambang-lambang, kad jemputan, kad-kad hari raya, papan tanda, anyaman, tenunan, pewter dan sebagainya. Berikut merupakan dapatan penemuan seni kaligrafi Islam:

3.5.1 Batu Bersurat Terengganu

Penggunaan seni kaligrafi Islam yang terawal di Malaysia adalah berdasarkan kepada penemuan Batu Bersurat Terengganu. Batu Bersurat Terengganu merupakan warisan berharga yang menandakan pengisytiharan agama Islam menjadi agama rasmi negeri ini. Ini berdasarkan kepada Batu Bersurat Terengganu yang ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan skrip Arab, yang dikenali sebagai tulisan Jawi. Hal ini menunjukkan bahawa sistem ejaan Jawi telah pun terasas di rantau ini sebelum kurun ke-14 M lagi. Ia mula dijumpai di tebing sekeping tanah yang dikenali sekarang dengan nama “Tanah Batu” berhampiran Kampung Buluh,

Kuala Berang, Hulu Terengganu pada tahun 1887 M. Pada tahun 1902 M, barulah ia dijumpai oleh seorang ahli perniagaan, iaitu Syed Hussain bin Ghulam Al-Bukhari di sebelah surau di Kampung Buluh (Buku Cenderamata 1981, 33)

Batu Bersurat Terengganu yang mempunyai berat 204.3 kg (Buku Cenderamata 1981) memahatkan tulisan yang membicarakan tentang undang-undang Allah S.W.T dan mempunyai hukuman terhadap kesalahan zina serta undang-undang lain seperti hutang piutang (Rofa 1994, 221) (Awang 1992, 5).

3.5.2 Manuskrip

Penggunaan seni kaligrafi Islam didapati pada kitab-kitab, buku agama dan manuskrip Melayu. Ada pendapat yang mengatakan bahawa proses penulisan manuskrip Melayu sudah berkembang dengan pesatnya sejak abad ke-15 M. Antara artifak sejarah yang ditulis dengan huruf Arab ialah *Furu' al-Masa'il* yang disalin pada tahun 1254 H di Masjid Sultan Ali Iskandar Shah, Kallang, Singapura dan *Minhaj al-Sofi fi al-Bayan Ramuzal al-Sofi* yang bermaksud "Tempat minum air yang bersih pada menyatakan isyarat-isyarat ahli tasawuf", dan kitab *Fiqah* yang membicarakan tentang sembahyang Jumaat. Ketiga-tiga manuskrip ini diterjemahkan oleh Syeikh Daud bin Abdullah Pattani.

Manakala kitab atau buku agama yang lain termasuklah *Kitab Isra' Mikraj* yang membicarakan tentang peristiwa Isra' dan Mikraj Nabi Muhammad s.a.w, *Kitab Perubatan Kulit Kayu*, yang mengandungi doa-doa dan azimat mengenai pelbagai jenis penyakit dan ilmu gunaan yang ditulis di atas kulit kayu dengan menggunakan dakwat daripada akar tumbuhan, *Kitab Tasauf* yang mengandungi alam ghaib, tauhid, makrifat dan sifat-sifat Allah s.w.t., dan *Kitab Mengenai Doa-doa Pilihan*.

Selain itu, terdapat juga *Kitab Para'na* dan *Doa* yang mengisahkan tentang seorang perempuan yang bernama *Para'na*

Islam yang berosal jawab tentang orang perempuan yang telah bersuami, Kitab Fiqah mengenai Hukum Halal Haram, Bintang, Hukum Bersugi, Istinja', Mengambil Air Sembahyang, Mandi Junub dan sebagainya, Kitab Maulud Nabi, buku Peraturan Keramaian, buku Peraturan Membahagi Pusaka, buku Pengamal Kesucian dan sebagainya.

3.5.3 Masjid

Kesenian kaligrafi Islam didapati pada masjid. Masjid merupakan salah satu tempat yang paling banyak memperlihatkan kegiatan seni kaligrafi Islam khususnya di Malaysia. Masjid sebagai tempat untuk mengeratkan hubungan antara manusia dengan Rabbani seharusnya mempunyai dekorasi yang indah, lebih-lebih lagi melihat fungsi dan peranan masjid sebagai rumah ibadat untuk umat Islam.

Dekorasi kesenian kaligrafi Islam pada masjid banyak menggunakan ayat-ayat suci al-Quran yang boleh didapati di ruang mihrab. Antara firman Allah s.w.t. yang sering dipilih sebagai dekorasi, ialah ayat 114 dari Surah Al-Baqarah yang bermaksud, “Sesungguhnya Kami sering melihat mukamu menengadah ke langit, maka pastilah Kami akan memalingkan kamu ke kiblat yang kamu sukai. Palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram. Dan di mana sahaja kamu berada, palingkanlah mukamu ke arahnya”. Firman Allah s.w.t. yang ditulis dengan khat yang indah ini boleh didapati di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam, Selangor.

Selain itu, hiasan berbentuk lakaran dekorasi abstrak yang berasaskan bentuk geometri juga terdapat di masjid-masjid. Bentuk-bentuk geometri ini biasanya dicorakkan secara berulangan (repeat unit) pada kayu-kayu, marmar, logam, seramik dan sebagainya (Issam el-Said dan Ayse Parman 1976, 7). Menurut Mat Rofa, tokoh-tokoh terdahulu seperti Al-Mahani, Abu'l-Jud, Umar Khayyam dan al-Tusi telah membuat kajian mengenai geometri dan trigonometri bukan sahaja untuk keperluan pengiraan, malah untuk

tujuan hiasan dan estetika, khususnya untuk objek geometri yang dibina dalam bangunan dan masjid (Rofa 1994, 11).

Selain dekorasi abstrak geometri, terdapat dekorasi berbentuk floral yang menjadi ciri penting kesenian Islam pada binaan sesebuah masjid. Dekorasi berbentuk floral yang mengarah hukum kembali kepada Allah s.w.t. banyak didapati pada mimbar, misalnya pada mimbar Masjid Kampung Laut, yang kini tersimpan di Masjid Pasir Pekan, Kelantan.

3.5.4 Batu Nisan

Penggunaan seni kaligrafi Islam di Malaysia didapati pada batu-batu nisan di setiap negeri. Batu nisan lama yang diperbuat daripada batu Aceh, menunjukkan sifat bentuk seni rupa daripada kebudayaan sebelum Islam. Batu nisan bukan sahaja dianggap sebagai tanda bahawa seseorang itu telah meninggalkan dunia, malah membuktikan masyarakat Melayu di Malaysia amat mengambil berat tentang pemakaman ini.

Beberapa contoh batu Aceh dengan tulisan khat didapati pada makam diraja di Pahang, Perak dan Kedah. Contoh yang paling lama terdapat pada batu nisan Sultan Mahmud Shah 1, Pahang yang mangkat pada tahun 1475 M, yang merupakan batu Aceh pertama yang ditemui di Semenanjung Malaysia (Yatim 1998, 21-26).

Selain itu, hiasan ukiran seni kaligrafi yang tidak stabil juga terdapat pada prasasti yang berasal dari kawasan Keramat Sungai Udang, dekat Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan. Batu yang berbentuk empat persegi ini menandakan tarikh meninggal dunia Ahmad Majnun pada 1467/68 M (Casparis 1980, 1-22); (Musa 1997, 369). Pada keempat-empat permukaan batu itu terukir tulisan kaligrafi dalam bahasa Arab, bahasa Melayu dan bukan Melayu, termasuk Basmalah. seni kaligrafi Islam yang berbentuk bulat itu diukir secara timbulan rendah dengan gaya yang menarik. Manakala pada batu pedang yang berhampiran dengannya diukir kalimah

“Allah” dengan berbentuk tegak. Batu itu dibentuk dengan ukiran yang berupa binatang dan tumbuh-tumbuhan. Kalimah “Allah” itu dapat dianggap sebagai hubungan antara seni rupa yang mengandungi imej daripada alam sekitar.

3.5.5 Matawang

Kepulauan Melayu mula menjadi pusat perdagangan yang masyhur sejak abad ke-9 M lagi. Kegiatan perdagangan telah menyumbang ke arah pengenalan bentuk matawang yang standard. Matawang dihasilkan dalam bentuk logam yang berharga seperti timan, perak dan emas mula diperkenalkan. Kebanyakan matawang berbentuk syiling yang diukir menggunakan tulisan Arab atau Jawi dengan berbagai-bagai nama, lagenda dan gelaran (Yatim 1998, 134-135).

Matawang yang diukir menggunakan tulisan Arab atau Jawi merupakan sumber rujukan untuk mengenali tamadun dan peradaban masyarakat Melayu di Malaysia pada suatu masa yang lalu. Antaranya terdapat beberapa jenis duit syiling emas atau kupang yang telah dikeluarkan antara tahun 1400-1780, yang dipercayai digunakan di Kelantan dan Pattani. Matawang Melayu kuno digunakan di negeri Kelantan pada sekitar abad ke-18 M, iaitu ketika negeri itu masih berada di bawah naungan kerajaan Siam (Ensiklopedia Dunia Melayu 1997, 102). Duit-duit syiling emas yang digunakan oleh masyarakat Melayu di Kelantan, dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu duit syiling Kijang, Dinar Matahari/Bunga dan duit emas bertulisan Arab di kedua-dua belah muka (Yaacob 1995, 51)

Duit-duit syiling Kijang mempunyai ukiran bermotif kijang pada sebelah muka dan tulisan Arab “Malik Al-Adil” atau “Al-Adil” pada muka yang satu lagi. Dinar Matahari dikenali kerana motif yang terdapat pada muka hadapan syiling tersebut seolah-olah matahari sedang bersinar. Selain motif matahari, motif bunga juga digunakan dan dikenali sebagai Dinar Matahari. Manakala syiling emas bertulisan Arab di kedua-dua belah muka atau Emas Dinar

telah ditemui di Kota Bharu, Kelantan, yang tercatat tarikh pengeluarannya, iaitu 557 H bersamaan dengan 1181 M (Lukman bin Haji Latif, 1991:1). Pada muka hadapan syiling ini tertera inskripsi tulisan Arab “Al-Julus Kelantan” sementara di muka belakang terdapat tulisan “Al-Mutawakkal”.

Selain itu, terdapat matawang yang berukuran 3 cm melintang yang dicipta pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad IV (1899-1920). Pada muka satu matawang ini dicap dengan inskripsi bertulis “Belanjaan Kerajaan Kelantan Sepuluh Keping...” dan di muka dua pula tertulis tulisan dalam bahasa Arab, “Suni'a fi Dzu'l Hijja sanah 1331” yang bermaksud “Dikeluarkan pada bulan Zulhijjah tahun 1331”. Matawang ini merupakan hadian daripada Haji Abdul Razak Haji Othman dari Kuala Terengganu dan sekarang menjadi koleksi Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (Buku Cenderamata 1981, 69)

3.5.6 Tekstil dan Pakaian

Penggunaan seni kaligrafi Islam diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia, iaitu dalam aspek tekstil dan pakaian. Masyarakat Melayu telah menggunakan tulisan yang indah ini pada pakaian wanita, baju, setangan kepala, kain tudung keranda, kopiah kadi, batik, kain limar, kain bendera, tekanan emas untuk sarung bantal dan sebagainya.

Umpamanya pada kain limar, terdapat inskripsi bertulis secara berulangan, iaitu “La Ilaha Illa Llah” (Tiada Tuhan Melainkan Allah) dan kalimah “La” di bahagian tepi kain tersebut. Kain yang bercorak merah di bahagian tepi ini mempunyai ukuran Panjang 226 cm dan lebar 75.5 cm.

3.5.7 Ukiran Kayu

Seni kaligrafi Islam diukir dengan indah pada objek kayu untuk dijadikan sebagai perisai pertahanan diri, kotak senjata, peti kayu berukir, gantang kayu, belindan kubur, mimbar masjid, tongkat khutbah, rehal, cap mohor dan sebagainya. Selain itu, ukiran khat pada kayu juga dijadikan sebagai hiasan rumah, bangunan dan masjid. Kayu-kayu yang telah diukir selalunya dibuat bingkai dan digantung di dinding, pintu dan sebagainya.

3.5.8 Senjata

Penggunaan seni kaligrafi Islam didapati pada peralatan seperti senjata Melayu yang merupakan alat untuk mempertahankan diri daripada serangan musuh. Keindahan ukiran seni kaligrafi Islam menjadi lambang peradaban masyarakat Melayu yang amat mengambil berat tentang aspek keagamaan. Antara peralatan senjata yang paling banyak tertera tulisan Arab ialah keris, pedang, lengan baju besi, ketopong besi dan sebagainya.

Sebagai contoh, perisai besi berbentuk bulat yang disalut dengan tembaga di sekelilingnya mempunyai inskripsi gaya khat model Kufi yang ditulis dalam bulatan yang terletak oada bahagian tengah. Pada bahagian luar bulatan itu terdapat hiasan lapan bentuk palma yang tergantung menghala ke bawah dan lapan bentuk mendaliun corak daunan yang berpaling patung. Pada bahagian empat bentuk mendaliun itu juga terdapat bentuk bulat yang timbul, manakala pada bahagian tepinya pula ditulis lapan ayat dalam bahasa Parsi dengan menggunakan model Farisi.

3.5.9 Tembikar

Masyarakat Melayu di Malaysia juga tidak ketinggalan mengambil tulisan Arab yang indah untuk dilakarkan pada barang-barang tembikar. Barang-barang tembikar yang diberi keutamaan untuk ditulis dengan seni tulisan yang indah ini kebanyakannya terdiri

daripada barang-barang yang sering digunakan dalam kehidupan harian mereka. Antara barang-barang tembikar tersebut termasuklah bekas perasapan, bekas bara, bekas pembakar kemenyan, teko tembaka, gelas air penawar, kendi, dulang bertudung, batil, piring, pinggan, mangkuk, buyong, piring perubatan dan sebagainya.

3.5.10 Barang-Barang Perhiasan

Selain mengukir kaligrafi Islam pada barang-barang tembaga, masyarakat Melayu juga telah menjadikan kesenian Islam ini sebagai dekorasi pada kulit-kulit buku, kad dan barang-barang yang dijadikan sebagai perhiasan. Antara barang-barang perhiasan termasuklah poster, gambar, jubin, pewter, dan barang-barang kemas seperti emas dan perak, yang diukir dengan khat untuk dijadikan sebagai loket, cincin, kerongsang, gelang tangan dan sebagainya mengikut citarasa masyarakat.

Ukirian kaligrafi Islam yang tertera pada barang kemas ini selalunya berdasarkan nama si pemilik. Kadang-kadang terdapat juga barang-barang kemas yang dibawa dari luar seperti Mekah, misalnya duit emas berbentuk bulat yang tertera tulisan Arab di kedua-dua belah muka, yang selalunya digemari oleh kebanyakan wanita Melayu di Malaysia untuk dijadikan sebagai perhiasan diri.

Selain ukiran khat pada barang-barang kemas, kesenian ini juga terdapat pada anyaman dan sulaman, umpamanya anyaman kelarai vang diperbuat daripada buluh. Sebagai contoh, anyaman kelarai yang berukuran tinggi 38 cm dan lebarnya 34 cm telah diukir dengan inskripsi bertulis “Allahu Akbar”. Anyaman ini telah dibuat di negeri Perlis dengan menggunakan bahan-bahan semulajadi seperti daun nipah.

Barang-barang lain yang dijadikan perhiasan oleh masyarakat Melayu ialah jam dinding, jam tangan, rantai kunci, cross-stich, permaidani dan sebagainya. Barang-barang ini bukan sekadar untuk tujuan perhiasan, malah selari dengan citarasa mereka

untuk dijadikan sebagai barang cenderamata. Khat juga turut diminati oleh masyarakat Melayu, terutamanya terdapat para seniman khat yang telah menjadikan tulisan indah ini sebagai dekorasi pada kulit-kulit buku, setem, kad-kad ucapan dan sebagainya. Seorang seniman khat Melayu, Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, telah menulis kalimah “Basmalah” dalam bentuk ayam jantan seperti yang tertera pada kulit bukunya “Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu” (1972) dan “Comments on the Re-examination on al-Raniri's Hujjatu'l-Siddiq: A Refutation” (1975), dan dalam bentuk burung pada kulit bukunya “The Mysticism of Hamzah Fansuri” (1970).

3.5.11 Papan tanda

Penggunaan seni kaligrafi Islam bukan sekadar hiasan semata-mata. Kaligrafi Islam yang terdapat pada papan-papan tanda bukan sahaja menjadi rujukan sesutu tempat, malah menyatakan pernyataan zikir kepada Allah S.W.T. Papan-papan tanda ini banyak didapati di masjid, bangunan, jalan raya dan sebagainya. Sebagai contoh, terdapat papan tanda di kawasan Masjid Zahir, Alor Star, Kedah, yang tertera maksud firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Imran ayat 154 dengan menggunakan model Thuluth, iaitu “Berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai”. Manakala di luar bangunan masjid itu pula terdapat perkataan “Allah” yang ditulis dengan menggunakan model Kufi dalam bentuk bulatan.

Papan tanda yang menyatakan pernyataan zikir kepada Allah s.w.t. seperti kalimah “Subhana Llah”, “Alhamdulillah”, “Allahu Akbar”, “Allah” dan “Muhammad” kelihatan di sepanjang jalan utama menuju ke pusat bandar, misalnya di Kota Bharu, Pasir Mas dan sebagainya. Selain itu terdapat tulisan pada papan tanda yang menyatakan nama sesuatu, seperti papan tanda yang bertulis “Masjid Kampung Laut” yang terletak di luar kawasan masjid itu, iaitu di Nilam Puri, Kelantan.

3.6 KESIMPULAN

Seni kaligrafi Islam di Malaysia mempunyai kedudukan yang paling istimewa di antara cabang-cabang kesenian Islam yang lain. Jika dibandingkan dengan cabang-cabang kesenian Islam seperti muzik dan seni bina, kedua-dua seni ini banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur tempatan dan luar serta terdiri daripada sejumlah seniman yang bukan beragama Islam.

Seni kaligrafi bukan sahaja telah memaknakan huruf-huruf Arab, malah telah diadaptasikan dalam sistem huruf-huruf Jawi yang menjadi tulisan milik masyarakat Melayu, sehingga akhirnya telah mencetuskan sebuah peradaban Melayu Islam yang terunggul di rantau ini. Penggunaan seni kaligrafi Islam membuktikan bahawa seni khat sebenarnya telah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat negara ini yang bercirikan Islam, sekaligus telah mencetuskan sebuah tamadun Melayu Islam di Malaysia.

3.7 RUJUKAN

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1960). *Preliminary Statement on A General Theory of The Islamization of The Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang, Hashim Bin. (1992). *Pesaka VII*. Terengganu: Lembaga Muzium negeri Terengganu.

"Buku Cenderamata" 1981. *Pameran Sultan Trengganu*. Dewan Tunku Abdul Rahman, 17-24 Mac.

"Buku Cenderamata" (1984). *Konvensyen Tulisan Jawi*. Kuala Terengganu, 9-11 April.

"Buku Cenderamata." (1981). *Pameran Pertandingan Seni Khat*. Kuala Lumpur, 22 September.

- C.Israr. (1985). *Dari Teks Klasik Sampai Ke Kaligrafi Arab*. Jakarta: Yayasan Masagung.
- Casparis, J.G. de. (1980). "Ahmad Majnun Tombstone at Pengkalan Kempas." *JMBRAS* 1-22.
- Daud, Mustafa Haji. (1994). *Kesusasteraan Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Pulation & Distributors Sd. Bhd.
- Engku Ibrahim dan Abdul Ghani Shamsuddin. (1992). *Konsep Seni Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ensiklopedia Dunia Melayu*. (1997). Kuala lumpur: Piramid Pertama Sdn. Bhd.
- Husain, Abdul Karim. (1971). *Khat Seni Kaligrafi*. Jakarta: Menara Kudud.
- Issam el-Said dan Ayse Parman. (1976). *Geometric Concepts in Islamic Art*. England: Scorpion Publishing Limited and World of Islam Festival Trust.
- Koentjaraningrat. (1991). *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Marican, Sabhita. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial, Pendekatan Prakmatik*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Musa, Hashim. (1997). *Epografi Melayu: Sejarah SIstem Tulisan Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Yusri Musa, Ilham Che Daud @ Zakaria, Nazri Muslim dan Jamsari Alias. (2018). "Sejarah Perkembangan Seni Khat dan Pengaruhnya Terhadap Tulisan Jawi di Nusantara." *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (MALIM)* 30-42.
- Rahmah Bujang dan Wan Abdul Kadir Wan Yusuf. (1997). "manifestasi Kosmologi Dalam Kesenian Melayu." In *Seni dan Kosmologi Islam Dalam Kesenian melayu*, by Wan

- Abdul Kadir dan Hashim Awang AR, 128-129. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rofa, Ismail Mat. (1994). *Mantik, Matematik dan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yaacob, Abustarim Bin. (1995). "Matawang Kelantan" In *Warisan Kelantan Nik Mohamed bin Mohd Salleh*, by Warisan Kelantan XIV, 51. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Yatim, Othman Mohd. (1998). "The Early Islamic Period." In *The Encyclopaedia of Malaysia: Early History*, by Nik Hassan Shuahaimi Nik Abdul Rahman, 21-26. Kuala Lumpur: Archipelago Press.

BAB 4

Memperkasa Seni sebagai Medium Dakwah

*Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Mohammad Naqib Hamdan,
Akmaliza Abdullah*

4.1 Pendahuluan	49
4.2 Metodologi Kajian	52
4.3 Kajian Literatur	52
4.3.1.Seni Sebagai Medium Dakwah	52
4.3.2.Seni Tulisan dan Penulisan	53
4.3.3.Seni Suara	54
4.3.4.Seni Ukir	56
4.3.5.Seni Komunikasi	56
4.4 Hasil Kajian	57
4.4.1.Kepentingan Seni dalam Dakwah	57
4.4.2.Ilmu Pengetahuan	57
4.4.3.Peranan Semua Pihak	60
4.5 Kesimpulan	60
4.6 Rujukan	61

Abstrak

Seni merupakan sebuah elemen yang tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan manusia. Selaras arus kemodenan, pendekatan dakwah memerlukan kepada pembaharuan yang efektif dan relevan dengan kemajuan agar lebih mudah menarik perhatian sasaran dakwah dari setiap peringkat umur. Metod dakwah yang hanya tertumpu kepada cara tradisional seperti ceramah dan tazkirah kurang efektif dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat lebih-lebih lagi golongan muda. Di samping itu, peningkatan gejala negatif dalam kalangan masyarakat hari ini memerlukan kepada pendekatan dakwah kontemporeri yang berbeza daripada para da'ie khususnya dalam bidang seni agar lebih mudah sampai kepada golongan masyarakat hari ini. Objektif kajian ini dijalankan ialah

bagi mengkaji elemen seni dalam pendekatan dakwah kepada masyarakat di Malaysia. Objektif kedua ialah bagi mengenalpasti kepentingan pemanfaatan seni dalam meneruskan kegiatan dakwah pada zaman ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis kandungan melalui kajian perpustakaan. Hasil dan dapatan kajian tertumpu penganalisan seni dalam dakwah melalui seni tulisan dan penulisan, seni suara, seni ukir dan seni komunikasi. Hasil kajian mendapati, seni mempunyai nilai yang besar dan mampu memberi kesan positif jika dikembangkan dalam usaha dakwah di Malaysia. Justeru itu, pengkaji berharap kajian ini mampu membuka mata ramai pihak untuk meningkatkan mutu dakwah tempatan melalui seni agar sesuai dengan peredaran zaman. Bidang seni yang pelbagai dan mudah diterima oleh masyarakat sewajarnya dilibatkan sebagai salah satu usaha dakwah kontemporari kepada masyarakat hari ini.

KATA KUNCI: Seni, dakwah, seni tulisan, penulisan, seni suara, seni ukir, seni komunikasi

4.1 PENDAHULUAN

Islam sebagai agama universal dan menyeluruh sentiasa memberi peluang dan ruang kepada manusia untuk mengembangkan potensi diri sama ada dari sudut ekonomi, sosial maupun politik. Antara keindahan agama Islam adalah Islam sentiasa memberi panduan dalam setiap perkara agar manusia sentiasa berada dalam landasan fahaman yang benar dan tidak melampaui batas sebagai seorang Muslim. Hal yang sama dititikberatkan dalam memperkembangkan bidang seni selagi mana masih berada dalam ruang lingkup yang dibenarkan syariat.

Menurut Asy’ari (2007), agama Islam sendiri mempunyai ciri-ciri kesenian. Misalnya, al-Quran merupakan mukjizat agung terkandung kalam Allah yang mempunyai nilai kesenian sastera yang sangat sempurna dan tidak boleh dibandingkan dengan mananya ciptaan penulisan manusia. Antara hikmahnya adalah bagi menunjukkan kebesaran dan keindahan Allah sekaligus mampu

melenturkan hati pembaca al-Quran dan meningkatkan rasa kecintaan kepada kalam Allah.

Islam adalah agama yang sesuai dengan tuntutan fitrah sepermima dalam Surah Ar-Rum ayat 30 yang bermaksud;

“(Setelah jelas kesesatan syirik itu) Maka, hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauhdari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah; itulah agama yang betul lurus tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya”

Secara semulajadinya, manusia mudah terpesona akan sesuatu yang mempunyai nilai estetika lebih-lebih lagi apabila keindahan seninya tertonjol. Bentuk kreativiti yang terlahir daripada sesuatu hasil seni menjadi daya penarik kepada sifat fitrah manusia yang cinta akan keindahan. Oleh yang demikian, manusia dan seni sememangnya tidak dapat dipisahkan bahkan sesuai dengan kecenderungan manusia yang sentiasa dekat dengan seni budaya setempat dalam kehidupan.

Di Malaysia, bidang kesenian bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum ini. Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan masing-masing mempunyai karya seni yang mencerminkan kebudayaan dan keunikan bangsa. Kesenian Islam di Malaysia boleh dilihat pada struktur binaan di beberapa tempat melalui reka bentuk bangunan, rumah, dan muzium. Selain itu, seni berunsur keislaman juga ditonjolkan melalui ukiran pada alat muzik, lagu dan lain-lain lagi.

Menyedari hakikat ini, konsep kesenian sangat berfungsi dijadikan wadah dalam menyebarkan Islam di Malaysia. Bahkan,

seni merupakan salah satu anugerah Allah yang berharga kepada manusia bagi memenuhi naluri manusia yang cinta akan keindahan.

Tanggungjawab dalam menjalankan dakwah dan mengamalkan amar makruf nahi mungkar sudah menjadi tanggungjawab setiap Muslim. Keperluan dakwah bukan sahaja sebagai peringatan kepada orang Islam dan orang bukan Islam bahawa hanya Allah Tuhan yang layak disembah, bahkan dakwah berperanan dalam membentuk kehidupan sehari-hari masyarakat kepada kehidupan yang dituntut syariat Islam. Segelintir masyarakat masih berfikiran bahawa dakwah hanya boleh berlaku melalui lisan seperti ceramah di pusat-pusat ilmu tertentu seperti di masjid, surau, majlis ilmu, sekolah dan institusi pondok sahaja. Secara amnya, tanggapan bahawa Islam hanya tertumpu kepada ibadah semata-mata wajar diperbetulkan dan dikaji semula.

Pada masa kini, tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh barat telah banyak menjauhkan akidah Islam daripada diri masyarakat terutamanya anak-anak muda. Sebaliknya, individu-individu yang mematuhi syariat Islam sepenuhnya dianggap janggal dan tidak memenuhi gaya kehidupan terkini. Anak-anak muda pula kurang berminat mendalamai bidang agama dan berfikiran gaya hidup yang memenuhi syariat Islam sepenuhnya hanya layak bagi golongan yang digelar ustaz dan ustazah sahaja. Gejala berikut merupakan antara kesan kegiatan dakwah yang kurang dikembangkan melalui pendekatan seni bagi menarik lebih ramai masyarakat memahami Islam.

Dalam arus dunia maya menjadi tumpuan semua peringkat masyarakat, bidang seni wajar diperkasa sebagai medium dakwah agar lebih mudah didekati oleh golongan sasaran. Justeru itu, kajian ini akan membincangkan mengenai seni sebagai medium dakwah.

4.2 METODOLOGI KAJIAN

Secara keseluruhannya, dalam menjalankan kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan melakukan pengumpulan data melalui penyelidikan perpustakaan. Sumber-sumber yang dijadikan rujukan bagi memperoleh data dalam menghuraikan konteks memperkasa seni sebagai medium dakwah melalui seni tulisan dan penulisan, seni suara, seni ukir dan seni komunikasi yang relevan. Seterusnya, penyelidik menjalankan analisis deskriptif bagi menghuraikan topik perbincangan ini.

4.3 KAJIAN LITERATUR

4.3.1 Seni sebagai Medium Dakwah

Dakwah boleh difahami sebagai usaha dalam mengajak manusia membuat kebaikan dan meninggalkan kemungkaran dengan menggunakan pendekatan tertentu. Secara umumnya, dakwah boleh dilakukan pada bila-bila masa menggunakan apa sahaja cara selagi mana mematuhi syariat Islam dan mengajak manusia ke arah kebaikan dan mengingati Allah. Dakwah juga merupakan tanggungjawab semua orang Islam sama ada individu yang mendalamai ilmu agama mahupun orang awam bagi menegakkan syiar Islam.

Agama Islam sebagai agama rahmatan lil ‘alamin menerima baik aspek seni sebagai sebahagian daripada cabang dakwah Islam. Tambahan pula, perkembangan seni seolah-olah seiring dengan perkembangan Islam sejak zaman Rasulullah menyebarkan Islam lagi (Fuad, 2015). Nasyid ‘Tala’al Badru Alaina’ oleh kaum Ansar semasa ketibaan Nabi Muhammad S.A.W. dan pengikut baginda di Yathrib merupakan salah satu bukti seni dalam menzahirkan rasa kesyukuran kepada Allah sudah wujud pada ketika itu. Bahkan, seni merupakan salah satu elemen yang mampu memenuhi naluri sejati manusia yang suka akan sesuatu yang memiliki kecantikan, keindahan dan berunsur hiburan.

Konsep seni dalam Islam adalah seni yang mampu mengembalikan manusia kepada mengingati Sang Pencipta. Justeru itu, seni dalam Islam mestilah bercirikan Islamik dan bersifat positif serta memenuhi batas-batas syariat Islam. Dalam konteks ini, dakwah yang disampaikan melalui seni boleh dilihat dalam beberapa aspek iaitu seni tulisan dan penulisan, seni suara, seni ukir dan seni komunikasi yang berupaya meningkatkan syiar Islam bukan sahaja di dalam negara bahkan hingga ke mata dunia.

4.3.2 Seni Tulisan dan Penulisan

Seni tulisan boleh difahami dengan kata seni visual yang melibatkan gaya lengkok pergerakan berus atau pena di atas kertas menggunakan dakwat yang menghasilkan tulisan yang bersambung. Dalam kata lain, seni tulisan juga lebih mudah difahami dengan membawa kaligrafi atau khat sebagai contoh seni tulisan dalam perkembangan dakwah Islam. Khat menurut Abdul Kadir, Nik Dahalan dan Jamaludin (2018) dalam etimologi Arab ialah Tahsin al-khutut iaitu garisan atau tulisan yang cantik. Seni ini menjadi salah satu keunggulan kesenian budaya Islam apabila mampu mengetengahkan saranan Islam melalui dakwah al-kitabah.

Kecantikan hasil tulisan kaligrafi yang membentuk perkataan-perkataan yang baik mampu menjadi daya tarikan dalam menyampaikan dakwah sebagai pentarbiyan rohani bukan sahaja kepada orang Islam, bahkan kepada orang bukan Islam dan pelancong asing. Dalam masa yang sama, seni khat yang terdiri daripada beberapa jenis iaitu khat nasakh, khat kufi, khat riq'ah, khat diwani, khat diwani jali, khat thuluth, khat farisi dan khat raihani memiliki ciri-ciri tulisan dan keunikan yang tersendiri mencerminkan keindahan tulisan jawi sebagai tulisan al-Quran kepada masyarakat berbilang kaum.

Selain itu, seni tulisan juga mampu menjadi medium dakwah kerana penggunaan gaya tulisan khat yang unik lebih menarik minat

pembaca untuk membaca mesej yang ingin disampaikan seperti ayat al-Quran dan Hadith berbanding menggunakan cara penulisan yang dipakai oleh masyarakat umum. Ini kerana, seni khat yang sering dipamerkan di tempat-tempat tertentu merupakan satu mesej yang pendek namun jika dibaca berulang-ulang kali, ia mampu menjadi asbab ketakwaan pembaca kepada Sang Pencipta. Sesungguhnya, seni khat jelas mampu menjadi aset orang Islam yang bernilai dalam menonjolkan keindahan Islam di mata masyarakat zaman berzaman.

Seni penulisan pula merupakan salah satu dakwah dalam menarik masyarakat untuk memahami Islam melalui pembacaan. Pada zaman dahulu, penulisan merupakan salah satu medium yang sangat penting dalam menyebarkan idea-idea kemerdekaan kepada masyarakat. Pada zaman kini, penulisan masih lagi relevan dan boleh dicapai di hujung jari dengan adanya rangkaian internet untuk digunakan sebagai alat untuk menyebarkan Islam. Penulisan dakwah pada hari ini tidak terbatas hanya pada cetakan kertas sahaja, tetapi penulisan dakwah turut boleh disampaikan melalui media sosial seperti Instagram, Twitter dan Facebook yang sering dikunjungi oleh ramai pengguna.

Pada hari ini, dapat dilihat semakin ramai anak muda yang menggunakan penulisan di alam maya Instagram sebagai cara untuk mengajak masyarakat membuat refleksi diri, menegur perkara-perkara mungkar dan menunjukkan contoh peribadi yang mulia seperti Izzati Elya, Farzana Rais, Mizi Wahid, Syaurah Ishak dan banyak lagi. Penulisan kreatif yang disampaikan dalam berbagai-bagai bentuk seperti penceritaan, refleksi diri dan puisi berkisarkan dakwah Islam mampu menyentuh hati pembaca supaya kembali kepada fitrah asal.

4.3.3 Seni Suara

Seni suara sebagai medium dakwah memainkan peranan yang kuat dan antara yang paling dekat dengan masyarakat. Ini kerana, suara diciptakan oleh Allah bagi membolehkan manusia berkomunikasi

antara satu sama lain. Antara seni suara yang sering digunakan sebagai alat dakwah termasuklah tarannum, seni muzik, qasidah, burdah dan berzanzi.

Manusia yang cinta akan bunyi-bunyian seringkali menganggap muzik sebagai hiburan yang mengasyikkan jiwa. Oleh itu, penggunaan muzik dalam agama Islam seringkali berhadapan dengan percanggahan pendapat. Namun begitu, penggunaan muzik yang bertujuan meningkatkan rasa cinta makhluk kepada Allah dan memenuhi syariat Islam adalah halal menurut ulamak. Sebaliknya, seni muzik yang melalaikan dan cenderung untuk membawa fikiran manusia kepada kemaksiatan pula adalah berdosa dan sewajarnya dijauhkan oleh umat Islam.

Antara seni suara yang telah lama wujud bagi menegakkan syiar Islam ialah laungan azan dan bacaan al-Quran sepetimana Hadis Rasulullah;

“Hiasilah al-Quran dengan suaramu” (HR Ahmad dan Abu Daud).

Bacaan al-Quran yang dialunkan menggunakan kaedah tertentu disebut sebagai tarannum. Umumnya, terdapat tujuh jenis kaedah tarannum yang melunakkan bacaan al-Quran dan mampu melenturkan hati pendengarnya iaitu Bayati, Rast, Soba, Jiharkah, Sikah, Hijazi dan Nahawand. Seni suara tarannum hanya mampu dikuasai oleh seseorang apabila mereka berguru dan selalu mempraktikkannya menggunakan teknik suara tertentu. Dalam konteks ini, majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa seringkali diadakan dan disiarkan di kaca televisyen bagi memperdengarkan bacaan tarannum qari dan qariah terbaik dari seluruh negeri dan negara. Alunan bacaan tarannum yang merdu merupakan seni suara islamik yang sangat berharga dalam menarik masyarakat untuk mempelajari dan memahami al-Quran serta mampu menjadi asbab hidayah kepada sesiapa sahaja yang mendengarnya termasuklah golongan orang bukan Islam.

4.3.4 Seni Ukir

Secara umumnya, seni ukir seringkali dikaitkan dengan seni penulisan iaitu khat dan seni bina. Ini kerana, binaan yang berkonsepkan Islamik sering dihiasi dengan ukiran tulisan khat bertulis ayat al-Quran, nama-nama Allah atau bentuk simbolik Islam seperti kubah masjid dan sebagainya. Selain itu, motif seperti dedaun dan bunga turut diselitkan sebagai hiasan dalam menghasilkan seni ukir. Menurut Abdul Kadir, Nik Dahalan dan Jamaludin (2018), motif ukiran tersebut menonjolkan ketinggian Allah dan kerendahan manusia terhadap keesaan-Nya. Motif ukiran yang bercanggah daripada syariat Islam ialah motif ukiran yang melambangkan agama-agama selain Islam atau bercorak patung dengan tujuan menyerupai berhala yang menjadi sembahhan orang kafir.

Seni ukir di Malaysia acap kali dihasilkan menggunakan kaedah memahat pada kayu. Seni ukir Islam selalunya boleh dilihat melalui ukiran pada seni bina masjid, rumah pemerintah Islam dan perhiasan dinding bagi menampakkan keunggulan seni bina Islam. Keindahan seni ukir Islam yang telah lama berkembang di Malaysia turut mampu menjadi daya tarikan pelancong asing yang datang ke Malaysia.

4.3.5 Seni Komunikasi

Komunikasi telah menjadi penghubung masyarakat dalam menyampaikan sesuatu mesej sama ada secara lisan atau bukan lisan (non-verbal). Dakwah menggunakan seni komunikasi juga disebut sebagai dakwah bil-lisan sama ada melalui ceramah, berdialog atau berbahas tentang isu-isu tertentu. Melalui seni komunikasi, seseorang dapat berkongsi ilmu, pandangan dan bertukar-tukar pendapat yang berkisarkan Islam menggunakan kaedah-kaedah yang menarik dan berbeza. Seni komunikasi juga merupakan seni yang biasa digunakan dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Ceramah di surau dan masjid, khutbah atau forum

adalah antara seni komunikasi yang tidak asing di Malaysia dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat oleh individu yang pakar dalam bahagian tertentu.

Secara tidak formal pula, seni komunikasi dengan menegur dan memberi nasihat yang baik juga merupakan satu dakwah yang boleh menyelamatkan seseorang daripada melakukan kemungkaran. Namun begitu, dalam berdakwah, Nabi Muhammad S.A.W. sentiasa menggariskan kepentingan berhikmah dalam berkomunikasi supaya dakwah yang ingin disampaikan mudah diterima oleh mad'u. Berkomunikasi dengan berhikmah bermaksud menggunakan perkataan dan cara yang bersesuaian dengan golongan sasaran agar mereka mudah memahami ajaran dakwah yang diberikan. Sebagai contoh, ceramah yang disampaikan di perkampungan orang asli hendaklah menggunakan seni komunikasi yang mudah dan mesra dengan budaya kehidupan mereka agar dakwah yang disampaikan mudah untuk masuk ke dalam fikiran dan hati mereka sekaligus menjadi asbab kebaikan kepada mereka. Sebaliknya apabila berdakwah dengan para cendekiawan, para da'ie sewajarnya menggunakan bahasa yang lebih ilmiah agar mereka mampu berfikir menggunakan kecerdikan akal fikiran mereka.

Di samping itu, seni komunikasi menjadi faktor utama ajaran Islam dapat disampaikan merentasi budaya, suku dan etnik apabila buah fikiran dan nilai sesuatu masyarakat hanya dapat disampaikan melalui komunikasi. Menelusuri dakwah semasa zaman Rasulullah, seni komunikasi secara berhikmah yang digunakan oleh baginda menjadi faktor Islam dapat disampaikan kepada kumpulan manusia yang telah sebatи dengan amalan nenek moyang yang menyimpang dari ajaran Islam.

4.4 HASIL KAJIAN

4.4.1 Kepentingan Seni dalam Dakwah

Ciri-ciri seni yang mempunyai nilai-nilai estetika lebih cenderung untuk menarik minat masyarakat untuk mendekatinya. Dalam

konteks dakwah, keindahan seni yang diselitkan dapat menimbulkan kesukaan dan kesenangan masyarakat untuk menerimanya. Umum mengetahui bahawa tidak semua masyarakat Islam dilahirkan daripada keluarga yang memahami agama. Namun begitu, kewujudan seni sememangnya bertepatan dengan naluri setiap manusia yang sering ingin dekat akan sesuatu yang cantik dan menghiburkan. Justeru itu, seni dalam dakwah sangat berfungsi untuk menarik masyarakat dari pelbagai latarbelakang untuk mendekati akidah Islam sama ada melalui seni suara, seni penulisan dan lain-lain lagi.

Selain itu, kita dapat fahami bahawa seni mampu menjadi medium dakwah yang sangat baik kerana hakikat seni adalah sebahagian daripada budaya. Dalam masa yang sama, ilmu sosiologi dan antropologi pula dapat menyaksikan masyarakat tidak boleh dipisahkan daripada budaya. Seni, budaya dan masyarakat saling berkait antara satu sama lain membentuk sesebuah kehidupan masyarakat. Justeru itu, sangat penting untuk menyelitkan elemen seni dalam dakwah kerana dakwah yang diselaraskan dengan pemahaman seni mengikut budaya setempat membolehkan pendakwah masuk ke dalam minda sesuatu kelompok masyarakat dengan lebih mudah untuk menyampaikan dakwah secara berhikmah kepada mereka.

Secara umumnya, keindahan yang wujud dalam elemen seni dapat mencerminkan ciri-ciri Islam di mata masyarakat terutamanya yang bukan beragama Islam bahawa Islam bukanlah agama yang mementingkan ibadah semata-mata. Islam adalah agama yang fleksibel selagi mana masih memenuhi syariat yang ditetapkan dan turut mementingkan keinginan manusia yang mahukan hiburan dalam kehidupan seharian. Ini juga membuktikan Islam sebagai agama universal dan sesuai dengan fitrah manusia. Hiburan yang bercirikan islamik sememangnya mampu menjadi sebahagian daripada pendidikan Islam dan mampu mentarbiah hati masyarakat yang menghayatinya.

4.4.2 Ilmu Pengetahuan

Melalui pemahaman seni sebagai medium dakwah, kita dapat mengetahui bahawa seni yang disarankan Islam dalam berdakwah hendaklah memenuhi ciri-ciri tertentu agar matlamat dakwah utama tercapai iaitu bagi mendekatkan manusia kepada ketauhidan dan kebaikan serta mengajak manusia untuk meninggalkan segala yang dilarang dalam Islam. Sebaliknya, penggunaan seni yang melalaikan manusia daripada mengingati Allah dan menyamai agama lain adalah dilarang. Kesenian yang digunakan bagi tujuan dakwah hendaklah seni yang mampu meningkatkan rasa cinta mad'u kepada Allah dan Rasul.

Selain itu, ciri-ciri seni yang diketengahkan dalam Islam memiliki keindahan yang mampu menangkan hati sesiapa sahaja yang mendalaminya. Ini kerana, seni islamik mampu memenuhi keperluan rohani manusia dek bait-bait saranan Islam yang sememangnya sesuai dengan fitrah kejadian manusia. Keindahan dalam seni dapat memberi rasa tenang, gembira dan puas kepada masyarakat yang menghayatinya.

Seni dalam Islam juga telah menonjolkan prinsip kesatuan Islam yang telah menyatukan elemen seni yang berunsurkan ketauhidan kepada Allah semata-mata. Islam dapat disebarluaskan ke seluruh pelosok dunia dengan menggunakan seni dakwah yang berobjektifkan matlamat yang sama iaitu bagi mengembalikan manusia kepada agama fitrah. Perbezaan latarbelakang masyarakat beragama Islam dari seluruh dunia dapat diperlihatkan kesatuannya melalui intrepretasi seni Islam. Atas faktor ini, Islam mampu disebarluaskan merentasi sempadan geografi berbilang budaya.

Selain itu, Islam yang mementingkan kedamaian sentiasa menolak unsur negatif dalam setiap aspek kehidupan termasuklah dalam elemen seni. Seni Islam berunsurkan kebaikan dan mengajak manusia untuk meninggalkan kemungkaran. Kesenian Islam juga

sentiasa mengajak manusia untuk berdamai dan kembali mengingati Allah terutamanya dapat dilihat dalam seni penulisan dan seni suara.

4.4.3 Peranan Semua Pihak

Seni dilihat sebagai sebuah elemen yang tidak boleh dipisahkan daripada usaha dakwah kepada masyarakat. Seni bukanlah sebagai hiburan semata-mata namun mempunyai nilai yang besar jika digunakan dengan cara yang baik bagi membolehkan kerja-kerja dakwah dilakukan dengan mudah. Oleh yang demikian, pengabaian seni dalam usaha dakwah adalah satu perkara yang amat merugikan terutama pada zaman serba canggih ini.

Pemerkasaan seni sebagai medium dakwah sewajarnya dipandang serius oleh pihak kerajaan dalam usaha memartabatkan jiwa islamik dalam diri rakyat Malaysia khususnya yang beragama Islam memandangkan budaya Barat lebih banyak menjadi ikutan dalam kehidupan sehari-hari sekaligus merosakkan akhlak dan peribadi masyarakat. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sewajarnya menggalakkan penggunaan seni Islam dalam usaha pembangunan pendidikan Islam kepada masyarakat di Malaysia. Di samping itu, Orang Islam sebagai da’ie hendaklah menyedari tanggungjawab untuk berdakwah dan bersikap lebih kreatif dalam menggunakan pendekatan yang efektif, khususnya elemen seni dalam berdakwah kerana metod dakwah yang efektif menentukan kejayaan sesuatu dakwah.

4.5 KESIMPULAN

Islam adalah agama universal dan bersifat a’lamiyyah sesuai bagi setiap budaya masyarakat sepanjang zaman. Dalam berdakwah, kesenian merupakan antara cabang pendekatan dakwah yang dibolehkan dalam Islam dan mampu memberi kesan positif kepada mad’u. Kesenian dalam Islam adalah kesenian yang bertujuan meningkatkan ketakwaan manusia kepada Pencipta melalui kehalusan dan keindahan seninya yang berbagai-bagai. Di samping

itu, Islam memandang seni sebagai sesuatu yang dekat dengan fitrah manusia yang cinta akan keunikan dan kecantikan.

Orang Islam terutamanya anak-anak muda sewajarnya lebih membuka mata untuk menggunakan pendekatan seni sebagai medium dakwah yang mampu menarik masyarakat dari semua peringkat umur. Bidang kesenian Islam sewajarnya diperkasakan selaras dengan kemajuan teknologi yang memungkinkan pelbagai pembaharuan boleh dicipta agar lebih relevan dengan keadaan semasa.

4.6 RUJUKAN

- Abdul Hatim, A., & Sahad, M. (2020). Nasyid Sebagai Wasilah Dakwah dalam Kalangan Masyarakat Kontemporari. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 94-108.
- Abdul Hatim, M., & Sahad, M. (2020). Pendekatan Dakwah Kontemporari melalui Kesenian. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 134-148.
- Abdul Kadir, N., Nik Dahalan, N., & Jamaludin, N. (2018). Seni dalam Islam : Kajian Khusus Terhadap Seni Ukir. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1-16.
- Altavia, R., Sawran, Muhammad Damanik, & Usman. (2019). Seni Berdakwah Ustadz Asdi Wirman Di Masjid Jami'atul Muslimin. *Jurnal Dakwan dan Komunikasi*, 93-105.
- Ananda, K. R. (2018). Seni Sebagai Media Dakwah. 1-86.
- Asy'ari, M. (2007). Islam dan Seni. *Jurnal Hunafa*, 169-174.
- Bahrom, H., Suyurno, S., & Abdul Razak, A. (2015). Islamic Heritage Leads the Transformation of the Ummah. *Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)*, 1-26.
- Fuad, Z. (2015). Pendekatan Dakwah Melalui Seni oleh Syaikh Muim Al-Wahhab. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam Kuis*, 1-19.

- Makmur, & Yusof, A. (2009). Isyarat dan Manifestasi Seni dalam al-Quran: Satu Sorotan. *Jurnal al-Tamaddun*, 67-79.
- Rizali, N. (2012). Kedudukan Seni dalam Islam. *Jurnal Kajian Seni Budaya Islam*, 1-8.
- Satriya, R. B. (2019). Seni sebagai Media Dakwah Pembinaan Akhlak. *Jurnal Komunikasi*, 201-210.
- Yanti, F. (2016). Komunikasi Dakwah dalam Kesenian Nasyid. *Al-Mishbah*, 211-231.

BAB 5

ISU, CABARAN DAN PENDEKATAN DAKWAH MELALUI NASYID

*Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Aziedatul Izzati Binti Zahari,
Nurul Izzah Binti Norkhisham, Salmi Faizun Binti Mohamad
Saupi, Siti Nor Umairah Binti Ishak, Siti Zhuhharrina Binti
Sulaiman*

5.1 Pendahuluan	63
5.2 Definisi Dakwah Dan Kaitannya Dengan Nasyid	65
5.3 Isu Pendekatan Dakwah Melalui Nasyid	67
5.4 Cabaran Dakwah Melalui Nasyid	70
5.5 Pandangan Tokoh Serta Ulama Berkenaan Nasyid	72
5.6 Fungsi Dakwah Melalui Nasyid	75
5.7 Peranan Nasyid Sebagai Medium Penyebaran Dakwah	78
5.8 Kesimpulan	81
5.9 Rujukan	82

5.1 PENDAHULUAN

Dakwah merupakan istilah khusus yang begitu signifikan dalam agama Islam. Dakwah mulanya merupakan tugas para Rasul dalam menyampaikan wahyu Allah kepada para umat (S.F. Abdullah et al., 2006). Jika kita lihat, bagi para nabi, wahyu Allah itu tidak wajib disampaikan kepada umat, namun bagi para Rasul, wajib disampaikan kepada umat masing-masing (Tarmizi, 2019). Pada zaman nabi Muhammad SAW pula, kita melihat bahawa dakwah dijalankan secara berperingkat. Peringkat pertama ialah melalui dakwah secara rahsia. Kaedah ini berlaku selama tiga tahun (Sebli, 2015). Kaedah ini dijalankan bagi mengelakkan golongan musyrikin

yang begitu taksub dengan penyembahan berhala kerana mereka begitu lama melakukan perkara tersebut serta mengelakkan mereka terkejut dengan perkara yang mereka tidak biasa serta tanpa disedarinya boleh mengancam Rasulullah dan keluarganya. Selepas tiga tahun berdakwah secara sembunyi dalam bilangan yang sikit, maka tahun demi tahun bilangan umat Islam akhirnya semakin bertambah. Oleh itu, akhirnya Allah s.w.t telah memerintahkan Rasulullah SAW untuk menyampaikan dakwah Islam secara terang-terangan (Sebli, 2015) sebagaimana dalam Firman Allah s.w.t: “Oleh itu, sampaikanlah secara berterus-terang apa yang diperintahkan kepadamu (wahai Muhammad) dan janganlah engkau hiraukan bantahan dan tantangan kaum kafir musyrik itu”(al-Hijr 15:94). Melalui pengkajian juga, kita dapat melihat bahwa banyak perintah Allah berkenaan dakwah yang ditujukan kepada Rasulullah seperti firman Allah yang bermaksud:“Dan serulah ia kepada tuhan engkau, sesungguhnya engkau di atas petunjuk yang lurus” (Al-Haj; 67).

Namun begitu, dakwah bukan sahaja tugas para Rasul, ia juga merupakan salah satu kewajipan ke atas setiap muslim yang mampu dari segi harta, tenaga dan pelbagai bentuk kerana adanya perintah amar makruf nahi mungkar (B. Abdullah, 2007). Firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 104 dengan maksudnya: "Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung." (QS. Ali Imran: 104). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tugas menyampaikan dakwah ini adalah tanggungjawab kita sesama muslim demi memartabatkan dan menegakkan agama Allah yang mana ia satu-satunya agama yang lurus dan benar serta direhái Allah SWT. Selari dengan perkembangan zaman juga, kita melihat bahawa terdapat pelbagai kaedah pembaharuan dalam penyampaian dakwah. Dalam kajian ini, kami memilih nasyid sebagai wacana penyampaian dakwah untuk dibahaskan terutamanya dalam melihat keberkesanannya dalam menyampaikan dakwah kepada umat. Pada awalnya kita dapat melihat bahawa nasyid itu sebagai hiburan

semata yang hanya menggunakan alat muzik tradisional dengan lenggok dan rentak yang sederhana. Akan tetapi, pelbagai pembaharuan telah dilakukan dalam nasyid di mana penggunaan alat muzik moden telah diaplikasikan dalam menghasilkan karya nasyid. Terdapat juga lirik lagu popular dari kalangan artis antarabangsa yang berunsurkan lucah namun muzik yang digunakan menjadi kegemaran ramai, maka beberapa kumpulan nasyid telah menggunakan rentak yang sama dengan sedikit gubahan pada muzik dan membuat lirik yang berunsurkan nasihat agar para pendengar tidak perlu mendengar lagu asal yang berunsurkan lucah yang hanya mendatangkan dosa. Namun, perkara inilah yang menjadi kontroversi dan mendapat perhatian masyarakat yang mana seperti biasa pasti ada yang memandangnya positif dan ada juga yang negatif. Oleh itu, untuk perincian akan dibahaskan dalam penulisan termasuklah isu, cabaran, dan keberkesanannya pendekatan dakwah melalui kaedah nasyid ini.

5.2 DEFINISI DAKWAH DAN KAITANNYA DENGAN NASYID

Tidak dinafikan bahawa, semakin hari semakin ramai para pendakwah yang semakin menonjol sama ada di media sosial seperti Facebook, Youtube, Instagram dan sebagainya malah pelbagai program di kaca televisyen bertemakan dakwah dijalankan seperti Dai'e Pendakwah Nusantara, Pencetus Ummah dan banyak lagi bagi melahirkan pendakwah yang berkarisma tetapi mengetahui tanggungjawab dalam agama. Hal ini demikian kerana, pendakwah bukan sahaja diambil tanggungjawab ini oleh golongan agama tetapi seluruh masyarakat Islam wajib berdakwah demi kemaslahatan umat. Apa sahaja yang menyeru kepada kebaikan khususnya kepada agama Islam perlulah disokong dan membantu asalkan semakin ramai yang memeluk Islam iaitu kembali kepada fitrah asal. Ramai manusia yang kehilangan pedoman hidup kerana tiada sesiapa yang ingin membimbing mereka. Oleh itu, sebagai pendakwah perlulah

kita menarik mereka dengan pelbagai cara dan strategi supaya mereka tertarik untuk kembali ke jalan yang benar.

Lagu juga dikatakan mampu menarik pemikiran manusia dalam tempoh tertentu melalui rangsangan deria dengar. Ia boleh merubah dan mempengaruhi masyarakat untuk mengikut trend kehidupan tertentu (Mohamad A'sim bin Ismail, 29 Disember 2017). Manusia amat menggemari muzik tidak kira dari pelbagai peringkat umur, mereka pasti akan mendengar muzik sebagai hiburan. Oleh itu, dalam medium untuk berdakwah, salah satu cara yang paling mudah adalah menggunakan platform nasyid. Hal ini demikian kerana, dakwah dan muzik boleh disatukan dengan adanya nasyid. Sejak dahulu lagi, industri nasyid ini mula berkembang luas kerana mereka menyedari bahawa mudah manusia menerima sesuatu itu dengan muzik. Oleh itu, lagu berunsurkan kerohanian dapat diperdengarkan di radio, MP3, televisyen malah pelbagai aplikasi muzik seperti Spotify dan Joox juga tidak ketinggalan meletakkan lagu-lagu dari pelbagai kumpulan nasyid.

Oleh itu, secara umumnya kita mengetahui dakwah berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud seperti meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru, dan melaung (Ab. Aziz Mohd. Zin, 1997). Dari segi istilah terdapat banyak maksud dakwah misalnya daripada ulama Islam bernama Ibn Taimiya yang mendefinisikan dakwah sebagai menyeru manusia agar beriman dengan Allah serta beriman dengan apa yang telah dibawa oleh para Rasul-Nya dengan membenarkan apa yang telah diberitakan oleh mereka dan taat kepada perintah mereka. Abul Ala'Al-Mawdudi pula berpendapat dakwah ialah panggilan Ilahi dan Rasul mengajak manusia memiliki nilai-nilai suci dan agong. Dakwah adalah menghidupkan manusia, iaitu menghidupkan pancaindera, daya pemerhatian, daya rasa, daya ciptanya, menghidupkan dhamir, hati nurani dan bashirah. Menghidupkan manusia di sini bermakna ia perlu seimbang dari segi ilmu, iman dan amal, ibadah, ikhtiar dan doa. Bagi pendapat ulama tersohor dunia pada masa kini iaitu Dr Yusuf al-Qardhawi yang mengatakan

bahawa dakwah ialah usaha membawa orang lain kepada agama Islam agar mengikut petunjuk agama ini, melaksanakan segala yang diperintahkan di muka bumi ini, mengkhususkan segala bentuk penghambaan diri, permohonan dan taat kepada Allah SWT sahaja, melepaskan diri dari segala kongkongan yang bukan daripada Allah (taghut) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang lain yang ditentukan hak oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah segala kemungkaran, dan berjihad pada jalan-Nya (Abd Aziz bin Harjin).

Oleh itu, dakwah melalui nasyid ialah mengajak dan menyeru kebaikan termasuk membawa mesej dakwah melalui lagu kerohanian. Nasyid lebih mudah mendapat penerimaan oleh masyarakat dalam menyampaikan dakwah. Media elektronik termasuk radio, televisyen, internet dan pelbagai peranti mudah alih memudahkan lagi proses menyampaikan dakwah umat ini. Tidak dinafikan, masyarakat kini lebih menyukai hiburan dan penyampaian lagu lebih kepada bertemakan putus cinta, kasih sayang yang lebih bersifat pasangan yang masih belum halal dan sebagainya menyebabkan mereka sudah terbiasa. Oleh itu, para pendakwah perlu mengambil peluang untuk membuat sesuatu yang diterima oleh mereka tanpa menyebabkan perbalahan antara manapun pihak dalam industri ini.

5.3 ISU PENDEKATAN DAKWAH MELALUI NASYID

Sebagai umat Islam, tidak dinafikan terdapat pelbagai isu dan masalah yang kita hadapi ketika hendak menyampaikan dakwah. Alangkah Rasulullah SAW yang berdakwah sangat lama untuk menarik agar masyarakat memeluk Islam menghadapi pelbagai ujian dan tohmahan apatah lagi kita sebagai umat yang biasa yang ingin menyampaikan dakwah kepada orang lain, pasti menghadapi perkara yang sama. Dakwah boleh dilakukan dalam pelbagai cara sama ada sewaktu kita berceramah, bercerita, bersyair, bernasyid dan sebagainya. Oleh itu, dalam penulisan ini ia dikhususkan dari sudut nasyid. Nasyid adalah sesuatu yang tidak asing dalam

masyarakat malah ia adalah salah satu hiburan yang bermanfaat dalam Islam. Hal ini demikian kerana ia dapat memberikan input yang positif walaupun dalam keadaan kita berhibur. Akan tetapi, pada zaman kini nasyid sangat kurang dihayati oleh masyarakat Islam lebih-lebih lagi apabila terdapatnya banyak isu melibatkan umat Islam pada zaman kini.

Antara isu utama yang berlaku pada zaman kini ialah apabila nasyid ini semakin pudar dalam kalangan masyarakat Islam. Hal ini demikian kerana, ia dikatakan tidak mengikut trend muzik yang terkini. Nasyid juga dikatakan semakin pudar kerana ia sangat kurang diperdengarkan dalam media sosial seperti di stesen televisyen, radio dan sebagainya. Hal ini demikian kerana siaran tentang agama sangat kurang di kaca televisyen dan stesen radio. Perkara ini sangat sukar untuk didedahkan kerana pihak atasan kurang menyiarkannya. Pihak atasan seharusnya menggalakkan dan mewujudkan lebih banyak lagi tempat bagi persembahan nasyid supaya masyarakat mendapat kebaikan daripada itu. Tambahan pula, apabila mereka mendengar lagu nasyid mereka akan mendapat manfaatnya sekali. Oleh itu, pihak atasan haruslah berganding bahu untuk mewujudkan platform tersebut supaya ia tidak akan pudar dalam kalangan masyarakat lebih-lebih lagi masyarakat Islam.

Selain itu, wujudnya isu penyanyi nasyid yang mengedar bahan terlarang. Walaupun ia hanya satu tuduhan tetapi masyarakat akan memandang serong tentang perkara tersebut. Masyarakat yang kurang berpengetahuan tentang agama akan memandang orang-orang beragamawan ini sangat suci dan tidak membuat dosa. Maka dengan itu apabila wujudnya kesalahan antara orang yang beragama ini, mereka akan memandang ia perkara yang sangat hina dan tidak mahu menerima apa yang diseru dalam Islam. Perkara ini adalah salah satu isu yang sangat besar dimana para agamawan yang lain juga akan mendapat tempias sama daripada masyarakat sekeliling. Namun, pada hakikatnya semua manusia bersifat tidak sempurna melainkan Allah SWT sahaja. Kesan apabila berlaku kontroversi menyebabkan masyarakat akan susah untuk menerima dakwah

daripada kalangan mereka akibat satu isu seperti ini. Oleh itu, seharusnya sebagai ahli nasyid atau orang yang beragamawan, mereka perlulah menjaganama baik agama Islam ini dengan bersungguh-sungguh supaya Islam akan dipandang indah oleh masyarakat. Allah SWT juga berfirman dalam Surah at-Tiin, ayat 4 yang bermaksud: “Sesungguhnya benar Kami ciptakan manusia dengan bentuk yang sebaik-baiknya.”

Akhir sekali, isu yang sering dibangkitkan adalah melibatkan suara wanita yang dikatakan aurat. Kebanyakkannya ahli nasyid pada zaman sekarang adalah terdiri daripada kalangan wanita. Akan tetapi, perkara ini mempunyai had yang menjadikan suara wanita itu menjadi aurat. Sesetengah masyarakat pada hari ini yang tidak memahami pernyataan berikut malah memandang Islam ini sangat terbuka yang akhirnya tidak mengikut syarak apabila ramai kaum wanita menjadi ahli nasyid. Tidak dinafikan juga bahawa, kemungkinan mereka tidak menerima dakwah terhadap nasyid akibat salah faham dan perbalahan isu ini yang sering berlaku sedangkan suara wanita itu bukanlah aurat pada asasnya. Namun begitu, suara mereka boleh menjadi aurat jika dilunakkan sehingga mendatangkan ghairah kepada kaum adam. Ini firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 33 bermaksud:

“Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertaqwah. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan)”.

Surah al-Ahzab, (33:32)

Melalui ayat tersebut dapatlah kita mengetahui bahawa Allah SWT melarang perempuan untuk berkata-kata lembut kepada lelaki. Perkara ini dapat disamakan dengan suara itu menjadi haram

dialunkan apabila dilunakkan hingga menyebabkan keghairahan kaum lelaki. Oleh itu, tidak salah untuk perempuan bernyanyi tetapi perlulah mempunyai batas-batas yang perlu dijaga.

Tegasnya, terdapat banyak isu-isu yang berkait dalam industri nasyid sehingga membuatkan industri nasyid ini semakin mundur dan lebih banyak anak-anak muda terjerumus dengan lagu-lagu berasal dari negara Barat dan industri K-pop serta seangkatan dengannya. Pelbagai pihak perlulah bertanggungjawab dalam menyelesaikan setiap isu yang wujud agar masyarakat memandang tinggi terhadap orang Islam kerana berdakwah melalui nasyid adalah cara yang lebih mudah berbanding dengan yang lain kerana dapat berdakwah dari pelbagai peringkat umur, bangsa dan negara.

5.4 CABARAN DAKWAH MELALUI NASYID

Setiap hari, tidak dinafikan bahawa sentiasa banyak cabaran yang kita akan hadapi dalam melakukan sesuatu kebaikan. Contohnya, kita hendak berdakwah ini, kita memerlukan pelbagai cara untuk menarik minat masyarakat untuk mendengar dan menerima dakwah ini dengan hati yang penuh terbuka. Terdapat banyak juga cabaran yang dihadapi apabila kita berdakwah berbentuk nasyid ini. Seperti kita ketahui, nasyid adalah salah satu hiburan dalam Islam tetapi apakah cabaran-cabaran yang akan dihadapi apabila berdakwah menggunakan nasyid ini?

Antara cabaran yang dihadapi untuk berdakwah melalui nasyid adalah kurangnya promosi persempahan nasyid. Hal ini demikian kerana kebiasaannya lagu-lagu yang tidak bertemakan Islamik akan mudah sahaja tular di kalangan masyarakat kerana aktiviti promosi yang dijalankan secara besar-besaran di media sosial. Namun begitu, sekiranya lagu itu berunsur Islamik dan ketuhanan, sejujurnya agak sukar untuk lagu tersebut menerima penajaan daripada pihak penaja. Hal ini terjadi kerana, pihak penaja sudah semestinya akan memikirkan berkenaan keuntungan yang mereka akan terima dan sekiranya mereka menaja penyanyi yang

akan mendapat sambutan yang kurang memberangsangkan, maka pihak penaja itu sendiri yang perlu menanggung kos kerugian. Tegasnya, cabaran yang dihadapi dalam berdakwah melalui nasyid apabila kurangnya promosi persembahan nasyid kerana wujudnya kebimbangan oleh pihak penaja untuk menghadapi risiko kerugian sekiranya mereka menaja kumpulan penyanyi nasyid lebih-lebih lagi kumpulan nasyid tersebut tidak popular.

Cabaran berdakwah pada masa kini juga lebih hebat berbanding dulu kerana adanya teknologi seperti media sosial menyebabkan wujudnya netizen-netizen yang mudah sahaja memberi kecaman. Tidak dinafikan bahawa, kritikan dan pandangan orang lain adalah maklumbalas yang baik serta salah satu perkara yang perlu wujud untuk mendapatkan sesuatu hasil yang sangat bagus. Namun begitu, perkara seperti ini akan mengundang persepsi negatif terhadap kumpulan nasyid tersebut. Misalnya, terdapat satu lagu nasyid yang mempunyai unsur maksiat yang menyebabkan masyarakat mengecam perkara tersebut. Kecaman netizen tidak semestinya buruk belaka tetapi ia harus diambil untuk dijadikan motivasi. Begitulah yang seharusnya wujud dalam diri seorang pendakwah untuk tidak muda getar apabila dikecam.

Cabaran berdakwah menggunakan kaedah nasyid ini sukar kerana ia memerlukan kos yang sangat tinggi. Bagi mewujudkan nasyid yang menarik, mereka perlukan kos yang tinggi untuk menampung perbelanjaan. Seperti yang kita ketahui, kumpulan nasyid yang terdahulu, mereka banyak menerima sumbangan daripada pelbagai syarikat penaja untuk menjayakan kumpulan nasyid di samping mempromosikan secara besar-besaran kepada orang ramai. Akan tetapi, kumpulan nasyid pada zaman sekarang sukar untuk membuat perkara yang sedemikian kerana berlakunya krisis kewangan semenjak akhir-akhir ini. Oleh itu, untuk mengurangkan kos, mereka hanya dapat mempromosikan nasyid terbaharu mereka melalui media sosial sahaja seperti Facebook, Instagram, Tik Tok dan sebagainya. Oleh itu, ia menjadi cabaran

besar dalam industri nasyid untuk menyebarkan dakwah kepada umat Islam.

Di samping itu, cabaran yang seterusnya ialah banyak saingen dengan genre muzik yang lain. Perkara ini juga adalah salah satu perkara yang sukar untuk para penasyid. Sejak akhir-akhir ini, masyarakat dide dahakan lebih kepada konsert Barat dan “K-pop” yang mana masyarakat lebih suka dengan konsert ini walaupun ia tidak mendatangkan manfaat kepada sesiapa yang menonton namun disebabkan ketaksubtan metreka, maka mereka sanggup membuat apa sahaja seperti sanggup menghabiskan duit dengan menonton konsert seperti ini. Tidak dinafikan juga konsert yang mereka bawakan adalah sangat rancak dan lebih menarik perhatian penonton. Oleh sebab itu, jika nasyid dimodenkan, berkemungkinan masyarakat akan lebih tertarik dengan muzik bertemakan nasyid ini. Di sini dapatlah kita menyebarkan dakwah secara perlahan kepada orang ramai apabila menukar cara dengan bernasyid versi moden.

Oleh itu, para penasyid seharusnya memikirkan cara yang sesuai dan sopan untuk menarik minat pendengar agar lebih menggemari nasyid berbanding genre muzik yang lain agar dengar ini mesej dakwah dapat disampaikan dengan cara sopan dan spontan kepada orang ramai.

Kesimpulannya, kita haruslah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menarik minat masyarakat terhadap nasyid supaya mereka mendapatkan natijah yang baik walaupun dalam hiburan.

5.5 PANDANGAN TOKOH SERTA ULAMA BERKENAAN NASYID

Hal berkaitan nasyid ini telah pun dibincangkan oleh ramai ulama dan tokoh. Mereka juga telah memberikan pelbagai pandangan dan pendapat dalam isu nasyid yang sudah menjadi trend terkini bagi penyebaran dakwah. Seperti biasa, ada tokoh serta ulama yang bersetuju dengan berdakwah melalui nasyid dan ada

juga yang membangkang tindakan menggunakan kaedah nasyid dalam berdakwah. Oleh itu, terdapat beberapa tokoh dan ulama yang telah diambil pendapatnya bagi mengulas berkenaan isu dakwah melalui nasyid ini.

Antara tokoh yang memberi pendapat berkenaan isu nasyid ini ialah Ustaz Azhar Idrus yang merupakan penceramah yang sangat terkenal di Malaysia. Beliau menyatakan dahulu bahawa muzik adalah tidak haram di sisi syarak dan penggunaan nasyid dalam berdakwah hukumnya adalah harus. Hukumnya harus kerana niat kita yang bukan sahaja ingin menghiburkan malahan kita juga ingin mengajak manusia yang mendengar nasyid itu agar sentiasa ingat kepada Allah dan Rasul-Nya. Namun begitu, ia akan menjadi fitnah sekiranya ia digabungkan dengan alat-alat moden dan juga sekiranya berlaku secara berlebih-lebihan. Maka, beliau menekankan bahawa dalam menyebarkan dakwah menggunakan kaedah nasyid ini, kita hendaklah berpada-pada dan tidak melampaui batas. Selain itu, Ustaz Azhar juga telah memberikan contoh kumpulan yang telah berjaya melakukan dakwah melalui nasyid iaitu kumpulan Waliband. Menurut beliau, kumpulan ini telah berjaya dalam memberi penghayatan agama Islam kepada orang ramai dengan liriknya yang mendalam disamping mempunyai rentak lagu yang sangat menarik minat orang ramai untuk mendengarnya. Tuntasnya, Ustaz Azhar Idrus menyimpulkan bahawa nasyid melalui dakwah hendaklah dititikberatkan lirik dan tidak berlebihan.

Pendapat tokoh dalam berdakwah melalui nasyid yang seterusnya oleh Ustaz Doktor Syafiq Riza Basalamah MA. Beliau menegaskan bahawa mendengar nasyid itu tidak boleh dijadikan sebagai muzik harian kerana bimbang akan melalaikan. Tambahan pula, mereka yang yang memilih untuk bernasyid perlulah memastikan apabila orang lain mendengar nasyid itu, mereka mengingati Allah SWT dan lagunya juga perlulah hindari daripada sebarang unsur maksiat. Beliau turut menjelaskan bahawa nasyid ini berasal daripada bangsa Arab dan sejak zaman Rasulullah SAW lagi

telah wujudnya nasyid. Tambahan pula, beliau telah menjelaskan bahawa tujuan asal nasyid adalah untuk menaikkan semangat seseorang pada ketika itu. Sebagai contoh, semasa peperangan Khandaq yang telah berlaku pada zaman Rasulullah iaitu semasa mereka menggali parit dan dalam masa yang sama mereka telah melaungkan ayat “Ya Allah, tiada hidup kecuali hidup akhirat dan ampunkanlah orang Muhajirin dan orang Ansar”. Melalui ayat ini, mereka yang menggali parit telah menjadi lebih bersemangat dan semakin membara. Jelaslah bahawa Ustaz Doktor Syafiq Riza Basalamah MA menyokong penggunaan nasyid dalam dakwah dengan syarat tidak menjadi kebiasaan.

Seterusnya, terdapat juga pendapat tokoh daripada Ustaz Idris Sulaiman yang merupakan penceramah bebas di Malaysia. Pandangan beliau agak berlainan dengan pendapat dua tokoh sebelumnya. Hal ini demikian kerana beliau menyatakan bahawa dakwah melalui nasyid adalah salah dan tidak boleh kita berdakwah melalui nasyid. Tambahan pula ia melalaikan serta agak kurang sopan kerana Rasulullah tidak berdakwah dengan cara sedemikian. Beliau menambah juga, sekiranya dakwah melalui nasyid ini berkesan, sudah lama akan dilakukan oleh Rasulullah semasa baginda menyampaikan dakwah pada suatu ketika dahulu. Oleh jelaslah bahawa Ustaz Idris Sulaiman tidak menyokong apa-apa cara untuk berdakwah melalui nasyid ini.

Selain Ustaz Idris Sulaiman, terdapat juga pendapat lain daripada Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat. Beliau menyatakan bahawa nasyid tidak boleh dijadikan kaedah untuk menyampaikan dakwah. Ustaz Abdul Hakim juga menambah bahawa nasyid ini adalah seperti qasidah yang menjadi kebudayaan Arab yang berbangsa Arab Sufi. Mereka ini sering menyanyikan irama sekiranya mereka memerlukan semangat semasa ingin melakukan sebarang kerja dan tidak pernah pula berdakwah melalui nasyid. Oleh itu, beliau sangat membangkang apabila dakwah dilakukan dengan kaedah nasyid.

Akhir sekali, Mufti Wilayah Persekutuan ada mengeluarkan pendapat dan pandangan berkenaan dakwah dalam muzik. Mereka telah menyatakan bahawa muzik tidak boleh diharamkan dan juga diharuskan secara keseluruhannya. Hal ini demikian kerana terdapat ulama yang mengharamkan muzik disebabkan oleh kemaksiatan yang nyata dalam muzik yang dikeluarkan seperti galakkan seks bebas, minum arak, pergaulan bebas dan sebagainya. Oleh itu, pihak Mufti telah memutuskan bahawa muzik hanya diharamkan sekiranya mempunyai unsur-unsur kemaksiatan dan juga yang akan melalaikan pendengar muzik tersebut. Tambahan pula, pihak Mufti juga telah menyelitkan sedikit kata-kata daripada Ibn ‘Abd Rabbih al-Andalusi semasa beliau menghuraikan berkenaan khilaf ulama berkenaan syair iaitu selagi mana isi kandungan syair itu baik maka bolehlah kita ambil, namun sekiranya mempunyai keburukan, maka tinggalkan. Mufti Wilayah Persekutuan juga menyelitkan nasihat untuk penyanyi tanah air agar memperbanyakkan penerbitan lagu yang berunsur dakwah dimana dapat mengingatkan pendengarnya kepada Allah SWT.

Kesimpulannya, pelbagai pendapat yang telah dikeluarkan oleh tokoh-tokoh dan juga beberapa pendakwah berkenaan isu mendakwah menggunakan nasyid. Kita sebagai pendengar hendaklah bijak dalam memilih lagu yang ingin didengar dan hendaklah tidak melalaikan diri sendiri serta dapat mengingatkan kita tentang Tuhan. Selain itu, penyanyi dan juga setiap individu yang terlibat dalam penerbitan sesebuah lagu itu agar tiada unsur yang tidak diingini seperti unsur maksiat malahan perlulah memperbanyakkan kandungan lagu yang berunsurkan ketuhanan.

5.6 FUNGSI DAKWAH MELALUI NASYID

Terdapat beberapa fungsi-fungsi dakwah melalui nasyid ini kerana setiap perkara ada fungsinya. Contoh-contoh fungsi dakwah melalui nasyid antaranya penyebaran agama Islam, dapat menenangkan jiwa, menjadi sumber ilmu, dan nasyid sebagai medium dakwah.

Fungsi dakwah melalui salah satunya ialah penyebaran agama Islam. Kalau dapat kita perhatikan, sejak zaman nabi, muzik telah menjadi kegiatan yang disampaikan sebagai salah satu tujuan untuk menguatkan syiar Islam. Misalnya, membaca Al-Quran adalah cara yang baik untuk belajar tentang Islam. Sebahagian besar dari mereka iaitu para sahabat Nabi, membaca Al-Quran dengan tarannum iaitu lagu dan tajwidnya yang tersendiri. Dengan kaedah ini, Al Qur'an dapat dibaca dengan nada yang menarik untuk didengar. Ianya memiliki kesan yang mendalam pada siapa saja yang mendengarnya. Seni nasyid adalah salah satu cabang musik, dan jika kita melihatnya di dunia saat ini, seni nasyid adalah cara untuk menyebarkan visi Islam. Lirik lagu dan musik yang indah dapat menarik orang-orang yang bukan Muslim untuk mendekati Islam. Contohnya, nasyid daripada kelompok Raihan yang memberi tumpuan kepada lagu-lagu mereka tentang keagungan ciptaan Tuhan.

Fungsi seterusnya dalam menyebarkan dakwah Islam ialah untuk menenangkan jiwa. Muzik dan nyanyian juga memiliki hubungan yang erat dengan jiwa. Hal ini adalah kerana jiwa manusia dalam keadaan semula jadinya cenderung kepada seni dan hiburan. Oleh sebab itu, ianya menjadi fitrah bagi manusia untuk menikmati hal-hal ini. Contohnya, mata manusia mestilah ingin melihat hal-hal yang indah, telinga pula ingin mendengar suara lembut. Tuhan menciptakan manusia dengan naluri di mana manusia akan terpesona dengan sesuatu yang bergerak sesuai dengan naluri semula jadi mereka. Namun begitu, tidak semua bentuk hiburan dan nyanyian memiliki kesan yang baik kepada diri manusia. Tidak dapat dinafikan bahawa ada juga seni nasyid yang memberi kesan negatif kepada jiwa manusia tetapi pernyataan bahwa seni nasyid ini memberikan ketenangan jiwa adalah mengikut kepada lirik yang membuat pendengar bersemangat untuk dengar dan lirik yang dapat memberi ilmu kepada pendengar.

Fungsi dalam menyebarkan dakwah adalah sebagai sumber ilmu. Berdasarkan penjelasan di atas, muzik adalah cara untuk mengekspresikan diri dan juga digunakan untuk menyampaikan pengetahuan dan pengabdian dalam Islam. Ia dapat disampaikan melalui lirik yang mengandungi pengetahuan tentang kisah-kisah zaman nabi dan Islam dan para sahabat Nabi. Misalnya, beberapa lagu yang menceritakan kisah Rabiah Al-Adawiyah, Sumayyah, Zinnirah, sifat perjuangan, dan banyak lagi. Pengaruh ilmu pengetahuan melalui lagu sebenarnya lebih jelas dalam masyarakat. Hal ini adalah kerana masyarakat pada hari ini, terutama sekali orang-orang di Malaysia, kurang minat dalam membaca, hal ini telah menyebabkan penurunan minat dalam membaca buku. Oleh kerana demikian, seni nasyid telah memberi kesan yang positif kerana masyarakat hari ini lebih gemar mendengar daripada membaca. Mereka akan memperoleh pengetahuan secara tidak langsung dengan mendengarkan nasyid yang menceritakan tentang kisah nabi dan para sahabat.

Akhir sekali, fungsi menyebarkan dakwah adalah sebagai medium dakwah. Dakwah memiliki konsep yang sangat luas. Dakwah bergerak atas dasar menyeru manusia kepada kebaikan, memerintahkan apa yang diperintahkan Allah dan melarang apa yang dilarang Allah. Dakwah juga merupakan bahagian penting untuk mengembalikan kejayaan umat Islam kepada kebenaran, baik dari sudut pandangan keyakinan agama, fiqh, maupun standard moralnya. Manakala, nasyid merupakan seni muzik yang sedang berkembang dan diminati oleh masyarakat, baik dewasa maupun kanak-kanak. Nasyid pada dasarnya sama dengan seni muzik lainnya, namun dengan perbezaan pesan yang cuba disampaikan. Nasyid bertujuan untuk menyampaikan pesan agama iaitu pesan dakwah. Secara teorinya, Islam tidak pernah mempertahankan atau mengajarkan penghargaan seni dan estetika (keindahan), tetapi ini tidak berarti bahawa Islam adalah agama yang tidak membenarkan seni. Kata-kata yang menyatakan bahawa Allah adalah indah dan mencintai hal-hal yang indah dan Allah SWT merupakan Pencipta Langit dan bumi telah mengesahkan bahawa Islam menginginkan

kehidupan yang indah dan tidak mengabaikan seni (Soleh Mahfudh, 1994). Dari sisi lain, dakwah Islam adalah kegiatan doa untuk kebaikan dalam bentuk lisan, tulisan, tindakan, dan lain-lain yang dilakukan secara sudar dan dirancang untuk mempengaruhi orang lain secara individu atau dalam kelompok, dan dilakukan sebagai pesan yang mengembangkan ilmu pengetahuan, kesedaran, sikap, doa, dan pengajaran agama dan disampaikan tanpa dipaksa (M. Arifin, 2003).

5.7 PERANAN NASYID SEBAGAI MEDIUM PENYEBARAN DAKWAH

Sejauh manakah nasyid dapat dijadikan sebagai medium penyebaran dakwah kepada masyarakat luar? Melalui pandangan kami sebagai pengkaji, terdapat pelbagai pendekatan dalam penyebaran ilmu dan berunsur dakwah yang telah menggunakan kaedah nasyid sebagai medium penyampaian. Pada pendapat kami, penggunaan nasyid ini sangat berkesan dalam

penyebaran dakwah, hal ini kerana, muzik merupakan salah satu trend yang akan sentiasa diketahui oleh semua masyarakat tidak kira pada peringkat umur, tua atau muda. Maka, sekiranya sesebuah nasyid itu diterbitkan, sudah pasti akan didengari oleh pelbagai pihak dan sasaran dakwah juga akan tercapai.

Antara yang kita dapat lihat ialah seperti penggunaan nasyid dalam aktiviti dan sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Penggunaan nasyid di sekolah adalah sangat berkesan kerana dengan bantuan nasyid, pelajar akan lebih mudah untuk mengingati apa-apa yang dipelajari. Contohnya, pada setiap pagi, guru mata pelajaran Bahasa Arab akan mengarahkan pelajarnya untuk menyanyikan nasyid dimana liriknya merupakan perkataan-perkataan Arab yang dapat meningkatkan lagi tahap kemahiran pelajar bagi subjek tersebut. Selain itu, pihak sekolah juga boleh memasangkan nasyid seperti Asmaul Husna pada setiap pagi semasa perhimpunan agar semua pelajar sentiasa ingat 99 nama Allah

dengan mudah. Jelaslah disini bahawa penggunaan nasyid juga berkesan dalam aktiviti dan sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Seterusnya, peranan nasyid sebagai medium penyebaran dakwah ialah menyentuh hati dan merangsang emosi para pendengar. Sesiapa sahaja yang mendengar, melihat video paparan ataupun secara langsung berkenaan nasyid, pasti akan tersentuh jika dihayati maksud dan penyampaian berkaitan agama tersebut. Para pendengar akan merasakan pelbagai emosi mengikut tema penyampaian dakwah melalui nasyid tersebut sama ada menzahirkan emosi marah, gembira, sedih, ataupun bersuka cita. Contohnya, dalam lagu nasyid kumpulan Raihan, bertajuk ‘Demi Masa’ di mana penyampaian tersebut berkisarkan kehidupan manusia yang tidak memanfaatkan masa untuk jalan Allah adalah dalam kerugian yang besar. Nasyid tersebut juga memberikan pesanan agar kita memanfaatkan masa selagi hidup di dunia ini untuk agama Allah kerana semua yang bernyawa pasti akan mati. Hal ini dilihat dapat menyentuh hati dan membangkitkan emosi sedih dan takut kepada azab Allah sekiranya mati sebelum sempat bertaubat. Di samping dapat membangkitkan emosi takut dan sedih, kepelbagaian nasyid juga ada yang memberi penyampaian dengan memberi khabar gembira untuk para pendengar yang sedang berdukacita dengan rentak yang bersesuaian dan memberi semangat kepada para pendengar beserta pengajaran dalam kisah-kisah Islamik terdahulu. Misalnya, lagu nasyid Hijjaz yang bertajuk ‘Sumayyah’ di mana dalam lagu tersebut dominan kepada kisah Sumayyah di mana apabila mendengar kisahnya, kita akan berasa sedih. Namun begitu, walaupun Sumayyah menghadapi kepayahan demi memartabatkan dan mengangkat agama Allah daripada orang-orang musyrik dan Arab jahiliyah sehingga beliau dibunuh, beliau telah mendapat pahala syahid dan dengan izin Allah, beliau mendapat syurga. Jelaslah bahawa, salah satu peranan nasyid adalah menyentuh emosi para pendengar agar sekali gus dapat menyematkan pengajaran daripada nasyid itu ke dalam hati dan bertindak sesuai dengan pengajaran baik tersebut.

Selain itu, untuk menerapkan nasyid sebagai medium dakwah kepada masyarakat juga boleh dilakukan dengan mengadakan satu program pertandingan seperti Festival Nasyid Kebangsaan. Selain daripada dapat mencungkil bakat baharu dalam kalangan anak muda, program ini juga bertujuan supaya dapat membudayakan nasyid dalam kalangan masyarakat sekaligus menjadikannya sebagai satu medium dakwah yang berkesan. Hal ini adalah kerana di dalam setiap bait nasyid yang dinyanyikan oleh para peserta mempunyai maksud yang mendalam tentang agama, islam, dan iman. Oleh itu dengan adanya pertandingan nasyid ini, berhibur melalui konsep zikrullah dapat digunakan bagi menyampaikan mesej pemikiran orang Islam. Masyarakat akan mendapat hiburan yang tidak melalaikan malah menambahkan lagi pengetahuan mereka jika konsep ini dapat diterapkan oleh semua kumpulan nasyid pada masa kini. Hal ini akan memberikan kelebihan lagi dimana akan wujudlah masyarakat yang sentiasa cakna terhadap aliran hedonisme yang kian mengancam umat islam masa kini dengan pelbagai hiburan yang melalaikan.

Di samping itu, apabila kita menggunakan nasyid dalam medium berdakwah ramai masyarakat akan terima kerana cara penyampaiannya sangat berhemat. Hal ini kerana, apabila kita menyampaikan dakwah dalam bentuk nasyid ia banyak kiasan dan masyarakat akan menerima kerana ia tidak terlalu tegas. Perasaan manusia berlainan bagi setiap individu, maka sebagai penyampai dakwah kita haruslah berdakwah dengan cara betul agar masyarakat dapat mengambil pengajaran daripada nasyid tersebut dan selalu beringat tentang kesalahan dan kebaikan yang mereka lakukan. Cara penyampaian ini sangat efektif kepada semua dan banyak mesej dan pengajaran yang kita akan dapat dalam kita bernasyid. Di samping kita mendapat manfaat dari isi liriknya, kita juga dapat berhibur dengan lagu tersebut. Maka berdakwah dalam bentuk nasyid ini sangat sesuai dengan segala perkara. Oleh itu, gunalah cara yang betul untuk berdakwah agar ia dapat diterima oleh semua pihak.

5.10 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa hukum berdakwah menjadi wajib apabila sudah tiada seorang pun yang menyampaikan seruan kepada Ilahi. Dakwah juga merupakan tanggungjawab sebagai seorang muslim yang perlu kita lakukan dengan apa-apa cara sekalipun. Oleh itu, seruan kepada Ilahi melalui metodologi dakwah seperti nasyid lebih mudah untuk digunakan dibandingkan dengan metodologi yang lain. Hal ini demikian kerana, sikap masyarakat yang lebih gemarkan hiburan seperti muzik ini menyebabkan seruan dakwah kepada mereka lebih berkesan. Lagu juga menjadi cara untuk mencapai matlamat, mesej yang tanpa kita sedar kepada umat Islam. Kebanyakan orang Barat menyampaikan mesej-mesej yang tidak elok untuk didengar. Oleh itu, umat Islam perlu ambil cara ini dengar menyampaikan mesej-mesej tentang Islam dengan lebih meluas menggunakan lirik-lirik atau konsep mengikut peredaran masa dan zaman. Misalnya, kumpulan nasyid The Faith yang ahlinya terdiri daripada anak-anak muda yang mengubah banyak lagu yang asalnya mempunyai lirik yang tidak elok dan tidak sopan tetapi menukar ke arah Islamik dan mempunyai unsur ketuhanan. Selain itu, masyarakat pada zaman kini perlulah bersyukur kerana wujudnya pelbagai media bertemakan Islamik yang boleh malah wujudnya stesen radio islamik seperti IKIM FM atau Institusi Kefahaman Islam Malaysia yang ditubuhkan pada 6 Julai 2001 yang telah dirasmikan Perdana Menteri ketika itu iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad. Apabila wujudnya stesen radio seperti ini, maka ia merupakan salah satu langkah terbaik dalam menyeru kebaikan dan kembali ke jalan Islam yang sebenar. Kesimpulannya, banyak isu dan cabaran yang berlaku dalam menyampaikan dakwah melalui nasyid. Oleh itu, kita haruslah menangani isu dan cabaran tersebut supaya Islam ini sangat terpelihara daripada perkara-perkara yang tidak sepatutnya.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd. Zin, Pengantar Dakwah Islamiah, 1997, Kuala Lumpur, Universiti Malaya. Hlm. 1
- Abdullah, B. (2007). Pentadbiran Organisasi Dakwah. Dakwah Dan Pengurusan Islam Di Malaysia, 2000, 43.
- Abdullah, S. F., Othman, A., & Ismail, S. (2006). Kefahaman Tentang Konsep Asas Dakwah Islamiah Dan Metodologi Dakwah Islamiah Di Kalangan Pelajar-Pelajar Institut Agama Islam Kedah (Insaniah). 1–10.
- Abdul Aziz Mohd Zin, Metodologi Dakwah ..., 101.
- Eri Satria, Roslan Mohamed, Analisis Terhadap Peranan Nasyid Dalam Dakwah, Februari 2017.
- Muhammad Fahmi Rusli, (2016, November 29) . Al-Kafi #476: Hukum Kaum Wanita Bersyair dan Mendendangkan Puisi.
- Farihad Shalla Mahmud, (2021, Ogos 27). ‘Cabaran Kembalikan Kegemilangan Nasyid’. Berita Harian. Tarikh Diakses 19 Mei 2022.
- Farol Hadi, (2022, Mac 31). Ahli Nasyid Juga Manusia Biasa, Raihan Minta Jangan Cepat Hukum Yasin Sulaiman. Mstar. Tarikh Diakses 19 Mei 2022.
- Luqman Tarmizi, (2019, Julai 14). Bayan Linnas Siri Ke-197: Islam Dan Muzik.
- Sebli, A. (2015). Bab 2 Dakwah Islamiah. 257–261.
- Tarmizi, L. (2019, Ogos 29). Al-Afkar #62: Perbezaan Antara Nabi Dan Rasul. Retrieved April 18, 2022

Soleh Mahfudh. 1994. Nuansa Fiqh Sosial. Yogyakarta: Pustaka Pelajar. Halaman 138.

M. Arifin. 2003. Psikologi Dakwah Jakarta: Bumi Aksara

BAB 6

CATAN SENI KHAT KONTEMPORARI: SATU TINJAUAN KEKELIRUAN PENGKARYA SENI DALAM MEMAHAMI BATAS SYARIAT

Ainun Jariah Yaacob, Mohd. Dani Muhammad, Abd. Rahman Hamzah, SaifulAkram Che Cob

6.1 Pendahuluan	85
6.2 Seni Islam	86
6.3 Seni Kaligrafi Islam (Seni Khat)	87
6.3.1 Konsep syahadah dalam seni Islam	91
6.3.2 Kaedah dan peraturan dalam seni khat	94
6.3.3 Karya catan seni khat kontemporari	98
6.3.4 Kekeliruan dan kurang faham batasan syara' dalam catan seni khat kontemporari	100
6.4 Kesimpulan	111
6.5 Rujukan	114

Abstrak

Islam adalah agama yang mencintai keindahan sehingga di dalam hadith Rasulullah S.A.W, baginda bersabda “Sesungguhnya Allah itu indah dan Dia mencintai keindahan”. Di antara cabang keindahan yang mempunyai nilai kesenian ialah seni lukisan iaitu lakaran kreatif yang dibuat di atas kanvas, kertas muqahhar atau di atas sesuatu permukaan dengan menggunakan pelbagai media. Terdapat penggunaan ayat-ayat Al-Quran dalam beberapa karya seni yang dihasilkan oleh pengkarya tempatan dan juga para penggiat seni khat memperlihatkan perkembangan seni khat dalam karya catan kontemporari semakin diterima oleh masyarakat di Malaysia.

Persoalan yang sering menjadi tanda tanya dalam kesenian Islam ialah apakah dibenarkan untuk melukis bentuk alam semula jadi, figura manusia atau haiwan? Jika dilihat dari perkembangan catan seni khat kontemporari di Malaysia, terdapat karya yang menggabungkan gambar makhluk hidup dengan ayat-ayat Al-Quran. Persoalannya, adakah syariat Islam berdasarkan ijтиhad para fuqaha membenarkan ke semua bentuk lukisan atau sebaliknya? Lanjutan dari itu persoalan ini menjadi perhatian penyelidik untuk mengkaji dan merungkai apakah panduan yang sesuai untuk menghasilkan ciri-ciri karya catan seni khat kontemporari yang dibenarkan dalam lingkungan syara'. Para pengkarya catan seni khat kontemporari sudah tentu amat memerlukan satu panduan untuk memahami konsep dan prinsip syariah dalam seni kerana bukan mudah untuk mengukur sejauh mana kefahaman masyarakat terhadap sesuatu isu seni yang terkait dengan aspek akidah dan syariah.

Keywords: *Seni Islam, Seni Khat, Seni Catan, Catan Seni Khat Kontemporari, Garis Panduan Syariat.*

6.1 PENDAHULUAN

Seni dan Islam mempunyai hubungkait yang cukup kukuh yakni sebagai medium komunikasi yang digunakan bagi tujuan menyampaikan ajaran Islam yang syumul. Kajian ini adalah satu tinjauan mengenai kekeliruan karyawan tempatan terhadap kepatuhan syariah dalam penghasilan karya seni khat kontemporari. Secara umumnya, artis muslim hendaklah berusaha ke arah menghasilkan karya seni visual yang baik (ma'aruf), melakukan perkara yang halal lagi bermoral. Ini kerana kebebasan jiwa dalam mereka bentuk seni sangat berkaitan dengan kesucian sifat yang diberikan oleh Yang Maha Kuasa, Allah S.W.T. Pada asasnya, seni dan kebijaksanaan dari segi fungsinya hampir sama, di mana ianya akan membentuk satu kecenderungan dalam mengakui dan mengaitrapat hubungan dengan alam semesta, hubungan dengan Robbul Alamin iaitu Allah SWT sebagai pemilik alam ini, hubungan rohani dan juga dunia fizikal. Oleh itu, para artis muslim cuba untuk

merealisasikan kebesaran Allah taala dan keunikan ciptaan-Nya dalam bentuk karya seni visual. Walaupun diselubungi dengan tekanan arus pemodenan, hasilan karya-karya seni khat kontemporari perlu merujuk kepada satu *indikator* dalam Seni Islam yang menepati dan mematuhi fatwa dan syara' agar tidak tersasar dari landasan syahadah.

Secara umum, kesenian Islam berpegang kepada konsep syahadah yang menekankan larangan kepada penggunaan bentuk tertentu yang dikhuatiri akan memberi maksud yang bercanggah dengan syariat. Polemik atau perdebatan dalam interpretasi makna yang tidak tepat di dalam mendefinisikan seni Islam seringkali berlaku dewasa ini. Persoalan wajarkah pengukuran hakikat kebenaran agama ditafsirkan dalam imaginasi karyawan yang sukar diterima secara rasional dalam manifestasi seni? Perkara yang sering juga menjadi tanda tanya dalam kesenian Islam ialah apakah dibenarkan untuk melukis bentuk alam semulajadi, figura manusia atau haiwan? Jika dilihat dari perkembangan catan seni khat kontemporari di Malaysia, terdapat karya yang menggabungkan gambar makhluk hidup dengan ayat-ayat Al-Quran. Persoalannya, adakah syariat Islam membenarkan ke semua bentuk lukisan atau sebaliknya? Ini menjadi perhatian penyelidik untuk mengkaji apakah kefahaman pengkarya dalam menghasilkan karya catan seni khat kontemporari yang dibenarkan dalam lingkungan syara'. Sudah tentu mereka amat memerlukan satu panduan untuk memahami konsep dan prinsip syariah dalam berkarya. Kekeliruan yang berlaku dalam kalangan pengkarya ini merupakan satu titik tolak kepada penyelidik untuk mengukur sejauh mana kefahaman masyarakat terhadap sesuatu isu seni yang terkait dengan aspek akidah dan syariah.

Maka di sini keperluan mengkaji apakah kekeliruan dan kefahaman para pengkarya untuk dijadikan satu penunjuk aras dalam merekabentuk catan seni khat kontemporari yang menepati syara' dan selari dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

6.2 SENI ISLAM

Seni Islam merupakan seni yang unggul kerana ia lahir dari penurunan cahaya hikmah (Al Qur'an nul Karim). Seni adalah anugerah Allah kepada manusia dan apabila memperkatakan tentang seni, ia berkait rapat dengan hadith Rasulullah S.A.W yang bermaksud, “*Allah itu indah dan Dia mencintai keindahan.*” Di antara cabang seni Islam yang masyhur ialah Seni Khat.

Seni dan Islam mempunyai hubungkait yang cukup kukuh yakni sebagai medium komunikasi yang digunakan bagi tujuan menyampaikan ajaran Islam yang syumul. Pada zaman awal sebelum keRasulan Rasulullah S.A.W, bangsa Arab begitu sinonim dengan sajak dan puisi oleh penyair Arab. Qasidah-qasidah yang terbaik ciptaan para penyair ulung mereka, dideklamasikan di pasar-pasar dan temasya tertentu, malah digantung di dinding Ka'abah' (Zakaria Awang, 2001). Apabila turunnya surah pertama iaitu Al-'Alaq bermaksud;


“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan tuhanmu yang amat pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.”²

Dari sini mulanya kepentingan tulisan khat bagi menulis Kalam Allah S.W.T dan galakan RasululLah S.A.W kepada para sahabat mempelajari seni tulisan untuk mencatat ayat-ayat Al Qur'an dan Hadith Baginda (Mohammed Yusof, 2003). Al-Quran ini bersifat *maujud*, oleh itu ia boleh hilang atau lupsus dari ingatan umat Islam. Maka di sini adalah penting bagi kita sebagai Muslim mempelajari seni tulisan (*khat*) dan seni hafazan Al-Quran. Ia juga bertujuan menjamin pemeliharaan ayat dan kesinambungan penyebarannya.

6.3 SENI KALIGRAFI ISLAM (SENI KHAT)

Perkataan kaligrafi berasal daripada dua perkataan Yunani yang disatukan, *kallos*, yang bermaksud "kecantikan," dan *graphein*, yang bermaksud "untuk menulis" -secara harfiah ianya disebut "tulisan yang indah". Seni Kaligrafi merupakan tulisan tangan hiasan atau seni menghasilkan tulisan tangan dengan pen atau berus. Seni tulisan (termasuk seni bentuk tulisan khat) dan seni hafazan (seni Qira'ati, seni tajwid, seni taranum dsb) merupakan seni terawal yang menjadi wadah komunikasi yang berkesan untuk menyebarkan rísalah Al-Quran yang tiada sesiapa pun yang mampu menandingi keindahan gaya dan maksud ayatNya. Hal ini bersesuaian pula dengan situasi bangsa Arab yang menggemari puisi atau sajak yang hebat-hebat.

Seni tulisan (khat) adalah media komunikasi tampak yang jelas memainkan peranan yang besar dalam menyampaikan mesej dakwah. Ayat-ayat Al-Quran yang ditulis sewajarnya diteliti dan difahami kandungannya kerana itulah mukjizat yang penuh dengan lautan ilmu. Maka di sini, pentingnya seni tulisan untuk menyampaikan mesej, bukan idea atau bentuk penghasilan catan yang dititikberatkan yang mana ia hanya akan membawa kepada tanggapan atau khayalan yang tidak berpenghujung di dalam mengeksplorasi kesenian Islam sebenar.



Rajah 2.1: Jenis-jenis tulisan khat yang seringkali digunakan oleh para karyawan tempatan dalam menghasilkan karya catan seni khat kontemporari.

Pada dasarnya, seni khat merupakan sebahagian daripada aktiviti pengkaryaan yang menggunakan handam atau pena khat untuk menulis dan melukis huruf hijaiyah Arab sama ada petikan ayat Al-Quran, hadith, syair, pantun dan sebagainya. Huruf hijaiyah Arab dijadikan objek seni yang bernilai estetik sebagai luahan idea, inspirasi dan sensitiviti seni dalam berkarya. Seni khat Islam secara jelasnya tidak dapat dipisahkan daripada roh Islam. Para karyawan muslim mengimplmentasikan tulisan khat dalam karya mereka sebagai satu ungkapan perasaan yang artistik dan estetik dalam jiwa seniman mereka. Karya Seni khat dewasa ini dilihat lebih cenderung mengambil ayat-ayat Al-Quran sebagai petunjuk yang sangat jelas seperti yang tertulis dalam Al-Quran pada surah Al-'Alaq ayat 1-2, yang bermaksud:

﴿ إِقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴾ ﴿ ٩٦:١﴾ ﴿ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلْقٍ ﴾ ﴿ ٩٦:٢﴾

"Bacalah, dengan nama Tuhan mu yang Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan al-qalam",

dan Surah al-Qalam ayat 1:

نَ وَالْقَلْمَ وَمَا يَسْطُرُونَ

"Nun, demi kalam dan apa yang mereka tulis".

Maksud dari dua surah ini ialah Allah SWT mengajar manusia dengan cara menulis dan membaca. Intipati asas inilah yang tidak dapat dinafikan iaitu mukjizat Al-Quran merupakan permulaan pengajian seni penulisan khat.

Penyebaran agama Islam yang pesat telah menyebabkan perkembangan tulisan Arab dari bentuk gaya kufi yang mudah (Kufi Mushafi) dan akhirnya mempunyai bentuk yang kompleks (khat al-Thuluth). Malah ia telah menjadi tulisan yang digunakan secara meluas di serata dunia Islam. Seni khat telah dikembangkan penggunaannya dalam pelbagai bentuk seni dan biasanya dilihat

dalam susunan ayat-ayat Al-Quran, penulisan hadith, surat menyurat pemerintah, surat perjanjian, pengisytiharan sejarah dan kitab-kitab agama. Ia juga dijadikan sebagai hiasan pada bangunan, dinding, kubah mimbar dan sebagainya untuk meningkatkan daya tarikan visual bangunan selain dari digunakan dalam pelbagai media sehingga kini. Tidak dinafikan bahawa kecantikan dan keunggulan seni khat Islam dapat dilihat dari segi pembinaan kaedah penulisan, struktur huruf, lengkungan huruf dan anatomi huruf yang cantik. Maka tidak hairanlah jika seni khat telah mendapat pengiktirafan melalui UNESCO kerana sumbangan nya yang begitu besar dalam pembangunan sejarah, budaya dan warisan masyarakat dunia. Penyenaraian UNESCO ini merupakan impak yang positif dalam usaha memelihara seni tulisan tradisi sejajar dengan arus permodenan yang pesat.



Daria | Impresi | Semasa

Kaligrafi Arab tersenarai dalam warisan UNESCO



Hafeez Anuar + December 15, 2021 1 minute read

DUBAI : Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mengisyiharkan kaligrafi Arab sebagai senarai Budaya Tidak Ketara.

Perkara itu dimaklumkan menerusi clapan di Twitter di mana sebanyak 16 negara majoriti Islam, diketuai oleh Arab Saudi, membentang pencalonan ke UNESCO.

Rajah 2.2: Sumber keratan berita <https://ummahotday.com.my/kaligrafi-arab-tersenarai-dalam-warisanunesco/>

6.3.1 Konsep syahadah dalam seni Islam

Kesenian Islam mengelak dari menggambarkan apa yang dikatakan ‘hakikat kebenaran agama’; sebagai contoh kesenian Kristian yang menggunakan mitos serta simbol salib dan patung figura yang disalib (kononnya Nabi Isa A.S) sebagai simbol agama Kristian. Konsep syahadah yakni tauhid tidak memperlihatkan Tuhan melalui imej atau ikon. Dalam teologi Islam, Allah S.W.T tidak sesekali menyerupai apa-apa bentuk imej ciptaanNya sebaliknya dia memperkenalkan DiriNya melalui perkataan yang berbentuk wahyu (Zakaria Awang, 2001).

Konsep syahadah menekankan larangan penggunaan lambang, simbol, ikon, bentuk figuratif atau makhluk bernyawa kerana Allah S.W.T tidak sesekali menyerupai apa-apa bentuk imej ciptaanNya. Menurut pandangan Siddiqui (1999), beliau menegaskan bahawa;

‘God is absolutely other than the natural world, no creature from the nature could stand as a symbol for Him. Allah is described as a transcendent Being of Whom, no visual or sensory experience is possible. No vision can grasp Him...He is above all comprehension.’

(Siddiqui, 1999)

Apa yang dinyatakan oleh Siddiqui ialah Allah SWT tidak sama dari apa yang terlihat pada alam semula jadi, malah tiada makhluk dari alam boleh berdiri sebagai simbol bagi-Nya. Bahkan tiada visual atau deria yang boleh menggambarkan zat Nya kerana Allah SWT itu bersifat maha agung. Pandangan oleh para sarjana barat dan orientalis mengenai hasil karya seni dan kraf seniman Muslim dilihat sebagai seni yang menggambarkan kesempurnaan yang agung, transenden dan unggul (archtype), malah mereka mentafsirkan ia sebagai manifestasi diri seniman untuk

membuktikan kewujudan Tuhan (Divine Presence). Menurut Mikhail (1999),

‘..The abstract implications of the geometric forms are further stressed by the symbolic and magic meanings of geometric shapes...The geometric elements bring with them their own specific ornamentation. It has become yet another aspect of the artistic language and an important means of expressing cardinal aspects associated with the divine..’

(Mikhail, 1999)

Beliau menyatakan bahawa implikasi abstrak bentuk geometri diperjelaskan lagi oleh makna yang magis dan simbolik pada bentuk geometri. Manakala unsur geometri membawa makna khusus hiasan yang tersendiri. Ia telah menjadi satu aspek bahasa artistik dan cara untuk menyatakan aspek-aspek utama ketuhanan. Penyelidik berpendapat bentuk-bentuk geometri yang menyumbang kepada sains matematika ini adalah hasil kejayaan penemuan ilmuan Islam untuk diimplementasikan dalam bidang kejuruteraan, ilmu matematik dan sains keseimbangan untuk kemaslahatan hidup manusia. Tiada pemaknaan magis lain atau pun makna simbolik waima metafora yang bersifat imaginasi yang tidak sepatutnya diada-adakan kerana dibimbangi wujudnya pentafsiran yang salah dari segi syara’.

Zakaria Awang (2001), beliau menegaskan bahawa seni Islam bukanlah seni yang boleh digambarkan melalui imej sama ada realistik atau simbolik mahupun abstrak yang digaya gayakan yang hanya akhirnya mendorong kepada khayalan yang berterusan. Seni Islam menurut beliau adalah seni yang menjiwai Al-Quran dan Al-Hadith yang disampaikan menerusi pengucapan atau penulisan yang merupakan dakwah kepada hakikat Islam itu sendiri (Zakaria Awang, 2001).

Syed Qutb (2016) menerangkan bahawa Islam tidak anti seni. Islam meletakkan, menambahkan dan menyempurnakan

aspirasi dan nilai-nilai baru yang mampu menambahkan cita rasa seni yang kreatif dalam membentuk seni Islam dengan had-had tertentu. Islam tidak mengabaikan sebarang aspek, material, intelek, agama maupun duniawi. Sebaliknya, Islam mengatur semua ini, supaya masing-masing dapat berhubung antara satu sama lain dan seterusnya mewujudkan kesatuan yang meliputi antara satu sama lain. Dalam ajaran Islam, segala aktiviti muslim adalah ibadah dan setiap perlakuan muslim termaktub dalam had (syara'). Menurut Mohammad Saheh (2003), had-had (syara') ini perlu kerana untuk menyempurnakan sifat atau fitrah manusia itu sendiri dan sebagai makhlukNya.¹³ Allah S.W.T bersifat indah dan Dia amat mencintai keindahan. Justeru itu, Allah S.W.T telah menetapkan fitrah manusia menyukai sesuatu yang indah dan menyenangkan. Oleh kerana fitrah manusia itu sendiri menggemari sesuatu yang indah sama ada yang nampak di mata atau berkenan di hati, syariat Islam telah meletakkan batasan (had) selain daripada bertujuan menyempurnakan fitrah manusia sebagai manusia dan sebagai makhlukNya, ia juga bertujuan menseimbangkan keterbatasan kemampuan pancaindera manusia dalam memikirkan dan menanggapi fenomena-fenomena alam ciptaan Allah S.W.T yang infiniti.

Seni ini diibaratkan mengikat kita kepada Allah untuk beramal ibadah kepadaNya. Ajaran Al-Quran menitikberatkan bahawa Ibadah itu hendaklah dilakukan kerana Allah S.W.T semata mata. Firman Allah S.W.T yang bermaksud;

“Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa tuhan kamu hanyalah tuhan yang satu, oleh itu sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amalan yang soleh, dan janganlah ia mempersekuatkan sesiapapun dalam ibadahnya kepada tuhannya.”

Oleh itu, segala tindakan yang dilakukan mestilah diniatkan kerana Allah S.W.T. Untuk mengawal asas dan dasar ini, Islam menegah setiap perbuatan yang boleh mendarangkan maksud penyembahan sesama manusia atau membuka jalan mengelirukan pengertian Ibadah yang semestinya hanya kerana Allah (UIAM, 2002).

6.3.2 Kaedah dan Peraturan Dalam Seni Khat

Menurut Abdul Baki Abu Bakar (2016), menulis khat juga mempunyai kaedah dan peraturan yang perlu dipatuhi, ada sukatan-sukatannya. Jelasnya, sungguhpun ia disebut khat Arab namun tidaklah wajib memahami bahasa Arab untuk menulis khat memandangkan ia juga boleh ditulis dalam jawi. Niat asal untuk mempelajari khat supaya kita mampu menulis ayat al-Quran dengan cantik dan orang boleh membacanya dengan baik. Yang kita tulis ini kalam Allah, memang berdosa besar kalau salah tulis. Jika salah tulis, orang baca salah, kita dapat dosa. Begitu juga, kalau orang baca dapat pahala, kita yang tulis pun dapat pahala. Ia amal jariah buat kita,” katanya (Kosmo, 2016).

Artis yang kurang ilmu seringkali melakukan kesalahan-kesalahan yang artis itu sendiri tidak tahu kesilapan tersebut seperti contoh memotong ayat Al-Quran yang mana telah menghilangkan dan merosakkan makna ayat Al-Quran. hukum jelas memotong sebahagian ayat Al-Quran. Ada juga karyawan yang sengaja mencetuskan isu dengan sengaja membuat karya berbentuk sarkastik menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan diterbalikkan (mirror) untuk mengabui mata pemerhati. Golongan karyawan seperti ini sememangnya berniat untuk memperolokkan dan menghina umat Islam secara metafora visual yang mempunyai maksud disebalik imej dalam karya tanpa disedari oleh umat Islam. Sheikh Ghazali Abdul Rahman (2014) Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara berkata usaha kumpulan kumpulan yang berselindung di sebalik gerakan liberalisme, pluralisme dan

hak asasi manusia itu hanya boleh dihalang sekiranya umat Islam bersatu dalam pandangan atau tindakan. Apa yang lebih menyedihkan ialah kealpaan umat Islam hari ini telah memberi ruang kepada musuh-musuh untuk menyerang agama Islam melalui pelbagai sudut dalam media sosial (Ghazali, 2014).

Berikut dengan itu, muzakarah sidang ke-69 Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan yang telah bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah menetapkan larangan menulis ayat-ayat Al-Quran mengikut rekabentuk alat permainan, tumbuhan dan seumpamanya. Rujuk rajah 2.3 dibawah;

Hukum Menulis Ayat-Ayat Al-Quran Mengikut Reka Bentuk Alat Permainan Seperti Wau, Tumbuhan, Bunga-Bungaan Dan Seumpamanya

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Menulis Ayat-Ayat Al-Quran Mengikut Reka Bentuk Alat Permainan Seperti Wau, Tumbuhan, Bunga-Bungaan Dan Seumpamanya. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Penulisan ayat-ayat al-Quran dalam bentuk hiasan yang keterlaluun yang boleh menimbulkan kekeliruan dan kesukaran kepada pembaca adalah dilarang;
2. Penulisan khat ayat al-Quran boleh dibuat dengan syarat ditulis dengan betul dan dapat dibaca;
3. Tulisan khat ayat al-Quran tidak boleh dicampuradukkan dengan ayat-ayat lain sehingga boleh mengelirukan pembaca;
4. Tulisan khat ayat-ayat al-Quran mestilah ditulis dengan sempurna dan susunan ayat-ayatnya tidak boleh terputus-putus sehingga mencacat atau mengelirukan atau mengubah maknanya; dan
5. Tulisan seni khat ayat-ayat al-Quran yang dibuat dalam pelbagai bentuk sehingga menimbulkan kekeliruan dan menghilangkan tujuan ayat-ayat al-Quran diturunkan iaitu untuk dibaca, difahami dan dihayati adalah dilarang.

Rajah 2.3: Muzakarah Majlis fatwa Kebangsaan telah menetapkan larangan menulis ayat-ayat Al-Quran mengikut rekabentuk alat permainan, tumbuhan dan seumpamanya.

Hukum asal melukis imej benda hidup ini adalah berdasarkan maksud hadis Nabi SAW;

“Sesiapa yang melukis atau mengukir gambar sesungguhnya Allah akan mengazabnya sehingga (jika disuruh) meniupkan ruh ke dalam gambar tersebut dia tidak mampu berbuat demikian selama lamanya.”

Hadis riwayat saih al-Bukhari (nombor hadis: 5963)

Hal ini juga dikukuhkan dengan peristiwa yang telah diceritakan oleh Aisyah r.a

قَيْمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ سَفَرٍ وَقَدْ سَرَّتْ بِقَرَامِ لِي عَلَى سَهْوَةٍ لِي فِيهَا تَمَاثِيلٌ فَلَمَّا رَأَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَنَّكُهُ وَقَالَ أَشَدُ النَّاسِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ الَّذِينَ يُصَاهُونَ بِخَلْقِ اللَّهِ قَالَتْ فَجَعَلْنَاهُ وَسَادَةً أَوْ وَسَادَتِينِ

Saya mendengar Aisyah radhiallahu'anha menemui Rasulullah ﷺ sekembalinya beliau dari safarnya, waktu itu saya telah membuat pembatas (satir) dari kain yang bergambar dalam ruanganku, ketika Rasulullah ﷺ melihatnya beliau langsung memotongnya sambil bersabda, "Sesungguhnya orang-orang yang paling keras siksanya pada hari kiamat adalah orang-orang yang membuat sesuatu yang menyamai ciptaan Allah." Aisyah melanjutkan, "Kemudian saya membuatnya menjadi satu bantal atau dua bantal."

Hadis riwayat Bukhari (nombor hadis: 5498)

Menurut Mufti Wilayah Persekutuan (2018), “adapun jika lukisan itu bertujuan yang tidak bercanggah dengan syara’ seperti digunakan untuk tujuan pembelajaran, pendidikan atau dakwah maka ianya dibenarkan”. Yusuf al-Qaradhawi (1993), beliau mengatakan: ‘*Hukum melukis sesuatu yang bernyawa seperti*

manusia dan haiwan menjadi khilaf dikalangan para ulama. Jumhur mengatakan bahawa ianya haram dan sebahagian para ulama' mengatakan ianya dibolehkan. Apa pun, penggunaan lukisan dalam media massa dengan tujuan berdakwah dan pembelajaran tidak termasuk dalam yang diharamkan bahkan sesuatu yang dituntut oleh syara' sekiranya menjadi medium yang amat penting dalam menyampaikan dakwah dan ilmu yang bermanfaat kepada manusia dan ini tidaklah menjadi gambar yang haram padanya seperti mana gambar-gambar yang mengangkat sesuatu yang tidak bermoral, kezaliman dan gambar-gambar yang tidak senonoh." Seniman dan karyawan Islam tidak sewajarnya menghasilkan seni yang semata-mata untuk menuruti kehendak hatinya mahupun sekadar untuk memenuhi cita rasa masyarakat sekeliling, kerana tindakan ini hanya mencerminkan kejahilan dan ketidakintelektualan yang berlaku di dalam sesuatu komuniti masyarakat.

Berikutan dari hadis dan fatwa di atas, Mufti Wilayah Persekutuan (2018) menyimpulkan seperti berikut "lukisan-lukisan yang dilakar dengan tujuan sedemikian tidaklah diharamkan kerana ianya dibuat bukan kerana dipuja atau disembah akan tetapi ianya adalah salah satu bentuk pendidikan dan dakwah bagi kanak-kanak khususnya dan ianya dianggap sebagai maslahat yang umum".

Jelas bahawa larangan-larangan ini adalah bertujuan untuk menutup pintu kerosakan kerana ditakuti karya yang dihasilkan menjadi objek sembahyang boleh merosakkan akidah. Hukum syarak melarang perbuatan menulis dan melukis khat dengan rupa haiwan yang jelas sebagai contohnya menulis ayat Al-Quran, hadith dan zikir dalam imej binatang ataupun makhluk hidup. Akan tetapi melukis makhluk hidup dalam konteks pembelajaran adalah dibenarkan jika digambarkan dalam bentuk flora, fauna atau figura manusia yang telah diabstrakkan supaya tidak sama seperti bentuk asal.

Had dan batasan syara' ini juga penting kerana ianya bertujuan supaya hasil seni yang dihasilkan oleh para karyawan Muslim memperlihatkan kesatuan idea dan pemikiran. Walaupun hasil karya seni itu datangnya dari pelbagai bangsa yang berlainan budaya dan tradisi, pengakuan akidah karyawan Islam yakni mengakui keesaan Allah S.W.T, mengagungkan kebesaranNya, mengakui kerasulan Nabi Muhammad S.A.W dan percaya dengan rukun Iman, menghasilkan ciri kesenian yang signifikan dengan ajaran Islam.

6.3.3 Karya catan seni khat kontemporari

Dewasa ini, penghasilan karya seni khat tidak terkecuali daripada pengaruh seni kontemporari dan teknologi digital. Diantara yang dapat diperhatikan ialah karya khat digabungkan dengan seni catan iaitu lukisan cat di atas kanvas, ada juga yang direka dan dicetak secara digital menggunakan beberapa aplikasi seperti corel draw, adobe illustrator, canva, Auto CAD dan pelbagai aplikasi yang terkini. Terdapat juga lukisan mural pada dinding bangunan yang digabungkan dengan khat untuk memberikan aura yang positif kepada mata yang memerhati lukisan mural tersebut.

Perkembangan ini memberikan impak yang positif kepada seni khat yang telah dipelbagaikan bentuk penyampaiannya menerusi media visual seperti contoh lukisan khat atas canvas yang kian mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia. Gabungan idea abstrak dan khat ini memberi nafas baru kepada tercetusnya seni khat kontemporari. Karya-karya yang dihasilkan masih mengekalkan kaedah penulisan tradisi khat yang menggunakan batang resam dan dakwat, buluh, berus, media akrilik, cat minyak, batik yang dilukis di atas kanvas. Rajah 3.1 dan 3.2 di bawah adalah beberapa contoh catan seni khat kontemporari yang menarik dan kreatif.



Rajah 3.1: Tajuk karya: **Allahu Akbar (Allah Maha Besar)**. Kaedah Khat: khat Diwani Jali, Gaya: batik, Saiz: 73 x 103 cm, Media: Arkirlik atas kanvas, Tahun: 2021, Artis: Ahmad Rajaei Awang.



Rajah 3.2: Tajuk karya: **Ar-Rahman Ar-Rahim**. Kaedah Khat: khat Sunbuli, Gaya: *Abstract Impasto*, Saiz: 2' x 3', Media: Arkirlik atas kanvas, Tahun: 2015, Artis: Ainun Jariah Yaacob.

Idea kreatif dan inovatif para penggiat seni khat ini tidak hanya sekitar penghasilan karya di atas kanvas sahaja tetapi juga diukir dan ditulis pada kayu, batu, tembikar, tembaga, malah ditenun pada kain songket. Idea ini divariasikan lagi dengan menggabungkan khat atas tekstil, barang kemas wanita (*jewellery design*), fesyen, produk seramik, arca, produk hiasan dalaman (*interior decoration*), cetakan digital berbentuk logo korporat,

banner, bunting, signboard, hadiah (merchandise gift), desain t-shirt, pelekat kereta (car sticker) dan pelbagai lagi produk-produk khat terkini. Terkadang, keghairahan menghasilkan produk-produk kreatif ini seringkali mencetuskan salah faham dan isu di kalangan penggiat seni khat dan profesional khat (*khattat*) dengan pereka (*designer*) atau pemilik perniagaan (*businessman*). Diantara isu yang seringkali diperdebatkan ialah kesalahan menulis dan menyusun ayat-ayat Al-Quran, kesalahan dari segi kaedah ejaan Jawi dan kesilapan yang serius iaitu menciplak hasil tulisan para profesional khat malah dijadikan pula produk perniagaan untuk mlariskan jualan syarikat masing-masing.

6.3.4 Kekeliruan dan kurang faham batasan syara' dalam catan seni khat kontemporari


Penyelidik akan memfokuskan kepada kesalahan yang ketara pada karya catan seni khat kontemporari yang mana objektif utama kertas kerja ini adalah untuk mengetahui apakah kekeliruan para pengkarya dalam merekabentuk catan seni khat dan sejauh mana kefahaman mereka dalam memahami apakah ciri karya catan khat yang menepati syara' dan selari dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Kertas kerja ini akan membincangkan amalan dan penerimaan isu yang berlaku dalam dunia seni khat tanahair.

Sampel karya untuk kajian ini adalah dari beberapa sampel terpilih yang dihasilkan antara tahun 1960-an dan 2021. Penelitian karya telah dilakukan dengan lanjut dalam penggunaan gaya khat dan objek atau imej yang dilukis dalam sampel karya tersebut. Pengumpulan sampel karya-karya kaligrafi dari penggiat seni khat ini penting sebagai data untuk dianalisa oleh penyelidik kerana ada di antara sampel karya khat yang digabungkan dengan bentuk imej lucah dan melampaui batas yang boleh mencetuskan isu dan

kekeliruan di kalangan masyarakat Malaysia yang rata-ratanya tidak memahami batasan syara' dalam seni.

Penyelidik telah mengkaji beberapa sampel hasilan karya catan seni khat kontemporari yang dilukis dengan komposisi yang abstrak, ada juga yang realistik, rumit dan sofistikated dilihat membawa makna spesifik dan memainkan peranan simbol yang tertentu, ditambah pula dengan corak dekoratif berkonsepkan beberapa *ism* seni yang menampakkan gambaran hidup dan juga tidak menampakkan gambaran makhluk hidup (*non-representational*) serta menyerapkan terjemahan bahasa seni yang sukar difahami.


Rajah 3.3 di bawah adalah karya catan kontemporari yang telah dilukis oleh karyawan tempatan bernama Anurendra Jagadeva pada tahun 2013. Kelihatan pada karya beliau cetakan huruf 'I' (Islam) sebagai *Idiot* dan kalimah '*Basmalah*' dalam keadaan cerminan terbalik (*mirror image*). Beliau telah mempamerkan karya tersebut untuk tontonan umum di Pameran Seni anjuran Galeri Publik, bertempat di bangunan perniagaan Publik Solaris Dutamas, Kuala Lumpur. Karya tersebut telah mengundang kemarahan umat Islam dan ia adalah satu cubaan untuk mencetuskan kontroversi serta ketegangan agama di kalangan pengikut agama Islam dan Hindu di Malaysia. Apa yang amat menyedihkan ialah dek kerana longgarnya pemerkasaan syariat berkenaan isu dan polemik dalam bidang seni tampak (visual) ini, maka pengkarya kontroversi Anurendra bebas dari tuduhan menghina Agama Islam. Beliau hanya diminta oleh pihak berkuasa untuk menurunkan karya dan tidak mempamerkannya di khalayak ramai.



Rajah 3.3: Karya kontroversi oleh Anurendra Jagadeva yang dipamerkan di Galeri Publika (2013).

Rajah 3.4 di bawah adalah karya yang dihasilkan oleh Sulaiman Esa (2011) pada tahun 1970-an dengan meletakkan cetakan songsang khat “Wa La Ghaliba Illa Allah”. Karya siri *Waiting for Godot I* ini menurut Niranjan Rajah (2001), “karya ini mewakili wanita bertelanjang sebagai simbol seni Barat yang mengalihkan perhatian daripada mengingati Tuhan. Kaligrafi Islam dan unsur-unsur hiasan pula boleh dilihat sebagai mewakili seni Islam dan keadaan rahmat yang dibawa oleh keinsafan kepada Tuhan. Seni khat pada karya bertindak sebagai simbol yang mewakili seni Islam dan ia harus membawa penonton kepada mengingati Tuhan” (Niranjan, 2001). Ulasan Niranjan ini dipersetujui dan diakui sendiri oleh Sulaiman Esa di dalam buku katalog pamerannya yang berjudul Al-Insyirah.

Rajah 3.5 adalah imej asal tulisan khat “Wa La Ghaliba Illa Allah” yang telah dibetulkan semula kedudukannya. Tulisan yang bermaksud “tiada pemenang selain Allah” telah diambil dari penulis khat yang tidak dikenali (Nor Azlin, 2021). Plet kaligrafi ini telah dicetak secara songsang oleh Sulaiman Esa dan diimplimentasikan pada karya beliau. Gambaran wanita bogel yang dilukis oleh Sulaiman Esa pada karya ini jelas memperlihatkan kejahilan beliau dalam memahami asas seni Islam.



Rajah 3.4



Rajah 3.5

Rajah 3.4: *Sulaiman Esa, Waiting for Godot I*, Cetakan Gurisan 76 x 62 cm 1977, Koleksi Himpunan Tetap Balai Seni Lukis Negara.

Rajah 3.5: Plet tulisan khat “Wa La Ghaliba Illa Allah yang bermaksud “tiada pemenang selain Allah” yang ditulis oleh penulis khat yang tidak dikenali.²⁷

Petikan ayat Al-Quran gaya tulisan kufi mushafi dari surah Al-Isra' ayat 69 dan beliau sengaja memotong petikan ayat Al-Quran ini supaya kelihatan tidak lengkap dan supaya tidak dapat difahami maksudnya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tindakan beliau ini telah mengubah maksud ayat 69 dari surah Al-Isra'.

Imej manusia, patung sembahyan kaum asli, simbol yin dan yang dari agama Buddha yang terdapat pada karya ini juga jelas amat bersalah dengan hukum syara' yang mengharamkan bentuk imej figura manusia yang diseikalikan dengan ayat Al-Quran. Tindakan ini sebenarnya merendah-rendahkan dan menghina kesucian ayat Al-Quran kerana digabungkan dengan simbol yin dan yang serta bentuk patung sembahyan orang asli yang mensyirikkan Allah SWT.



Rajah 3.6: Karya Sulaiman Esa, *Beauty in Multiplicity III*, saiz: 51 x 41 cm., media campuran

Sampel karya seterusnya adalah karya yang dihasilkan oleh penyelidik. Rajah 3.7 adalah karya yang bertajuk “Keinsafan 1” yang terilham dari peperangan yang meletus di beberapa negara Islam di serata dunia. Karya ini lebih menjurus kepada *Graphical Art & Expressionism*. Pemilihan surah At-Taubah: Ayat 20 yang bemaksud “Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah S.W.T dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah S.W.T dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

Gambaran figura manusia dalam karya ini menyampaikan mesej kepada masyarakat Islam supaya berani tampil untuk berjuang dan berjihad di jalan Allah S.W.T demi membela kesucian Ad-Deenul Islam yang semakin diinjak-injak oleh musuh Islam. Lukisan wajah-wajah figura manusia yang kelihatan ‘sympathetic’ digunakan bertujuan bagi menggambarkan kehidupan manusia yang berhadapan dengan peperangan yang meletus. Figura askar mujahideen sebagai lambang kekuatan Islam membekalkan semangat jihad yang tinggi manakala figura kanak-kanak yang sedang riang bermain menandakan bahawa kanak-kanak adalah mangsa yang paling menderita sekiranya perang berlaku asbab dari kemusnahan dan pembunuhan manusia pada skala yang besar.

Terdapat kekhilafan penyelidik dalam memahami asas seni Islam dan dipengaruhi oleh fahaman seni barat yang menebal dalam

cubaan menggambarkan maksud ayat Al-Quran tanpa menyedari bahawa melukis makhluk hidup seperti figura manusia adalah jelas hukumnya haram apatah lagi digabungkan sekali dengan ayat Al-Quran.



Rajah 3.7: Karya oleh Ainun Jariah Yaacob, 2002, bertajuk "Keinsafan 1" dari surah At-Taubah: ayat 20 "Orang-orang yang beriman dan berhijrah, serta berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka, adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah. Mereka itulah orang-orang yang memperoleh kemenangan."

Sampel karya seterusnya juga adalah karya yang dihasilkan oleh penyelidik. Rajah 3.8 di bawah adalah karya catan seni khat yang dihasilkan oleh penyelidik sendiri pada tahun 2003 yang diberi tajuk “Keinsafan 2”. Penyelidik memilih surah Ad-Dhariyat: Ayat 20-21 yang bermaksud “Dan di bumi terdapat tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah S.W.T) bagi orang-orang yang yakin, dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?”


Dalam karya ini, penyelidik cuba menyampaikan mesaj kepada masyarakat muslim supaya melihat tanda-tanda keesaan yakni kewujudan Allah S.W.T menerusi penciptaan alam dan hidupan di dasar lautan. Sebagai makhluk yang lemah, kita

sewajarnya mengakui KeEsaan Allah S.W.T dengan meneliti kejadian alam dan mensyukuri segala nikmat serta hikmah kurniaan yang diberi oleh Allah S.W.T kepada kita.

Penyelidik cuba memvisualisasikan tanda-tanda kebesaran Allah SWT dengan imaginasi yang penyelidik fahami dari maksud ayat tersebut. Dalam proses menghasilkan karya ini penyelidik pada ketika itu kurang memahami asas seni Islam kerana tidak didedahkan dengan ilmu syariat dalam seni dan penyelidik juga dipengaruhi oleh fahaman seni barat dalam cubaan menggambarkan kebesaran Tuhan tanpa mengetahui hukum melukis makhluk hidup seperti ikan dan hidupan di dasar lautan.



Rajah 3.8: Karya oleh Ainun Jariah Yaacob, 2003, bertajuk “Keinsafan 2” dari surah Ad-Dhariyat: ayat 20-21 “..di bumi terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah), bagi orang-orang yang yakin. Dan (juga) pada dirimu sendiri, apakah kamu tidak memperhatikan? (ayat-ayat Allah yang tersurat dan tersirat)”.



Rajah 3.9: Karya bertajuk Al- Al-Musawwir (Yang Maha Membentuk) oleh pengkarya Shah Tumin telah memenangi hadiah tempat pertama dalam pertandingan anjuran Kompleks Taman Seni Islam Shah Alam (2017).

Rajah 3.9 di atas adalah karya dari salah seorang penggiat catan seni khat kontemporari tempatan iaitu Shah Tumin. Karya beliau bertajuk Al-Musawwir yang bermaksud “Yang Maha Membentuk” adalah karya catan yang menggunakan media arkrilik di atas kanvas. Imej ikan yang dilukis atas karya adalah gambaran artis untuk menterjemahkan maksud Al-Musawwir yakni sifat Allah SWT yang Maha Membentuk kejadian makhluk ciptaanNya. Definisi Al-Musawwir diterjemahkan sebagai "Allah SWT Maha

Mencipta makhluk dengan pelbagai rupa dan identiti yang tersendiri tanpa berpandukan sebarang contoh sebelumnya".


Artis juga berkemungkinan menghadapi kekeliruan memahami asas dan hukum syara' seni Islam dalam cubaan memvisualisasikan maksud Al-Musawwir. Artis telah melukis imej realistik ikan dalam karya yang ditulis dengan tulisan khat Al-Musawwir yang bergaya diwani jali.



Rajah 3.10: Karya bertajuk: *Siri tadabbur Al-Kahfi*, Saiz: 76 x 153cm, Media: bitumen dan arcylic atas jut, Tahun: 2021, Artis: Zaim Durulaman .

Rajah 3.10 merupakan karya catan seni khat kontemporari yang terhasil dari cetusan idea karyawan terkenal negara iaitu Zaim Durulaman. Tajuk karya “Siri Tadabbur - Al-Kahfi” ini menggunakan media bitumen dan arcrylic atas jut dengan saiz sebesar 76 x 153cm. Artis Zaim menulis petikan dari surah Al-Kahfi dengan gambaran silhouette 7 orang pemuda Ashabul Kahfi beserta seekor anjing. Kisah Ashabul Kahfi (الكهف أصحاب) merupakan suatu kisah benar mengenai 7 orang pemuda yang tertidur di dalam sebuah gua. Di dalam Al-Quran, Surah Al-Kahfi: ayat 9 hingga 26; diceritakan kisah 7 orang pemuda beriman yang telah mendarikan diri dari pemerintah yang zalim dan bersembunyi di sebuah gua dan bagaimana Allah SWT mendurunkan mereka selama 309 tahun. Sehingga kini tiada yang mampu menjelaskan bagaimana manusia ashabul kahfi ini boleh tidur sehingga ratusan tahun tanpa makan dan minum. Namun bagi orang yang beriman, tiada yang mustahil bagi Allah SWT mengkehendaki berlaku perkara sedemikian.

Artis Zaim juga didapati terkhilaf dalam cubaan memvisualisasikan tanda dan peristiwa ashabul kahfi ini. Karya yang dihasilkan adalah berdasarkan imaginasi artis dan terdapat pengaruh barat iaitu seni naratif (*Narrative Art*) dalam perjalanan menyiapkan karya ini. Tulisan khat berlatarbelakangkan keadaan dalam gua yang berwarna kelam dan lakaran bentuk *silhouette* manusia serta seekor anjing dilukis sebagai penceritaan kepada peristiwa ashabul kahfi. Terlihat jelas kesamaran dalam memahami hukum melukis bentuk manusia dan binatang yang disekalikan dengan ayat suci Al-Quran.



Rajah 3.11: Karya bertajuk: *Siri tadabbur As-Soffat*, Saiz: 76 x 153cm, Media: bitumen dan acrylic atas jut, Tahun: 2021, Artis: Zaim Durulaman

Rajah 3.11 adalah karya siri tadabbur dengan surah As-Soffat yang juga merupakan karya dari artis Zaim Durulaman. Tajuk karya “Siri Tadabbur - As-Soffat” ini menggunakan media yang sama seperti karya Al-Kahfi iaitu bitumen dan acrylic atas jut dengan saiz 76 x 153cm. Artis Zaim menulis petikan dari surah Surah As-Soffat: ayat 141 hingga 148 dengan berlatar belakangkan lukisan ikan paus besar yang seolah-olah berada di tengah lautan.

Dalam surah ini mengisahkan Nabi Yunus AS meninggalkan kaumnya yang tidak mahu beribadah kepada Allah SWT. Tindakan Nabi Yunus AS itu tidak disukai oleh Allah taala. Baginda

kemudian menaiki sebuah kapal yang penuh dengan muatan tetapi malangnya di tengah perjalanan Nabi Yunus AS telah diundi untuk terjun ke lautan kerana berlaku rebut petir yang boleh merisikokan penumpang lain di atas kapal. Nabi Yunus AS kemudiannya ditelan oleh ikan besar yang telah diperintahkan oleh Allah SWT untuk menelan Nabi Yunus. Di dalam perut ikan yang gelap gelita itulah Nabi Yunus AS terdengar suara-suara tasbih yang menjentik hati baginda untuk menyesali perbuatan meninggalkan kaumnya dalam keadaan marah. Nabi Yunus bertaubat dengan penuh penyesalan dan berzikir sebanyaknya sehingga Allah taala mengampunkan dosanya. Allah taala telah mengutuskan ikan paus itu untuk memuntahkan Nabi Yunus ke atas daratan dan akhirnya baginda terselamat.

Kekhilafan terlihat jelas sama seperti karya siri tadabbur Al-Kahfi iaitu cubaan menggambarkan imaginasi dalam menyampaikan maksud ayat Al-Quran. Karya berkonsepkan seni naratif barat (*Narrative Art*) yang disertakan dengan tulisan khat surah As Soffat, berlatarbelakangkan keadaan dalam gua yang berwarna kelam dan lakaran bentuk seekor ikan paus besar dilukis bagi mencapai maksud penceritaan kepada peristiwa Nabi Yunus. Karya ini juga seperti karya Zaim yang sebelumnya (Siri tadabbur Al-Kahfi) di mana artis terlihat kurang memahami hukum melukis bentuk realistik ikan paus yang disekalikan dengan ayat suci Al-Quran.

6.4 KESIMPULAN

Kesedaran tentang kepentingan menjaga kesucian ayat-ayat Al-Quran, Zikrullah dan Asmaul Husna (99 nama-nama Allah) amat kurang di kalangan karyawan seni tanahair bilamana terdapat gabungan ayat-ayat Al-Quran dan zikir dengan benda hidup (fauna/binatang) dalam karya catan yang dihasilkan. Terdapat karya catan seni khat kontemporari yang dihasilkan oleh pengkarya yang tidak mengetahui hukum meletakkan gambaran makhluk hidup dalam karya. Gambaran figura manusia dan binatang yang jelas

bentuknya dan bukan bertujuan untuk mendidik masyarakat juga dilukis pada catan seni khat. Ini ditambah pula dengan kesalahan menggabungkan ayat-ayat Al-Quran dengan imej atau bentuk makhluk hidup. Selain dari tu, terdapat karya catan seni khat yang menggunakan tulisan ayat-Al-Quran & zikir yang dilukis secara menenggelamkan ayat tersebut dan dijadikan seolah-olah tidak kelihatan (*watermark*) pada kanvas boleh mengelirukan pembacaan.

Apa yang lebih menyukarkan lagi apabila ayat Al-Quran dilukis dengan tulisan khat yang digayakan berdasarkan keinginan estetik artis sehingga tidak dapat dibaca ayat tersebut malah idea ini dilunakkan sebagai metafora visual dalam seni. Gambaran dan imej visual yang dianggap metafora seni ini dikhuatiri akan memberi maksud yang berlainan (*double meaning*) dan bercanggah dengan syara'. Isu menggambarkan atau memvisualisasikan maksud ayat-ayat Al-Quran dengan gambaran visual dari imaginasi pelukis perlu diberi perhatian yang serius agar bentuk visual yang dilukis tidak bercanggah dengan maksud sebenar Al-Quran dan tidak melibatkan imej figura manusia atau fauna sepertimana yang ditetapkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Permasalahan bentuk atau imej yang menjadi doktrin falsafah dalam sesuatu karya catan seni khat boleh menimbulkan konflik pemikiran yang mengelirukan dan sewajarnya doktrin ini ditolak. Islam tidak menolak kewujudan bentuk kerana alam ini sendirinya adalah alam berbentuk dan berupa (*world of forms*). Sebagai makhluk manusia, kita tidak boleh mengelakkan diri daripada bentuk-bentuk yang ada di sekeliling kita. Baginda S.A.W menganjurkan kepada kita supaya memilih antara bentuk-bentuk yang ada itu supaya dijadikan universal untuk Islam dan dimasukkan ke dalam sunnahnya. Oleh itu, terserah kepada penilaian dan pemilihan kita untuk memilih bentuk yang wajar dan sesuai dengan ruang lingkup atau pandangan kita tentang alam dan kehidupan. Apa yang perlu diutamakan dalam penilaian ialah kebenaran ilmu yakni yang terkandung di dalam Al-Quran melalui biasan (*reflect*) seni.

Penyelidik berpendapat bahawa artis mahupun penggiat seni khat sepatutnya digalakkan untuk mendalamai seni Al-Quran terlebih dahulu ataupun sekurang-kurangnya perlu arif dan

mengetahui kaedah menyusun ayat-ayat Al-Quran di atas karya supaya tidak berlaku kesalahan dalam berkarya. Ilmu tentang penulisan khat dan pengkajian bidang Al-Quran ini penting untuk dipelajari oleh karyawan tempatan yang rata-ratanya tidak memiliki latarbelakang ilmu Al-Quran dan mereka juga bukan penghafaz Al-Quran. Ini merupakan kelemahan ketara yang menjadi punca kekeliruan yang berlaku. Apa yang jelas adalah mereka datang dari kelompok artis seni liberal yang berpaksikan kefahaman (*ism*) seni barat. Oleh kerana itu, perlu ditekankan peri pentingnya mempelajari maksud ayat Al-Quran agar tidak berlaku pemotongan ayat dan juga kesalahan-kesalahan menulis ayat Al-Quran. Hal ini kerana kejahiran meneliti maksud ayat Al-Quran hanya akan mendatangkan kerosakan dari sudut aqidah dan menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat. Oleh itu, terdapat keperluan garis panduan syara' untuk penggiat seni khat di Malaysia memahami batasan dalam menghasilkan karya catan terutamanya yang melibatkan penulisan khat yakni ayat-ayat Al-Quran dan zikrullah.

Justeru itu dapat disimpulkan dan difahami bahawa karya seni yang diciptakan adalah realiti baru yang sentiasa berubah-ubah kerana ia merupakan ciptaan manusia kreatif, sedangkan yang abadi adalah ciptaan Allah. Agama pula adalah abadi dalam kebenarannya, sedangkan karya seni adalah universal. Ia muncul dan tumbuh di mana-mana dan sepanjang masa, sedangkan agama tidaklah muncul dan tumbuh di mana-mana sepanjang waktu.

Trend dakwah masa kini dilihat perlu kepada peranfaatan kesenian dalam berdakwah kerana ianya dilihat sebagai medium yang mampu menarik minat golongan sasaran seperti remaja dan belia untuk menerima seruan dakwah. Sebagai seniman muslim, medium seni ini wajar dijadikan sebagai landasan untuk menyampaikan dakwah dan ajaran Islam yang syumul, iaitu dengan menterjemahkan dan meneliti makna ayat-ayat Al-Quran yang ditulis (yang dihasilkan sebagai karya) untuk difahami kandungannya kerana itulah mukjizat ilmu dan rujukan utama dalam mengatur kehidupan manusia. Menjadi satu kelebihan apabila ayat-ayat Al-Quran yang dipersembahkan dalam karya catan dapat berfungsi menyelamatkan manusia dan

menyembuhkannya daripada penyakit lalai akliah dan rohaniah. Di sinilah lubuk pahala kepada seniman muslim apabila mampu dan berupaya mengarahkan masyarakat ke arah kebaikan menerusi medium seni visual. Pandangan hukum Islam adalah jelas bahawa kreativiti dalam seni boleh dilakukan dengan syarat tidak membawa mudarat, bahkan mendapat ganjaran pahala sekiranya boleh membawa manfaat baik kepada pelaku atau pengkarya dan penikmat mahupun masyarakat sekitarnya. Seniman Islam yang benar-benar memahami tujuan dan fungsi *seni*, akan menggunakan keistimewaan bakat seninya dalam membangunkan masyarakat yang beriman, berilmu, beramal soleh dan meletakkan dirinya sebagai insan yang bermanfaat dari segi keintelektualan, kemantapan akhlak dan kepimpinannya yang selaras dengan ajaran Islam.

6.5 RUJUKAN

- Abd Ghani Samsuddin. (2001). *Seni dalam Islam*, Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication.
- Abdullah Yusof. (2001). *Aktiviti Seni dalam Masyarakat Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ahmad Sabri. (2000). *Tarikh al-Khat al-Arabiya*, Kaherah, Mesir: Dar al-Fadilah Publication. Al-Ghazali (1997), *Penyelamat Dari Kesesatan*, terjemahan Abd. Fatah Haron, DBP, Kuala Lumpur, hlm 27-28.
- Al-Quran, *Tafsir Quran Pimpinan Ar-Rahman Pengertian Al-Quran 30 Juzu'*, (2000) Sheikh Abdullah b. Muhammad Basmeih 16th Edition, Darul Fakar Publishing. Amat Juhari Moain, (1996) Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi (Siri monograf sejarah Bahasa Melayu), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Balai Seni Visual Negara. (2011). *Katalog Raja'ah: Seni, Idea dan Kreativiti Sulaiman Esa dari 1950-An - 2011 Art, Idea and*

Creativity of Sulaiman Esa From 1950's – 2011, Straits Digital Sdn. Bhd., ISBN 978- 983-3497-54-6Niranjan Rajah (2001) "Insyirah al-Sadr: The Art of Sulaiman Esa" *Insyirah: Lukisan Sulaiman Esa dari 1980 Hingga 2000*, Kuala Lumpur: Petronas.

Dzul Haimi Md Zain. (1999). *Seni Islam*, Univision Press Sdn. Bhd. Selangor, hlmn 4-5. Hashim Al-Baghdadi (2007). *Fan Al-Khat Al-Arabiyya*, Kaherah, Mesir: Dar al-Fadilah Publication.

[https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2271-irsyad-al-fatwa-siri-ke 213](https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2271-irsyad-al-fatwa-siri-ke-213)

<https://sunnah.com/abudawud:4153>

[https://www.malaymail.com/news/malaysia/2013/08/31/i-is-for-idiot-slipped-through censors-says-minister/517739](https://www.malaymail.com/news/malaysia/2013/08/31/i-is-for-idiot-slipped-through-censors-says-minister/517739)

<https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/calligraphy?q=calligraphyhttp://ummahtoday.com.my/kaligrafi-arab-tersenarai-dalam-warisan-unesco/> Ismail & Lois Lamya al-Faruqi, (2000). *The Cultural Atlas of Islam*, New York: Macmillan Publishing Company.

Issam El-Said, Edited by Tarek El-Bouri, et.al. (1993). *Islamic Art and Architecture: The System of Geometric Design*, Garnet Publishing Ltd. U.K.

Kamus DwiBahasa Oxford. (2003) Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Selangor, Malaysia. Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor (1995), Aspek-Aspek Kesenian Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahada dan Pustaka.

Martin Lings and Yassin Hamid Safadi. (1976). *The Quran*, The World of Islam Publishing Co. Ltd., London.

Mikhail B. Piotrovsky. (1999). *Earthy Beauty, Heavenly Art of Islam*, De Nieuwe Kerk, Armsterdam Lund Humphries Publishers, hlm 30-32.

Mohamad Saheh Mokhtar. (2003). Sesi Perbincangan Kuliah *KMU 131 Projek Seni Khat (Masyru' Al-Kalam)*, Kolej Restu, Selangor.

Nor Azlin Hamidon, Nurul Huda Md Din. (2020). Issues of Originality and Imitation in The Islamic Calligraphy: Between Tradition and Contemporary Practice, International Journal of INTI, 25(1), 12-21.

Penghinaan terhadap Islam berterusan jika umat tidak bersatu - Tokoh Maal Hijrah Ghazali Abd Rahman 2014, <https://www.bharian.com.my/node/135n95> <https://sunnah.com/bukhari:5963> Prof Dr Muhammad Yusuf Al-Qardhawi, Halal & Haram Dalam Islam (terjemahan H. Mu'ammal Hamidy), PT. Bina Ilmu, 1993. <http://media.isnet.org/kmi/islam/Qardhawi/Halal/2038.html>

Rujukan kuliah, *Rabitah Islamiyyah*. (2002). Peringkat Matrikulasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Siddiqui, E. *Islamic Art*. (1999). (internet source, posted paper in www), 02/09/04. Sidi Gazalba (1977), Pandangan Islam Tentang Kesenian, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Qutb. (2016). Pendekatan Islam Terhadap Keadilan Sosial, Unisia, journal.uii.ac.id, Universitas Islam Indonesia.

Mohammed Yusof Abu Bakar. (2003). Perbincangan sesi kuliah *KUR 112: Teori dan Amali Penulisan Al-Khat Al-Ruqa'ah & Artikel Perkembangan Seni Khat dan Islam*, Petaling Jaya, Selangor.

Yusof Al-Qardawi. (2001). *Al-Islam Wa Al-Fan*. Johor: Percetakan

Jahabersa Sdn. Bhd.

Zakaria Awang. (2001). Artikel *Jiwa Seni Islam*, Jabatan Seni Halus, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor.